

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 22

Selasa

19 Mei 2015

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 30)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Ahli Kimia (Pindaan) 2015	(Halaman 30)
Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (Pindaan) 2015	(Halaman 58)
USUL-USUL:	
Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah P.M.16(3)	(Halaman 115)
UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:	
■ Kesilapan dan Keciciran Keputusan Peperiksaan Pertengahan Tahun 2014 - <i>Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat)</i>	(Halaman 115)
■ Peruntukan Bagi Membina Infrastruktur Hub Transshipment ASEAN - <i>Datuk Madius bin Tangau (Tuaran)</i>	(Halaman 118)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA
Selasa, 19 Mei 2015

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)
mempengerusikan Mesyuarat]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]** minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan sama ada kualiti air paip (treated water) yang sedia ada di seluruh negara mencapai tahap atau standard yang boleh membanggakan berasaskan standard antarabangsa. Berapakah peratusan penduduk di Malaysia yang belum mendapat air terawat mengikut negeri.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, semua operator air di negara ini perlu memastikan kualiti air terawat yang dibekal melalui sistem bekalan air awam mematuhi standard yang ditetapkan iaitu Garis Panduan Piawaian Kualiti Air Minum Kebangsaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Garis panduan tersebut disediakan berdasarkan standard yang ditetapkan oleh *World Health Organization* (WHO) dengan izin.

Secara amnya, kualiti air yang dibekal dari loji-loji rawatan air mematuhi parameter minimum yang ditetapkan oleh garis panduan berkenaan. Tahap pematuhan oleh operator-operator air bagi tahun 2014 ialah 96.46%. Kerajaan dan semua operator air sedang meningkatkan usaha untuk menaik taraf loji-loji dan sistem agihan secara berperingkat dan mengikut keutamaan supaya kualiti air selamat digunakan oleh pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan statistik pada tahun 2014, tahap liputan bekalan air awam di Malaysia secara purata ialah 96.2%. Liputan di kawasan bandar ialah 96.7%. Manakala liputan di kawasan luar bandar ialah 95.6%. Peratusan penduduk Malaysia yang belum mendapat air terawat daripada sistem bekalan air awam pada tahun 2014 mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Peratus (%)
Johor	0.2
Kedah	1.7
Kelantan	36.8
Labuan	0 (100% menerima air terawat)
Melaka	0 (100% menerima air terawat)
Negeri Sembilan	0.1
Pulau Pinang	0.1
Pahang	2.0
Perak	0.4
Perlis	0.5
Selangor	0.2
Terengganu	4.0
Sabah	14.0 (di luar bandar ini boleh dipecahkan di antara <i>urban</i> dan <i>rural</i> . Di luar bandar menerusi 27% belum menerima air terawat)
Sarawak	6.2 (dipecahkan dengan <i>rural</i> , luar bandar masih 24% yang belum menerima air terawat)

Sekian.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri cerita air, isu air ini memang banyak tetapi yang saya ingin sampaikan dalam soalan asal adalah untuk memberi kesedaran sebenar ke atas kualiti air yang kita gunakan seharian yang disalurkan kepada rumah-rumah untuk diminum dan air itu adalah bersih dan selamat. Kita contoh di negara yang maju, air paip di hotel-hotel yang besar adalah selamat untuk diminum begitu saja tanpa dimasak ataupun *they need for the treatment*.

Akan tetapi di Malaysia Yang Berhormat Menteri, saya belum melihat di hotel-hotel bahawa air di paip itu adalah selamat untuk diminum. Kita mahu sedar bahawa air yang disalurkan ke rumah-rumah kalau mengikut jawapan Yang Berhormat Menteri tadi mengikut standard tetapi di kebanyakan bandar yang kita ketahui bahawa air itu ialah sangat kotor dan itulah menyebabkan kita selalu kluatir adakah air itu bersih atau selamat untuk diminum.

Jadi soalan saya Yang Berhormat Menteri, apakah langkah-langkah kerajaan untuk mengatasi masalah ini seperti air ataupun *source of water* ataupun daripada sumber sungai di mana air itu di pam. Disebabkan air yang begitu kotor, adakah kerajaan bercadang untuk mengubah undang-undang perumahan supaya penapis air dipasang

kepada semua rumah yang akan dibina supaya air yang sampai ke rumah-rumah itu adalah selamat dan bersih untuk diminum oleh rakyat kita. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Yang Berhormat Kanowit. Seperti mana jawapan saya tadi itu, jika di kawasan bandar di mana operator-operator itu membekal air terawat, sememangnya garis panduan memastikan supaya yang ditetapkan oleh WHO, 131 parameter yang disenaraikan oleh WHO. Malaysia membuat dari semasa ke semasa tidak kurang daripada 38 parameter, okey dan *compulsory* adalah sememangnya 5 parameter yang dibuat setiap minggu ataupun setiap bulan untuk dipantau *as the minimum requirement* ya, selain daripada saya katakan tadi 38.

■1010

Ini adalah lima perkara bagi klorin dan e-coli dan kekeruhan lebih *detail* dan aluminium. Jadi, mana-mana operator yang tidak mematuhi kualiti air yang telah ditetapkan pihak berkuasa negeri ataupun kalau di semenanjung adalah SPAN memantau dan mengambil tindakan-tindakan yang perlu kepada operator-operator yang terlibat. Bagi di luar bandar, di sinilah sedikit sebanyak masalah yang mencabar sebab satu daripada definisi kita seperti dalam soalan asal *treated water*. *Treated water*, loji itu buat penapisan dan seterusnya. Definisi di luar bandar ialah air bersih dan agensi yang terlibat dalam ini adalah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah bersama dengan Jabatan Kesihatan. Jadi, tertakluk kepada aduan kawasan di peringkat daerah bagi mereka yang tidak menerima air dalam bentuk *treated water*.

Jadi, apa yang perlu dibuat saya rasa Menteri KKLW baru masuk, beliau lah yang bertanggungjawab untuk bekalan air luar bandar. Kita sedia maklum kebanyakan bekalan air luar bandar yang *outside the reticular system* itu adalah *either stand alone* yang sebahagian sebanyak ada rawatan juga dijalankan. Akan tetapi kalau nun jauh di luar bandar, *gravity water*, *tube well* semua ini memang tidak ada penapisan. Hanya dipandu oleh pegawai berkuasa peringkat daerah seperti DO untuk minta Jabatan Kesihatan pergi buat *sampling* tetapi memang tidak ada peraturan yang terletak seperti mana peraturan berkaitan dengan loji yang membuat pengeluaran air.

Saya hendak sentuh sedikit tentang Kelantan di sini, sebanyak 36.8% belum menerima rawatan tetapi ini kerana ada tempat yang tinggi dan di situ masih banyak yang minat dengan *tube well* dan sememangnya tidak ada rawatan kepada sumber-sumber ataupun pengeluaran air daripada *tube well*.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, memandangkan pihak Jabatan Air sebelum diswastakan pernah dan

sering kali memberitahu tentang tekanan air tidak dapat dinaikkan atas kawasan-kawasan tertentu terutama semasa musim perayaan. Saya difahamkan jabatan ini ada program kawasan-kawasan yang dikenal pasti akan menggantikan paip-paip yang uzur atau paip-paip yang lama atau satu program yang telah disediakan kerana jika tidak menggantikan paip lama mungkin kalau kita *increase* dan tambah tekanan itu, kebocoran akan berlaku di sana. Oleh sebab itu saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri, adakah program-program ini atau jadual untuk menukarkan paip ini juga dimasukkan kepada kontrak atau perjanjian penswastaan supaya operator ini akan menjalankan tugas sebegini? Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Sememangnya bagi negeri-negeri yang telah pun *migrate* dengan izin, kepada akta bekalan Industri Air ini ataupun SPAN maka negeri-negeri seperti Melaka, Negeri Sembilan, Perlis, Johor, Pulau Pinang dan Perak. Di bawah perjanjian yang dilakukan bagi operator-operator, pengurusan *non-revenue water* itu sememangnya sebahagian daripada dimasukkan di dalam perjanjian walaupun pada keseluruhannya bagi negeri-negeri yang telah *migrate* dan di bawah pengurusan SPAN dan Akta WASIA. Sebahagian besar juga tugas untuk CAPEX, dijalankan oleh pihak PAAB. Akan tetapi sememangnya bagi operator-operator yang lain perjanjian itu adalah mematuhi untuk melaksanakan program-program NRW dan semakan takrif yang mereka pohon dari semasa ke semasa dan prestasi KPM ini berasaskan kepada langkah-langkah seperti yang saya telah sentuh tadi.

Bagi Rancangan Malaysia Kesebelas, cadangan pihak kerajaan adalah untuk tidak menyerahkan perkara sekadar NRW itu kepada pihak operator dan pihak PAAB cadangan adalah di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas yang dibentangkan pada minggu ini nanti. Kita sedang menyediakan *National NRW Blueprint* iaitu membantu negeri-negeri mengurangkan kekurangan air dan khususnya *non-revenue water* seperti mana yang disentuh tadi Kerajaan Persekutuan bagi banyak duit buat empangan tetapi hanya 50% air sampai ke rumah. Jadi, *we said, lets handle* bersama dengan negeri-negeri mengatasi perkara *non-revenue water* ini yang antara lain melibatkan kurang tekanan dan tidak mencukupi dan *distraction* di sana dengan izin. Inilah rancangan yang dibuat, terima kasih.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya ingin mengetahui apakah rancangan jangka panjang kerajaan dalam menangani gangguan bekalan air akibat loji-loji air tidak dapat memproses air akibat daripada kandungan bahan kelodak yang terlalu tinggi dalam air

yang hendak diproses kerana akhir-akhir ini kita lihat pencemaran alam sekitar yang mengakibatkan kandungan bahan-bahan terampai itu begitu tinggi. Saya pohon penjelasan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri, ini terutama sekali di kawasan Jerantut, Temerloh, Kuala Krau yang menyebabkan Sungai Pahang termasuk Lipis. Sekarang ini loji-loji air diberhentikan tidak boleh proses air.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Ini berasas kepada kualiti air dari segi *intake* itu dan ini memang dari semasa ke semasa dihadapi oleh beberapa loji. Jadi misalnya kalau Sungai Pahang itu *contain Co2* dari semasa ke semasa dan waktu hujan begitu tinggi dan seterusnya. Ini antara cabaran. Seperti di Selangor ada beberapa kali dalam tahun ini terjadi di mana loji berhenti beroperasi oleh kerana pencemaran yang dilakukan oleh pihak industri kilang-kilang yang tidak mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar. Sebenarnya ini bukan masalah loji, ini adalah masalah peringkat sumber air, *raw water* di sungai. Ini memerlukan peningkatan pemantauan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar, kerjasama juga oleh pihak industri supaya mematuhi piawaian yang ada.

Pada dasarnya keseluruhan sumber air di mana loji itu terletak. Sebelum loji itu dibina memang telah pun dikaji dengan mendalam bahawa air mencukupi dan air itu mempunyai kualiti untuk membuat penapisan. Akan tetapi setelah industri maju, makin lama makin dekat dengan sungai, kurang lagi pematuhan dan kadang-kadang barangkali kelemahan kita dalam membuat *enforcement*. Maka dari semasa ke semasa ini ada masalah. Bagi sungai-sungai yang lain seperti Sungai Pahang dan Lipis, ada masanya *turbidity* tinggi dan *oxygen* begitu tidak melalui piawaian yang lain. Jadi saya rasa ambil tindakan adalah pemantauan, *enforcement* dan pada masa yang sama, kerjasama oleh semua pihak awam. Terima kasih.

2. Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta Perdana Menteri menyatakan pegawai-pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PTD) telah banyak menyumbang kepada pembangunan negara. Apakah kaedah-kaedah yang digunakan oleh kerajaan dalam menaikkan pangkat pegawai-pegawai ini agar mereka yang betul-betul layak sahaja yang dinaikkan pangkat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: *Bismillahi Rahmani Rahim*, Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Ahli Yang Berhormat usaha berterusan dibuat bagi memastikan pegawai-pegawai yang betul-betul layak sahaja dinaikkan pangkat. Bagi kenaikan pangkat pegawai ke Gred 44 hingga Gred 52 ia

berdasarkan peraturan-peraturan yang sedang berkuat kuasa iaitu pertimbangan kenaikan pangkat bagi pegawai-pegawai dilaksanakan berdasarkan merit prestasi, laporan penilaian prestasi tahunan (LNPT) dan juga kekananan.

■1020

Bagi kenaikan pangkat ke Gred 54, kaedah tambahan digunakan iaitu memerlukan pegawai mempunyai ijazah lanjutan iaitu Master atau PhD bagi membolehkan pegawai mempunyai tahap pengetahuan yang lebih tinggi dan berpandangan jauh.

Bagi pemangkuan ke gred Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA) C, pegawai perlu melepasi penilaian potensi oleh ketua jabatan dan *Advanced Leadership Development and Assessment Programme (A-LEAP)*. Bagi tujuan pengesahan, pegawai perlu lulus *Advanced Leadership and Management Programme (ALMP)*. Pemilihan pegawai bagi tujuan kenaikan pangkat adalah berdasarkan faktor kelayakan, kompetensi dan juga kepimpinan. Terima kasih.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga Yang Berhormat Menteri. Secara kebetulan, Yang Berhormat Menteri dan saya bekas pegawai PTD. Jadi mungkin pada zaman kita dahulu kenaikan pangkat itu agak *straight forward* dengan kuasa diberikan sepenuhnya kepada KSN. Akan tetapi saya difahamkan Yang Berhormat Menteri, akhir-akhir ini ada terdapat pegawai-pegawai yang layak untuk dinaikkan pangkat tetapi disebabkan tidak diterima oleh *political master*. Ada kadang-kadang pegawai 'A' untuk pergi ke satu kementerian tetapi Yang Berhormat Menteri tidak mahu pegawai ini kerana dia mahu tunggu pegawai dia yang lebih junior naik ke satu jawatan yang lebih tinggi kerana pegawai ini bekas ataupun sedang berkhidmat dalam kementerian dia. Ini menyebabkan pegawai yang layak itu tidak dapat naik pangkat.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, adakah kaedah untuk bagi *extension* kepada *senior officers* masih berlaku? Ini kerana sekarang kita sudah pun berikan pencen kepada pegawai-pegawai sehingga umur 60 tahun tetapi adakah masih wujud yang mana *senior officers* ini diberikan *extension*? Akibat *extension* itu, pegawai-pegawai di bawah walaupun *qualified*, tidak dapat naik pangkat kerana dia sangkut di atas mungkin sebab-sebab tertentu. Jadi, adakah ini masih diamalkan? Saya kira kalau masih diamalkan, apakah pihak Yang Berhormat Menteri ataupun kerajaan bercadang untuk melihat balik kaedah yang sedang digunakan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang cukup baik kerana ia memerlukan pencerahan kepada rakyat Malaysia yang sedang menonton. Pertama sekali, pegawai yang layak tidak boleh naik pangkat kerana *political master*.

Political master ini banyaklah seperti di Selangor, puak-puak Yang Berhormat, di Penang, puak-puak Yang Berhormat, Kelantan dan sebagainya.

Jadi, kalau hendak kira macam itu apakah ia berlaku di Selangor ataupun di Penang ataupun di Kelantan, sudah pasti jawapan Yang Berhormat tidak. Akan tetapi jawapan kami lebih tidak. Tidak mungkin boleh berlaku bila Menteri tidak mahu, dia tidak dinaikkan pangkat. Dia dinaikkan pangkat berdasarkan merit dan juga kekananan serta potensi seperti yang saya sebutkan tadi. Tidak mungkin. Kalau ada, Yang Berhormat kena maklum kepada saya untuk membolehkan tindakan yang wajar boleh diambil.

Itu Yang Berhormat tahu bahawa saya bekas pegawai PTD, Yang Berhormat juga bekas pegawai PTD. Ada dua tiga perkara yang berlaku yang saya rasa saya terbaik tetapi pandangan orang, saya tidak terbaik, sebagai contoh. Jadi, saya kena bertukar ataupun apa-apa yang patut. Saya juga naik pangkat, saya berasa saya tidak berapa layak tetapi naik pangkat, sebagai contoh. Jadi makna kata, ini adalah berdasarkan kepada laporan prestasi yang telah saya sebutkan. Walaupun berlaku sekiranya Menteri terpaksa tunggu pegawai yang junior itu dia *senior enough* untuk membolehkan dia naik pangkat, itu tidak tepat. Maknanya, Menteri berkenaan terpaksa berkorban. Menteri pun tidak tahu dia punya *term* berapa lama. Dia hendak tunggu pegawai itu naik pangkat dua tiga tahun, jadi jawatan itu akan kosong.

Pada prinsipnya, kita tidak akan benarkan benda itu berlaku dan sebaliknya kita bagi keadilan yang sewajarnya kepada anggota kerajaan. Akan tetapi kalau ada berlaku satu kes ataupun dua kes, sebagai manusia, mungkin ada kekurangan di sana sini, Yang Berhormat boleh laporkan sebab kadang-kadang pegawai rasa dia cukup layak, terbaik dalam dunia. Akan tetapi pada pandangan orang lain, dia tidak berapa baik. Kalau ada Menteri ataupun pihak kerajaan negeri terpaksa menunggu pegawai junior itu senior baru boleh naik pangkat, pada prinsipnya tidak benar.

Keduanya ialah kontrak kepada pegawai yang telah pencen. Ini masih berlaku kerana berdasarkan kepada keperluan semasa yang cukup hebat, kita cukup memerlukan perkhidmatannya. Akan tetapi sekarang ini, saya juga berbincang dengan peringkat pegawai kalau sekiranya pegawai yang pencen itu diberikan kontrak, katakan setahun, pegawai yang timbalan tadi akan ada setahun lagi hendak pencen, jadi pegawai ini tidak akan naik pangkat kalau sekiranya jawatannya diisi oleh pegawai kontrak. Ini kita bincang.

Kita tidak berdiam diri tentang perkara ini dan kita sedang memikirkan kaedah yang mana pegawai yang layak naik pangkat, dia harus naik pangkat dan pegawai yang pencen kerana kita perlukan khidmatnya, kita akan teruskan tetapi kena cari satu kaedah

supaya yang sewajarnya pencen dan berada di peringkat sewajarnya, diberi pertimbangan.

Jadi, kerajaan pada masa sekarang ini cukup adil dan telus Yang Berhormat. Kalau ada kekurangan, Yang Berhormat kena maklum. Jangan *viralkan* dahulu. Beritahu pada saya, kalau saya gagal, *virallah*. Akan tetapi kalau saya masih boleh ambil tindakan, maka itu merupakan pahala yang patut dibuat oleh semua pihak.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Sebagaimana kita sedia maklum bahawa PTD ini merupakan perkhidmatan utama di negara ini. Ramai graduan yang bercita-cita hendak masuk perkhidmatan ini kerana mungkin kerja dan ganjarannya. Soalan tambahan saya ialah sejauh manakah perbezaan gender atau jantina mempengaruhi proses kenaikan pangkat bagi seorang pegawai PTD selain daripada berdasarkan laporan sulit oleh ketua jabatan masing-masing? Ini kerana didengari hari ini, ada kalanya perbezaan gender, ramai yang tidak dapat naik pangkat. Minta penjelasan. Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, kalau mengikut lumrahnya daripada segi kelulusan yang keluar universiti, wanita lebih ramai. Memang lebih ramai, tidak dapat dielakkan sudah dan untuk lelaki mengejar agak jauh di hadapan. Institusi macam UiTM, ada 30/70. Lelaki 30%, perempuan 70%. Kebanyakan universiti 60/40. Makna kata, kalau hendak kira kelulusan memang wanita paling ramai dan bila masuk ke PTD sekarang ini, kita lihat tidak ada masalah daripada segi gender.

Saya masuk PTD zaman dahulu pun wanita ramai yang masuk PTD dan kenaikan pangkat pun ramai dan pernah kenaikan pangkat berlaku yang masuk sama dengan PTD, tiba-tiba wanita naik pangkat dan saya terpaksa panggil Cik Puan kepadanya sebab dia naik pangkat dahulu. Padahal masuk sama, sebagai contoh. Jadi, tidak ada perbezaan gender langsung dan kita berdasarkan kepada apa yang telah saya sebutkan tadi iaitu kriteria kenaikan pangkat bagi semua jawatan.

Yang Berhormat, pada masa sekarang ini kita ada 9,717 PTD yang kita isi. Yang masih kosong ialah 1,246. Jadi pengambilan ini juga yang akan kita ambil walaupun sesetengah pihak mengatakan ada pembekuan. Akan tetapi yang 1,246 ini kita akan ambil sebab ini ialah keperluan kepada perkhidmatan dan kita lihat pengambilan nanti tidak berdasarkan kepada gender. Sekarang ini kita lihat ramai KSU iaitu KSU Kementerian Kesihatan, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan MITI ialah wanita. Menteri wanita. Jadi, begitulah seterusnya. Ahli Parlimen ramai yang wanita. Jadi kita lihat apa yang berlaku di hadapan mata sekarang adalah tidak mengira faktor tersebut untuk tujuan kenaikan pangkat.

3. Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa] minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah rasional dan justifikasi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk menaikkan had pengeluaran penuh dari 55 tahun kepada 60 tahun; dan
- (b) berapakah jumlah pencarum yang akan terlibat dalam cadangan penukaran had umur ini.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat Titiwangsa bersama-sama 11 soalan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat berikut memandangkan semuanya menyentuh perkara dan isu yang sama.

■1030

- (i) Ahli Yang Berhormat Setiawangsa, 19 Mei 2015;
- (ii) Ahli Yang Berhormat Lipis, 20 Mei 2015;
- (iii) Ahli Yang Berhormat Bagan Serai, 20 Mei 2015;
- (iv) Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju;
- (v) Ahli Yang Berhormat Sabak Bernam,
- (vi) Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang,
- (vii) Ahli Yang Berhormat Kuala Langat,
- (viii) Ahli Yang Berhormat Simpang Renggam,
- (ix) Ahli Yang Berhormat Tanjong Piai,
- (x) Ahli Yang Berhormat Pendang; dan
- (xi) Ahli Yang Berhormat Paya Besar.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, berdasarkan semakan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sehingga 31 Disember 2014 sebanyak 68% ahli yang berumur 54 tahun mempunyai simpanan RM50,000 dan ke bawah dengan mengambil kira perbelanjaan asas sebanyak RM820 sebulan iaitu paras gaji minimum pencen kerajaan. Simpanan RM50,000 ini hanya boleh bertahan selama lebih kurang lima tahun sahaja berbanding dengan dua puluh tahun tempoh persaraan setelah mengambil kira purata jangka hayat umur rakyat Malaysia sehingga 75 tahun.

Rasional KWSP memperkenalkan inisiatif untuk menaikkan had pengeluaran penuh dari 55 tahun kepada 60 tahun adalah bagi menangani isu-isu berkaitan ketidakcukupan simpanan persaraan di kalangan ahli KWSP dalam jangka panjang. Ini antara lain disebabkan oleh faktor jangka hayat dan tempoh persaraan yang semakin

meningkat, peningkatan kos sara hidup, wang simpanan tidak mencukupi untuk menampung tempoh persaraan serta kesedaran dan pengetahuan tentang kepentingan perancangan kewangan dan persaraan.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, ahli KWSP yang mencapai kuantum simpanan asas sehingga 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

- (i) sebanyak 18% daripada 14.19 juta keseluruhan ahli KWSP yang mencapai kuantum simpanan asas mengikut umur;
- (ii) sebanyak 33% daripada 6.69 juta ahli aktif yang mencapai kuantum simpanan asas mengikut umur; dan
- (iii) 22% daripada 14.19 juta ahli aktif yang mencapai kuantum simpanan asas berumur 54 tahun.

Ini bermakna ramai ahli KWSP yang tidak akan mempunyai simpanan yang mencukupi untuk menampung keperluan persaraan apabila mencapai umur 55 tahun kelak. Manakala hampir 50% ahli KWSP yang telah membuat pengeluaran penuh dan menghabiskan simpanan mereka dalam tempoh lima tahun. Ini secara tidak langsung akan membebankan mereka di hari tua sekiranya tidak mempunyai pendapatan lain setelah bersara.

Berdasarkan alasan-alasan tersebut, KWSP memperhalus cadangan untuk menyelaraskan pengeluaran penuh pada umur persaraan minimum 60 tahun. Susulan itu, KWSP telah melaksanakan rundingan awal bagi mendapatkan maklum balas ahli mengenai cadangan tersebut dan inisiatif lain bagi mempertingkatkan perkhidmatan semasa KWSP. Ahli KWSP diberi pilihan terhadap penyelarasan umur pengeluaran penuh dengan umur persaraan minimum yang ditetapkan oleh kerajaan dan hasil rundingan mendapat maklum balas yang menggalakkan. Keputusan rundingan menunjukkan sokongan terhadap pilihan mengekalkan pengeluaran penuh pada umur 55 tahun.

Kerajaan juga pada 23 April 2015 telah mengumumkan bahawa umur pengeluaran penuh simpanan ahli dikekalkan pada umur 55 tahun manakala caruman baru bagi ahli yang masih bekerja selepas umur 55 tahun boleh dikeluarkan pada umur mereka 60 tahun. KWSP akan memastikan sebarang pindaan atau keputusan yang dibuat akan mengambil kira kepentingan ahli dan semua pihak berkepentingan utama. Langkah ini adalah bagi memastikan KWSP terus memainkan peranannya sebagai pemangkin kepada pembangunan ekonomi negara selaras dengan kedudukannya sebagai institusi simpanan terkemuka di Malaysia. Sekian, terima kasih.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Titiwangsa, laju sangat.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Laju Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh tahan hendak tunggu jawapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila-sila.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ucapkan terima kasih kepada Kementerian Kewangan kerana akhirnya mendengar rintihan rakyat yang tidak mahu wang caruman mereka ini di*extend* kepada umur 60 tahun. Saya harap selepas ini tidak ada lagi cadangan untuk mengubah tahap umur untuk mengeluarkan 55 tahun kepada 60 tahun. Cuma saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau kita tengok dalam EPF, kita mempunyai dua akaun. Satu Akaun II, satu Akaun I. Akaun II ini kita lihat bahawa EPF telah memberi kemudahan, KWSP telah memberi kemudahan kepada pencarum-pencarum untuk mengeluarkan wang dalam akaun II ini bagi tujuan pendidikan, perubatan, perumahan dan pelaburan.

Manakala Akaun I, pengeluaran tidak dibenarkan tetapi pencarum-pencarum mempunyai pilihan untuk mengeluarkan wang dalam akaun I ini bagi tujuan untuk melabur dalam institusi pengurusan dana luaran iaitu dalam *unit trust* yang telah diluluskan oleh pihak kerajaan. Mana-mana *unit trust* yang digunakan untuk melabur, apabila mereka menjual *unit trust* ini, mereka masukkan semula kepada Akaun I. Soalan saya ialah kalau pelaburan institusi pengurusan dana luaran ini dibenarkan oleh EPF dan apabila mereka menjual dan boleh masuk balik dalam Akaun I. Bolehkah EPF *consider* untuk mereka yang ingin membeli rumah pertama terutama dalam kategori *affordable house* menggunakan Akaun I ini untuk membeli rumah tersebut, kemudian sekiranya rumah pertama ini dijual, maka *profit* nya masuk balik dalam Akaun I. Minta pandangan.

Datuk Chua Tee Yong: Terima kasih atas soalan tambahan yang telah dikemukakan. Sebenarnya saya ingin menjelaskan bahawa dari segi keputusan atau *survey* yang dibentangkan oleh KWSP, sebenarnya ia bukan hanya tertumpu terhadap persaraan atau umur persaraan di mana sebenarnya dalam umur persaraan pun terdapat dua opsyen iaitu opsyen pertama yang mengatakan meningkat sehingga 60 tahun. Opsyen kedua adalah mengekalkan 55 tahun.

Maka bukan keputusan yang telah dibuat. Saya harap ini dapat sekali lagi saya ulangi supaya tiada salah faham bahawa EPF telah membuat keputusan tanpa boleh dikatakan perbincangan. Sebenarnya dia membuat *survey* untuk mendapat maklum tahu, ingin mendapat tahu sama ada pilihan boleh dikatakan pencarum-pencarum adalah cenderung kepada opsyen mana. Maka boleh dikatakan 94.4% yang terlibat, mereka memilih opsyen dua iaitu mengekalkan pengeluaran penuh pada umur 55 tahun.

Dari segi soalan yang telah dikemukakan terutamanya mengenai Akaun I dan Akaun II. Sebenarnya pada masa sekarang sebarang wang yang kita mencarum, 70% akan masuk ke Akaun I, 30% akan masuk Akaun II. Akaun I sebenarnya dikhususkan ada dua akaun adalah kerana pada masa sekarang jumlah Akaun I adalah sebanyak RM457 bilion. Akaun II adalah sebanyak RM141 bilion. Akaun I adalah khususnya untuk *retirement*, untuk persaraan tetapi kita telah pihak EPF telah memastikan daripada pencaruman 30% masuk ke Akaun II di mana Akaun II ini adalah digunakan untuk *pre retirement* sama ada untuk *withdrawal housing*, untuk *education* dan sebagainya.

Cadangan Yang Berhormat supaya Akaun I juga digunakan untuk *housing* dan sebagainya. Itu saya lihat EPF perlu mengkaji semula kerana ini mempunyai implikasi yang besar juga di mana wang ini adalah khususnya untuk persaraan tetapi kalau digunakan sekarang sama ada ia betul-betul memberi manfaat atau akan menjadikan masalah di mana rumah ada tetapi masa persaraan wang tidak ada. Maka itu perlu diseimbangkan dan perlu dikaji oleh pihak EPF sebelum mereka membuat sebarang keputusan. Sekian, terima kasih.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga Timbalan Menteri yang menjawab. Saya rujuk kepada data yang di umum oleh Timbalan Menteri tadi, samalah seperti yang diumumkan oleh KWSP yang menyatakan majoriti daripada pencarum ini bila berumur 55 tahun kelak bakal menempuh kehidupan yang di bawah paras garis kemiskinan. Ini satu krisis yang besar. Saya ambil maklum juga cadangan yang dibawa iaitu opsyen menaikkan umur daripada 55 tahun hinggalah 60 tahun tetapi hakikatnya daripada segi struktur, lebih 75% pencarum KWSP ini hanya bergaji RM2,000 ke bawah.

■1040

Makanya apabila dinaikkan daripada 55 tahun hingga 60 tahun masih tidak boleh menyelesaikan bahawa mereka tidak punyai gaji yang mencukupi untuk menyimpan bagi hari-hari mendatang. Keadaan kita juga lebih rumit apabila gaji pekerja di Malaysia ini adalah 15 tahun kebelakangan, tidak naik seperti produktiviti. Dalam bidang pembuatan sahaja produktiviti naik 45%, tidak sejajar dengan gaji.

Persoalan saya pada Timbalan Menteri, apakah langkah-langkah serius yang akan dirancang dilakukan oleh kementerian bagi mengatasi kemelut krisis KWSP ini sama ada dalam bentuk jaringan keselamatan sosial yang diperluaskan dan kedua untuk memastikan lebih ramai lagi rakyat Malaysia layak dan mampu untuk menyimpan dana khususnya sebagai pencarum KWSP. Terima kasih.

Datuk Chua Tee Yong: Terima kasih atas soalan tambahan. Pertama, kita sebenarnya dapat melihat dari segi pencaruman atau *contribution rate*. Sebenarnya boleh dikatakan baru-baru ini dari tahun 2011 pencaruman untuk pekerja adalah sebanyak 11%, boleh dikatakan *employer* adalah 12%. Akan tetapi baru-baru ini telah ditingkatkan mulai tahun 2012 sebanyak 11% untuk *employee* masih kekal tetapi untuk *employer* telah ditingkatkan sehingga 13% iaitu 1% untuk mereka yang mempunyai gaji RM5,000 ke bawah.

Akan tetapi untuk menangani atau melihat supaya dari segi masa persaraan itu pekerja-pekerja terutamanya pihak swasta mempunyai boleh dikatakan *retirement fund* atau jumlah persaraan yang mencukupi. Kalau kita melihat dalam opsyen atau inisiatif dua yang telah dikeluarkan oleh KWSP memang terdapat cadangan untuk menyelaraskan caruman mengikut gaji minimum.

Kalau kita melihat *survey* yang telah dikeluarkan sebanyak 74% yang bersetuju di mana dengan adanya pencaruman mengikut gaji minimum. Kalau seseorang itu bekerja pada umur 18 tahun dengan gaji minimum sebanyak RM900 dan mencarum sebanyak 11% untuk *employee*, 13% untuk *employer* dan kita dengan anggaran terdapat dividen 4% setiap tahun dan ada *salary increment* sebanyak 2%. Maka pada *retirement* 55 tahun kalau dia tiada buat *re-drawer* dia mempunyai jumlah sebanyak RM360,000. Maka ini adalah juga langkah yang diambil oleh KWSP untuk menangani atau secara jangka masa panjang melihat dan mengkaji bagaimana boleh memperbaiki sistem persaraan kita supaya mereka yang bersara mempunyai wang yang mencukupi. Sekian terima kasih.

4. Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan sama ada kementerian akan meneliti semula program subsidi beras ST15% selepas Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara mengeluarkan saranan dalam April untuk menggantungkan program subsidi tersebut kerana gagal mencapai matlamat untuk membawa manfaat kepada golongan miskin.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]: *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Alor Setar,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani amat menghargai pandangan dan saranan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara berkaitan isu pelaksanaan Program Beras Subsidi ST15. Program ini akan diteruskan dan sekiranya diberhentikan pihak-pihak yang akan terkesan akibat daripada penamatan program ini banyak sekali.

Pertamanya 15,000 kedai runcit di seluruh negara. Keduanya pekerja di peringkat pemborong seramai 2,400 orang, 895 pemborong beras termasuk 607 pemborong bumiputera yang bertaraf peniaga kecil. Seramai 43 pengilang padi bumiputera yang memproses beras tempatan untuk program ini. Juga seramai 35,000 petani-petani padi yang mendapat bekalan terus ST15 di bawah kuota petani 20kg sebulan.

Kementerian sentiasa memantau dan meneliti untuk menambah baik ke atas prasarana dan program-program yang disediakan untuk rakyat. Untuk pelaksanaan program beras ini kementerian telah pun mengambil langkah-langkah penambahbaikan dari semasa ke semasa. Sebelum pun teguran daripada PAC, tindakan telah diambil sejak dari bulan Oktober 2014 lagi.

Pertamanya penubuhan Jawatankuasa Induk Hal Ehwal Industri Padi dan Beras yang dianggotai oleh wakil tetap bahagian dalam kementerian, agensinya juga termasuk serta wakil Jabatan Pertanian, Jabatan Kuarantin dan Lembaga Pertubuhan Peladang. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menimbangkan permohonan kuota beras ST15 oleh syarikat-syarikat pemborong. Selain daripada itu, satu jawatankuasa teknikal juga telah ditubuhkan bagi membuat pemeriksaan dan penilaian ke atas pemborong dari masa ke semasa.

Ketiganya, penyediaan garisan panduan pelaksanaan ataupun *standard operating procedure* untuk pelaksanaan Program Beras Subsidi ST15 ini. Juga kita minta ikrar persetujuan program melalui tandatangan surat aku janji oleh pemborong-pemborong. Penguatkuasaan dan pemeriksaan setiap bulan ke atas pemborong yang mendapat kuota beras subsidi. Pengedaran beras subsidi hanya dibenarkan di Kedai Rakyat 1Malaysia, Agrobazaar, kedai koperasi, kedai FELDA, kedai peladang dan kedai-kedai runcit luar bandar, pasar raya-pasar raya tidak dibenarkan. Pengawalan jumlah kuota berdasarkan kemampuan syarikat pemborong di mana setiap pemborong dihadkan menerima cuma 200 tan maksimum berbanding sebelum ini dahulu 600 tan.

Sehingga ini kementerian telah pun mengambil tindakan ke atas 58 kes yang melibatkan pelanggaran aku janji sebagaimana pengampit atau pengedar beras subsidi ST15 ini. Antara pelanggaran aku janji yang dilakukan adalah termasuk menjual beras ST15 ke gred yang lebih tinggi, tidak mempunyai stor seperti yang dilesenkan dan tidak menyelenggarakan rekod jualan, belian dan stok beras. Syarikat-syarikat pemborong

yang melanggar aku janji telah dikenakan tindakan iaitu digugurkan daripada program, diberi amaran ataupun dikurangkan jumlah kuota yang diluluskan. Terima kasih.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri terima kasih atas jawapan yang diberikan. Skim program subsidi ini kerajaan terpaksa menanggungkan sebanyak RM500 juta setiap tahun untuk projek ini, untuk program ini. Sejak permulaan skim subsidi beras ini dalam tahun 2008 terdapat pelbagai masalah dan kelemahan yang telah pun dibangkitkan. Di antaranya yang telah pun disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri termasuk isu pemborong campur beras, jual sebagai beras gred yang lebih tinggi untuk keuntungan. Termasuk dakwaan rasuah, pemberian Touche dalam kementerian baru-baru ini dan juga bahawa stok yang tidak mencukupi dalam kedai-kedai yang menjual beras ST15 ini.

■1050

Yang Berhormat Menteri, soalan saya adalah masalah yang terbesar yang saya lihat ini adalah masalah sistem *delivery* ataupun sistem penghantaran untuk memastikan bahawa hanya golongan yang berpendapatan rendah mendapat beras ini. Saya percaya bahawa kerajaan juga tidak ada rekod berapa banyak beras yang sebenarnya dijual kepada pemborong setiap bulan dan setiap tahun dan berapa beras ST15 ini dijual kemudian oleh pemborong kepada peruncit.

Jadi saya harap saya boleh dibuktikan salah sebab sebelum ini saya pernah tanya soalan yang sama di persidangan Parlimen yang lalu berapakah jumlah kuantiti beras yang dijual kepada pemborong dan kemudian kepada peruncit. Akan tetapi soalan saya tidak dijawab. Maka saya harap Menteri boleh menjawab soalan ini untuk menentukan bahawa beras bagaimana akan sampai kepada golongan yang miskin. Terima kasih.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berapa beras yang dijual kepada peruncit?

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Betul Menteri.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Beras yang dijual kepada pemborong itu pergi kepada peruncitlah, pergi mana lagi? *[Ketawa]*

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Yang Berhormat Menteri, soalan saya yang lalu, saya telah pun bertanya kepada kementerian kuantiti sebenar beras ST15 yang dibeli oleh pemborong setiap bulan di Malaysia dan kuantiti sebenar beras ST15 yang dijual oleh pemborong kepada peruncit setiap bulan, setiap tahun. Jawapan yang diberi kepada saya di sini adalah hanya menetapkan adalah hanya kuantiti kuota beras yang diberi tanpa memberitahu dan menjawab kuantiti yang sebenarnya yang dijual.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Faham.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Kuota bukan...

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Faham, faham. *Every month*, dengan izin *almost 60,000 metric tan is being sold to the wholesalers*, pemborong. *How can we keep on distributing every month, every year 60,000 metric tan, if all the 60,000 metrics tan is not distributed to the retailers? It is impossible isn't it?*

Jadi maknanya *is not logical. No, no. You listen. I'm telling you now...*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Itu andaian.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Yang Berhormat Beruas kah? *We are from Perak. You sit down.* Apa pula ini?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Kita ada peraturan tidak boleh jawab dengan andaian.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Ini pasal...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Andaian ini Menteri jawab sebagai andaian. Tidak bolehlah cakap andaian.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya lebih faham apa maksud perkataan andaian, saya orang Melayu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Bukan Tuan Yang di-Pertua. Saya ingatkan Tuan Yang di-Pertua bahawa Peraturan Mesyuarat kata janganlah kita sebut tentang andaian.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Ya, dan saya hendak cakap Tuan Yang di-Pertua ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, kita ada peraturan juga. Saya ingatkan ini sesi soal jawab. Kita ada peraturan juga. Ya, sila.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya maksudkan *is not* andaian. Saya maksudkan 60,000 tan metrik telah dijual kepada pemborong setiap bulan. Ini bukan andaian. *We have the record. The record says that we have been distributing, we have been supplying, BERNAS have been supplying to all this wholesalers 60,000 metric tan. It is not just a quota.* Bukan sekadar kuota. Ini statistik. *Okay that is fact number one.*

Fact number two, pemborong yang menerima setiap bulan 60,000 tan metrik ini, dia hantar kepada *retailers*. Dia tidak simpan, tidak mampu hendak simpan. Ini bukan andaian. Kalau dia simpan sampai 60,000 tan metrik, 60,000 tan metrik, tiga bulan sudah 180,000 tan metrik. Satu tahun berapa ratus ribu? *This is not* andaian. *So please*, jangan andaikan saya pula. Jadi hendak jawab soalan Yang Berhormat Alor Setar sama ada sampai kepada *retailers* atau tidak, memang sampailah. Ke mana lagi? Takkan hendak

hantar pergi ke ...*[Ketawa]* *It must be to retailers.* Okey. Jadi itu satu. *[Disampuk]*
Kemudian dia kata...

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Menteri saya minta untuk jumlah, *the exact quantity ...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: *60,000 metric ton.*

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: ...kepada peruncit.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Yes.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Oleh sebab sekarang memang ada masalah lambakan beras dan juga ketirisan dan minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Alor Star, ini bukannya perbahasan. Sesi soal jawab lisan. Ya, sila Menteri.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya pun hendak tanya juga Yang Berhormat Alor Setar ini mana statistik Yang Berhormat yang mengatakan tidak sampai? Yang Berhormat buat andaian. Bukan saya yang mengandaikan. Yang Berhormat membuat andaian bahawa beras itu tidak sampai kepada *retailers*.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya menjawab soalan Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak perlu.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli Yang Berhormat yang lain duduk. Sila Menteri.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Alor Setar banyak soalnya tadi. Satu berkenaan dengan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ikut peraturan, satu soalan sahaja boleh jawab.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Ya, satu soalan sahaja. Dia kata rasuah. *Where is it? You provelah* kalau ada rasuah, *you reportlah* to SPRM.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]: Memang ada laporan pun dibuat dalam surat khabar oleh kedai *Regency Loyal Council*. Memang ada banyak laporan telah dibuat.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Surat khabar tidak boleh pakai. Itu andaian juga. Itu andaian *reporter*, itu andaian editor.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: *Utusan Malaysia* tidak boleh pakai betullah. *The Star* pun tidak boleh pakai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Menteri, cukup.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Tidak boleh andaian. Kasihan dekat orang, *you* andai-andai. Siapa yang rasuah, *you report*. SPRM ada, polis ada, apa lagi ada? *You don't trust us, you go to SPRM. We challenge you. I'm going to challenge you bring the case.* Kalau tidak ada, jangan cakap. Tidak bolehlah begitu, rasuah, rasuah. Lagi?

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: [*Bangun*]

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Soalan tambahan.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Sistem penghantaran. Tuan Yang di-Pertua, ini kena makan pula ini. Ini Yang Berhormat Kalabakan bangun ini, dia pun hendak tanya juga. Saya hendak jawab mungkin tidak tepat saya jawab, belum tanya sudah jawab. Di Sabah dan Sarawak banyak kawasan pedalaman Yang Berhormat. Jadi *transportation is a problem. I was jokingly with my officers* hendak hantar ke pedalaman ini jalan tidak ada, kena naik bot, naik apa. *We cannot do anything.* Kementerian Pertanian tidak boleh buat apa, kena tunggu JKR buat jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Menteri cukup.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Okey terima kasih.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini antara yang susah Tuan Yang di-Pertua hendak mengawal. Ya, Yang Berhormat Kalabakan, sila.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memang sudah membangkitkan perkara ini berpuluh tahun sudah. Kementerian tidak ada kawalan. Kalau kita nampak beras yang bersubsidi ini patut dijual kepada orang-orang yang patut menerima tetapi masalahnya di Pantai Timur Sabah seperti di Tawau, Semporna dan tempat-tempat lain beras bersubsidi ini tidak dimakan oleh orang kita. Pergi ke Indonesia. Kementerian tahu tetapi tidak ada penguatkuasaan. Sudah berapa kali kita suarakan dalam Dewan Rakyat. Perlukah saya mahu lapor pergi SPRM?

Kalau perlu saya lapor saya minta SPRM ambillah cadangan saya ini sayalah yang laporkan dalam Dewan Rakyat. Sebenarnya kementerian melantik ejen-ejen untuk mengeluarkan beras subsidi ini mereka mahu untung yang besar. Kalau orang kampung datang, dia bilang habis tetapi semuanya jalan keluar.

■1100

Jadi kita minta supaya kementerian harus telus juga, tangkaplah. Kalau perlu, datang pergi Tawau, saya boleh bawa di mana berlonggok-longgok beras ini yang mahu dieksport pergi Indonesia. Jadi soalnya, pengawalan tidak cukup, kementerian seharusnya beri kawalan yang lebih ketat. Terima kasih.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Jawab, jangan tak jawab.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sahabat saya dari Kalabakan, kita *world class Parliament, world class*. Terjerit-jerit.

Kita ada 177 orang pegawai penguatkuasaan seluruh Malaysia. Jadi, faham-fahamlah macam mana 177 orang nak *cover* tiap-tiap kampung, tiap-tiap daerah. So saya minta kerjasama daripada rakyat, daripada pemimpin tempatan secara tidak rasmi, kita prihatin, kita tolonglah. Bagilah laporan dan kita boleh ambil tindakan. Bantu penguat kuasa ini yang tak cukup ini. Ketua kampung ada, penghulu ada, wakil rakyat ada, semua ada. Masalah di depan mata, bawa ke Parlimen. Masa balik kampung, di kampung tak ada ambil tindakan. Proaktiflah. Bukan, begitu?

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: [Bangun]

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Timbalan Menteri boleh pergi ke Tawau, saya boleh bawa, tunjukkan.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Okey. Belum habis lagi ini, Yang Berhormat Beruas. Minta izin daripada Tuan Yang di-Pertua. Ikut peraturan.

Jadi tak apalah, saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Kalabakan. Kita bukan makna kita angkuh, kita sombong, tidaklah. Kita mendengar dan kita cuba menambah baik lagi penguatkuasaan sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kalabakan tadi. Akan tetapi sementara itu, *there is no harm, anybody can give information, give feedback. Whatever we can do to help, we help. That's the spirit*. Jangan kita tunggu dalam Parlimen kita bercakap. Nak tunggu televisyen baru bercakap, tak ada televisyen tak hendak cakap. [Ketawa] Terima kasih.

5. Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang] minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah pendekatan yang telah dan akan diambil oleh pihak Kerajaan khususnya melalui kerjasama serantau seperti ASEAN dalam menangani dan

membanteras kegiatan militan IS yang dikatakan giat mengumpul pengikutnya dari Malaysia serta lain-lain negara Asia.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Hamzah bin Zainudin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya untuk memberikan jawapan kepada pertanyaan Yang Berhormat Tanjong Karang yang menyentuh mengenai isu ASEAN dan IS.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Sidang Kemuncak ASEAN ke-26 yang telah diadakan pada 26 dan 27 April 2015 baru-baru ini di Kuala Lumpur dan Langkawi telah membincangkan pelbagai isu ke arah pengukuhan kerjasama serantau termasuklah hubungan luar serta hala tuju masa depan ASEAN. Isu kegiatan militan IS adalah juga antara topik yang dibincangkan oleh para pemimpin ASEAN. Malaysia melalui Kementerian Luar Negeri sentiasa memastikan hubungan kerjasama yang kukuh bersama ASEAN dalam menangani isu ancaman *Islamic State (IS)* di rantau ini.

Sewaktu permukiman Menteri-menteri Luar Negara ASEAN di Kota Kinabalu pada 26 Januari 2015, Menteri-menteri Luar ASEAN telah mengeluarkan satu kenyataan bersama, *ASEAN Foreign Minister Statement on the Violence and Brutality Committed by Extremist Organizations in Iraq and Syria*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, yang mengutuk tindakan keganasan di Iraq dan Syria. Selain itu, permukiman ini juga telah memperbaharui komitmen ASEAN untuk membanteras kebangkitan radikalisme dan keganasan melampau melalui pendekatan Gerakan Kesederhanaan atau *Global Movement of Moderates* dan pelaksanaan Konvensyen dan Pelan Komprehensif ASEAN Mengenai Pencegahan Keganasan.

Sewaktu Sidang Kemuncak ASEAN Ke-26 di Langkawi pada 28 April 2015 baru-baru ini, para pemimpin ASEAN juga telah berbincang secara mendalam mengenai isu ancaman IS ini. Kemuncak perbincangan tersebut, para pemimpin ASEAN telah memperakukan Deklarasi Langkawi mengenai pergerakan kesederhanaan global yang menekankan kepentingan kesederhanaan dalam menangani isu ekstremisme dan radikalisme.

Untuk maklumat Dewan yang mulia juga, semasa Mesyuarat Menteri Pertahanan ASEAN pada bulan Mac yang lalu, majoriti negara-negara anggota ASEAN menyokong cadangan penubuhan unit khas mengenai keselamatan rentas sempadan iaitu Pasukan Pengaman ASEAN atau *ASEAN Peacekeeping Force* sebagai persediaan menangani ancaman dan penularan pengganas khususnya IS.

Malaysia selaku Pengerusi Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN Mengenai Jenayah Rentas Sempadan akan menganjurkan sekali lagi Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN Mengenai Jenayah Rentas Sempadan Ke-10 dan Mesyuarat Khas Menteri-menteri

ASEAN Mengenai Kebangkitan Radikalisasi dan Keganasan Melampau pada 28 September hingga 2 Oktober 2015 di Kuala Lumpur yang akan turut membincangkan mengenai isu pemerdagangan manusia.

Dalam membincangkan mengenai ekstremisme dan radikalisme ini, adalah perlu bagi kita untuk mengkaji punca sebenar atau *root cause* masalah ini. Jika diteliti, kebanyakan mereka yang tertarik dengan pergerakan IS adalah mereka yang merasakan terpinggir dan tidak mempunyai harapan dalam kehidupan seharian.

Disebabkan itu, kerajaan merasakan adalah perlu untuk mengatasi masalah ini dengan antara lain membangunkan keupayaan ekonomi mereka. Ini termasuklah dengan memberikan penekanan terhadap pembangunan ekonomi secara keseluruhan termasuk membangunkan kemudahan prasarana.

Dalam hubungan ini, Malaysia bersedia berkongsi pengalaman kita mengenai pembangunan ekonomi negara kita dengan negara-negara anggota ASEAN yang lain seperti menerusi proses transformasi ekonomi yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Adalah diharapkan dengan terbangunnya ekonomi, ia akan memberi harapan baru agar masyarakat dapat menjalani kehidupan yang lebih baik dan menjauhi gejala-gejala seperti IS dan kumpulan-kumpulan pengganas yang lain dan mereka tidak lagi merasakan terpinggir.

Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dengan jawapan yang diberi tadi, jelas menunjukkan bahawa usaha-usaha telah pun dibuat di peringkat ASEAN untuk mengatasi masalah IS. Persoalannya hari ini ialah bagaimana tindakan kita mengenai pendatang-pendatang asing yang kita sedia maklum hari ini di negara kita sudah sampai ke tahap yang kritikal? Ramai pendatang asing yang datang. Juga, Kementerian Luar Negeri telah pun diberikan mandat untuk mengatasi masalah ini.

Tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa salah satu punca mereka yang terpengaruh dengan IS ini mungkin dalam kehidupan mereka ini ekonomi mereka tertekan dan sebagainya. Hari ini kita lihat ramai pendatang asing datang dan hari ini juga isu Rohingya sebagai contoh, di mana mereka terpinggir dan tertekan dan di atas dasar kemanusiaan, kita pun memberi bantuan. Dalam kita memberi bantuan dan juga dalam kita nak mengatasi masalah pendatang asing, apakah langkah yang diambil di peringkat ASEAN untuk memastikan bahawa pendatang-pendatang asing yang datang ke Malaysia ini, mereka ini tidak terlibat ataupun bersih daripada pengaruh-pengaruh IS ini? Terima kasih.

■1110

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak jelaskan pertama, seperti yang saya katakan tadi usaha-usaha memang telah kita lakukan melalui semua kementerian luar dalam negara-negara ASEAN. Kita membincangkan bagaimana caranya dan berkongsi pengalaman. Seperti yang telah saya jawab tadi, apa yang kita buat ialah kita telah pun berbincang dengan negara-negara luar supaya mereka dapat mengikuti teladan di mana kita dapat membangunkan negara supaya memberikan harapan baru kepada mereka yang mungkin merasakan diri mereka terpinggir.

Itu jawapan saya tadi. Maka, sebab itu apabila ramai yang datang sebagai pendatang tanpa izin ke dalam negara kita, kita mahu melihat juga apakah masalah yang kita tangani bersama itu tidak diikuti oleh negara-negara yang bersama dalam perbincangan kita. Kalau tidak, mengapa isu ini terjadi? Itu yang saya sebutkan tadi. *Root cause* nya adalah untuk menentukan bahawa mereka itu datang membawa masalah IS, membawa masalah kehidupan ataupun membawa masalah lain yang boleh melibatkan masalah dalam negara kita. Maka, sebab itu hari ini sebagai contohnya kita telah berbincang dengan Menteri Luar dari Indonesia dan Thailand untuk melihat bagaimana untuk kita menyekat daripada pendatang-pendatang asing ini masuk ke dalam negara kita.

Kepada mereka yang sudah pun ada dalam negara, bagaimana untuk kita melihat supaya mereka ini dapat kita kembalikan ke negara asal. Ketiga, hendak menentukan bahawa tidak ada pengikut-pengikut ekstrem seperti penganas IS dan sebagainya ada bersama mereka dalam kumpulan yang datang ke dalam negara kita. Maka, kerjasama itu kita buat bukan hanya dalam negara-negara luar, negara ASEAN tetapi juga negara-negara di seluruh dunia membincangkan perkara yang sama. Dalam *United Nations Security Council*, kita juga membincangkan masalah ini untuk melihat bahawa segala isu ini dapat ditangani bersama bukan hanya di peringkat ASEAN tetapi juga di seluruh dunia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setakat April 2015 didapati ada kira-kira 70 orang bekas anggota tentera Malaysia yang dikenal pasti terlibat dalam aktiviti kumpulan militan seperti IS ini. Soalan saya ialah sejauh manakah ketegasan pihak kementerian dalam memantau, mengekang dan seterusnya menghukum mana-mana penjawat awam yang terlibat dengan aktiviti militan ini khususnya anggota tentera seperti polis dan sebagainya demi mengekalkan kepercayaan umum terhadap integriti pasukan keselamatan negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua, kalau dalam negara masalah ini adalah di bawah Kementerian Dalam Negeri tetapi di peringkat luar negeri, kementerian saya adalah bertanggungjawab mencari maklumat-maklumat sama ada adakah rakyat Malaysia yang keluar daripada negara ini sama ada melancong ataupun apa sahaja untuk melihat sama ada mereka ini benar-benar ada terlibat dalam aktiviti-aktiviti penganas. Kalau dalam negeri kita berikan maklumat itu kepada Kementerian Dalam Negeri dan merekalah yang akan mengambil tindakan supaya apa sahaja yang dilakukan menyalahi undang-undang akan kita bawa ke perhatian mereka yang sepatutnya menghukum apa sahaja yang patut dihukum di atas segala kesalahan yang dilakukan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

6. Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu] minta Menteri Pengangkutan menyatakan mengapakah pembinaan "KLIA2" sehingga kini masih memerlukan begitu banyak penambahbaikan setelah kosnya naik dari RM2 bilion sehingga RM4 bilion lebih dan apakah punca utama perkara seumpama ini boleh berlaku.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Tuan Yang di-Pertua. Sebahagian besar skop pembinaan KLIA2 melibatkan pembinaan terminal baru, pembinaan *runaway*, *taxi way* dan apron atau parkir pesawat. Selepas pembinaan KLIA2 siap terdapat tempoh tanggungan kecacatan atau pun *defect liability period*. Pada tempoh *defect liability period* ini kerja-kerja pembaikan, kecacatan adalah sebahagian daripada tanggungjawab kontraktor.

Untuk makluman Dewan yang mulia KLIA2 adalah sebuah terminal lapangan terbang yang besar yang mampu menampung sebanyak 45 juta penumpang setahun. Setelah mengambil kira maklum balas dan permintaan daripada pengguna dan penumpang, kerja-kerja tambahan telah dilaksanakan bagi memenuhi keperluan dan keselesaan pelanggan. Antaranya ialah tambahan *walkalator* dan *buggy*. Jumlah *walkalator* adalah 13 unit semasa Majlis Pelancaran KLIA2 dan tiga unit lagi ditambah pada penghujung tahun 2014.

Pada tahun 2015 ini sebanyak 16 unit *walkalator* akan ditambah. Bagi penambahan *walkalator*, Malaysia Airport Berhad telah menyediakan peruntukan sejumlah RM31 juta. Selain itu kerja penambahbaikan di kawasan apron lapangan terbang iaitu seperti kerja-kerja mengatasi mendapan di apron KLIA2 juga diperlukan kerana fenomena *differential settlement* dengan izin yang berlaku di kawasan tanah tersebut. Keadaan tanah di seluruh kawasan KLIA2 adalah bercirikan tanah gambut dan perkara *differential settlement* ini sebenarnya adalah dikenal pasti lebih awal oleh pihak

teknikal MHB dan kos penambahbaikan telah diambil kira dalam kos penyelenggaraan KLIA2.

Mendapan yang berlaku di beberapa kawasan di apron KLIA2 akibat tanah yang lembut ini kerana belum mencapai tahap mendapan sepenuhnya. Jumlah lokasi yang terlibat adalah 23,900 meter persegi dari keseluruhan kawasan apron seluas kira-kira 700,000 meter persegi. Ini bersamaan dengan 3% kawasan apron KLIA2 yang mengalami masalah tanah mendap. Jumlah ini berkurangan bulan demi bulan apabila kawasan tersebut mencapai tahap mendapan yang dijangkakan. Ini biasa bagi mana-mana pembinaan di kawasan tanah lembut yang dibuat secara cepat tanpa menunggu tanah mencapai keadaan mendapan maksimum yang biasanya memakan masa lima hingga sepuluh tahun.

Adalah dijelaskan bahawa mendapan hanya berlaku di kawasan apron dan bukan di landasan KLIA. Dari segi kos pula MHB telah membelanjakan sebanyak RM14 juta sejak Mei 2014 untuk kerja-kerja pembaikan di apron KLIA2. Ia juga tidak menggunakan peruntukan kerajaan. Masalah mendapan ini merupakan masalah biasa yang pernah dialami oleh lapangan terbang yang lain seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Suvarnabhumi di Bangkok dan lain-lain lagi. Ingin dijelaskan di sini masalah ini tidak pernah menjejaskan operasi penerbangan.

Tuan Yang di-Pertua, sejak pembukaan sebanyak 24 juta penumpang telah menggunakan KLIA2 dan berdasarkan kajian *Airport Service Quality* oleh *Airport Council International (ACI)* bersama MHB, skor kepuasan pelanggan adalah 4.85 daripada 5.0. Skor ini menunjukkan penumpang-penumpang sangat berpuas hati dengan kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan. Terima kasih.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Saya ingin menyentuh tentang jawapan tadi yang saya rasa tidak boleh diterima. Ini kerana pertamanya, masalah yang dihadapi dalam pemendapan bukanlah masalah biasa di dalam keadaan KLIA2 kerana semua tahu dan jelas bahawasanya kawasan asal yang dikenal pasti oleh pihak perunding daripada Belanda adalah kawasan utara dan dengan tiada sebab munasabah pihak berkenaan telah memindah kepada tanah paya gambut di sebelah barat yang bermasalah.

Jadi, soalnya di sini, kenapakah kita memilih kawasan yang bermasalah yang menyebabkan kos kerja tanah sahaja naik daripada asalnya RM35 juta sahaja sehingga RM860 juta iaitu 25 kali ganda atau 2500%.

Ini adalah satu tindakan yang amat luar biasa. Saya rasa masalah ini bukanlah masalah biasa kerana tindakan tidak rasional yang telah diambil. Tentang penambahan *walkalator*, di dalam *design* ataupun reka bentuk asalnya memang sudah tahu perjalanan yang jauh yang mesti dialami oleh penumpang. Soalannya, kenapa tidak dimasukkan di dalam *design* asalnya? Sehingga hari ini, walaupun tambah kos daripada RM2 bilion hingga RM4 bilion, masih lagi banyak masalah dan rungutan yang diterima.

Soalan saya utama di dalam isu ini adalah— saya hendak menyebut tentang pengesyoran PAC tentang isu KLIA2 adalah Jabatan Audit Negara mengenal pasti pihak-pihak yang bertanggungjawab dan isu pokok atas masalah yang timbul supaya tindakan susulan dapat diambil. Ini adalah pengesyoran dari PAC.

Soalan saya adalah bilakah pihak bersalah ini akan diumumkan? Siapa mereka ini dan apakah tindakan berkesan akan diambil supaya *fiasco* sebegini tidak berulang? Ini kerana saya rasa KLIA2 bukan lagi menjadi *low cost terminal* tetapi menjadi *low value terminal*. Ini kerana dengan perbelanjaan yang begitu tinggi, begitu banyak masalah dan pembaikan yang masih perlu dijalankan. Saya mohon penjelasan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, beberapa kali telah saya ingatkan bahawa satu soalan sahaja dan jangan dijadikan alasan untuk berucap. Kita ada peluang untuk berucap lagi.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, mengenai apa yang didakwa, pemindahan tapak tanpa mengikut *master plan*. Sebenarnya, kita pada asalnya memang ada *master plan* tahun 1992. Akan tetapi kerajaan setelah mengambil kira perkembangan yang baru, pada tahun 2008 kerajaan dengan yang disyorkan oleh perunding antarabangsa iaitu *Netherlands Airport Consultant* dalam *National Airport Masterplan Study*, Disember 2008, telah mengesyorkan kawasan yang baru ini. Oleh kerana kelebihan berbanding kawasan lain daripada segi operasi penerbangan seperti penggunaan landasan ERL yang sedia ada dan juga *development flexibility* dan juga peluang untuk *air side* dan *land side transfer* dan lain-lain lagi.

Jadi, isunya mungkin pihak PAC tidak mengambil kira *master plan* yang pada tahun 2008. Sekian, terima kasih.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak KLIA2 dan juga pihak kerajaan kerana kita mempunyai sebuah *airport* kos rendah yang begitu besar, cantik dan juga mempunyai *content commercial* yang begitu baik. Cumanya dengan penambahan baik yang perlu dibuat seperti masalah ruang menunggu kereta untuk

mengambil dan juga menghantar penumpang yang kini telah melimpah ke jalan utama ke KLIA1.

Soalan saya ialah adakah pihak kerajaan mempunyai kos perbandingan, *cost effectiveness* dan juga kos pembinaan yang membuatkan perbandingan kos pembangunan dengan *airport-airport* lain yang setaraf dengan KLIA2 untuk sama-sama kita membuat perbandingan. Saya yakin pihak KLIA2, kosnya adalah merupakan sebuah *airport* yang *cost effective* berbanding dengan *airport-airport* lain yang telah dibina pada jangka masa yang lebih kurang sama dalam dunia ini. Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, mengenai kos. Memang KLIA2 merupakan satu pembinaan yang merupakan salah satu kos yang termurah lapangan terbang di dunia ini dan juga merupakan salah satu pembinaan yang agak cepat berbanding dengan lapangan-lapangan terbang yang lain. Jadi, dalam konteks ini, seperti saya sebutkan tadi, malah hari ini pun skor kepuasan penumpang mengenai KLIA2 yang dibuat dengan kos RM4 bilion, dengan kos yang murah tetapi ia telah mencapai kos kepuasan 4.85 berbanding dengan lima sepenuhnya. Terima kasih.

7. Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam] minta Menteri Kerja Raya menyatakan melalui Pelan Induk Pembangunan Rangkaian Jalan Raya, Sabah dan Sarawak (HNDP Fasa 2) yang mencadangkan Jalan Pan Borneo. Apakah usaha kementerian untuk memendekkan masa perjalanan dari Pantai Timur Sabah ke Pantai Barat Sabah.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Silam atas soalan yang dikemukakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Lebuhraya Pan Borneo di Sabah melibatkan skop membina dan menaik taraf jalan sedia ada dengan jarak keseluruhan sepanjang 727 kilometer. Ini termasuklah laluan utama yang menghubungkan bahagian Pantai Barat dan Pantai Timur Sabah iaitu Jalan Persekutuan dari Kota Kinabalu ke Sandakan sepanjang 310 kilometer. Menerusi skop penswastaaan Lebuhraya Pan Borneo Sabah, laluan ini akan dinaik taraf secara berperingkat kepada laluan empat lorong dua hala iaitu melibatkan sektor laluan Tamparuli ke Ranau, ke Teluput dan seterusnya ke Sandakan.

Apabila siap kelak, tempoh masa perjalanan dari Kota Kinabalu ke Sandakan akan dapat disingkatkan berbanding dengan lima hingga enam jam pada masa kini.

Tuan Yang di-Pertua, di samping laluan dari Kota Kinabalu ke Sandakan, pengguna dari Pantai Barat Sabah juga boleh menggunakan laluan alternatif untuk ke Pantai Timur Sabah iaitu melalui Papar, seterusnya ke Keningau, ke Nabawan, ke Sapulut, ke

Kalabakan dan seterusnya ke Tawau. Sebahagian dari laluan ini juga termasuk dalam skop penswastan Lebuhraya Pan Borneo Sabah. Di samping itu, laluan jalan Sapulut ke Kalabakan sepanjang 145 kilometer baru sahaja dibuka secara rasminya pada bulan ini iaitu bulan Mei 2015. Di mana ia telah dapat memendekkan tiga jam tempoh perjalanan dari Kota Kinabalu ke Tawau dan sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, berdasarkan perancangan Projek Lebuhraya Pan Borneo di Sabah, dijangka akan mula dibina pada tahun 2016 dan akan siap sepenuhnya dalam tempoh enam hingga lapan tahun. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana jawapan yang cukup lengkap. Pertanyaan saya ialah saya difahamkan Kerajaan Persekutuan ataupun lebih tepat, Kementerian Kerja Raya Malaysia masih dalam rundingan dengan pihak berkuasa di negeri Sabah berhubung dengan pelaksanaan Pan Borneo di negeri Sabah. Pertanyaan saya ialah apakah kekangan-kekangan yang wujud di dalam perundingan ini dan apakah status rundingan setakat ini?

Seterusnya, apakah perancangan jangka pendek dan jangka panjang kementerian untuk menambah baik sistem rangkaian jalan raya di negeri Sabah? Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat Silam di atas soalan yang dikemukakan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Silam, Kementerian Kerja Raya tidak mengalami apa-apa kekangan, Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Silam, saya ingin memaklumkan bahawa pada peringkat awal, memang benar Yang Berhormat, terdapat cadangan oleh sebuah syarikat swasta untuk pelaksanaan projek Pan Borneo di negeri Sabah secara PFI, Yang Berhormat. Pihak UKAS di Jabatan Perdana Menteri sedang mempertimbangkan pandangan tersebut.

Walau bagaimanapun Yang Berhormat, terdapat rundingan di antara Kerajaan Pusat dan juga kerajaan negeri. Pihak kerajaan negeri baru-baru ini telah membuat cadangan balas dan cadangan tersebut sedang diteliti, Yang Berhormat dan sedang dikaji oleh pihak UKAS di Jabatan Perdana Menteri. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat dan Ahli-ahli Dewan yang saya hormati, dijangkakan rundingan ini dapat dimuktamadkan dijangkakan pada akhir tahun ini. Projek ini bolehlah diharapkan dapat dimulakan seawal tahun depan.

■1130

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, dijangkakan projek ini akan mengambil masa enam hingga lapan tahun untuk tempoh pelaksanaannya. Yang Berhormat juga menyentuh mengenai tindakan kementerian ataupun kerajaan di dalam menambah baik sama ada dari segi jangka panjang atau pun jangka pendek.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat dan Ahli Yang Berhormat Silam sendiri, sebenarnya di bawah program-program kecil projek Pan Borneo yang dilaksanakan secara konvensional Yang Berhormat. Kerajaan telah meluluskan sebanyak RM457 juta secara keseluruhan pada tahun 2012 di mana jumlah tersebut adalah untuk melaksanakan projek-projek yang diluluskan bagi menambah baik dan seterusnya meningkatkan tahap keselamatan jalan-jalan yang sedia ada di negeri Sabah. Ini contoh yang saya boleh kongsi kepada Yang Berhormat adalah pembaikan cerun di laluan Ranau ke Sandakan dan antara contoh yang lain adalah meningkatkan aras jalan di antara Telupid ke Batu 32, Sandakan. Ini contoh yang dilaksanakan.

Manakala untuk jangka masa panjang pula Yang Berhormat, untuk laluan Pan Borneo daripada Kota Kinabalu ke Tamparuli ke Ranau dan ke Telupid dan seterusnya ke Sandakan akan dinaik taraf ke laluan empat lorong dua hala. Terdapat juga perancangan di bawah Jalan Pan Borneo ataupun pelaksanaan projek Pan Borneo ini untuk menaik taraf jalan dari laluan Tawau ke Lahad Datu, ini kawasan Yang Berhormat ya, juga untuk empat lorong dua hala (*dual carriageway*) di bawah pelaksanaan ataupun perancangan Pan Borneo. Di samping itu Yang Berhormat, saya ingin juga memaklumkan pada ketika ini kerajaan sedang melaksanakan naik taraf Jalan Segama ke Lahad Datu, iaitu fasa satu sepanjang 6.5 kilometer. Itu yang sedang berjalan Yang Berhormat.

Terdapat perancangan lain yang bukan di bawah Jalan Pan Borneo ataupun perancangan jajaran Pan Borneo. Kerajaan sebenarnya dalam perancangan untuk melaksanakan beberapa jalan di negeri Sabah untuk menaik taraf jalan di negeri Sabah termasuklah Libaran Bypass, Jalan Papar ke Pengalat dan seterusnya ke Lok Kawi dan juga Jalan Tuaran ke Kudat. Ini tidak termasuk perancangan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas Yang Berhormat ya. Terdapat banyak cadangan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas untuk dilaksanakan dalam tempoh lima tahun secara konvensional.

Sekiranya keseluruhan projek sama ada di bawah projek pelaksanaan Pan Borneo dan juga melalui projek-projek yang dijalankan secara konvensional sama ada perancangan pada ketika ini yang sedang berjalan dan seterusnya di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas. *Insyallah* rangkaian jalan raya di negeri Sabah akan jauh lebih

baik daripada apa yang ada sekarang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Silam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, demikianlah tamat sudah sesi soal jawab lisan pada hari ini. Setiausaha.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sungai Siput. Ya, mikrofon.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Peraturan Mesyuarat 14(1)(h). Tuan Yang di-Pertua, saya telah dapat surat daripada Speaker yang mengatakan usul yang saya bawa di bawah 18(1) tidak perlu disegerakan oleh sebab kerajaan sedang menangani isu krisis ini. Akan tetapi saya rasa di keputusan ini luar daripada hasrat di bawah 18(1) yang mengatakan *issue of public important*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sungai Siput duduk ya.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Bolehkah saya habiskan sedikit?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya, saya faham. Kalau...

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Akan tetapi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya faham.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Ini kerana kita katakan kita mahu *world class Parliament* tetapi bila tadi ada inisiatif daripada *floor* kita hendak bawa isu yang penting macam ini, diketepikan. Ini *actually you know* menyekat peranan Ahli Parlimen membincangkan isu yang begitu penting, menjejaskan imej Malaysia. *You know*, saya ingin mohonlah Tuan Yang di-Pertua, bolehkah kita kaji balik keputusan itu dan bawa ini petang esok? Oleh kerana bagi saya, ini isu yang begitu penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih ya Yang Berhormat Sungai Siput. Sebenarnya Yang Berhormat Sungai Siput faham bahawa kita di bawah Peraturan Mesyuarat 18(8), mana-mana usul yang ditolak di bawah perenggan 7 juga tidak boleh dikemukakan semula dalam Dewan ini. Saya percaya bahawa surat jawapan yang telah dihantar oleh Tuan Yang di-Pertua adalah

mencukupi dan telah disebut juga oleh Yang Berhormat Sungai Siput alasan-alasan tersebut. Terima kasih Yang Berhormat Sungai Siput dan jika kita tidak berpuas hati dengan keputusan Tuan Yang di-Pertua, bolehlah kita membuat notis yang secara bersendirian. Terima kasih. Sila Setiausaha.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG INSTITUSI KEWANGAN PEMBANGUNAN (PINDAAN) 2015

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG AHLI KIMIA (PINDAAN) 2015

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". **[18 Mei 2015]**

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya minta Yang Berhormat Menteri menyambung mengemukakan huraian rang undang-undang.

11.37 pg.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya ingat saya mula daripada awal kerana baru semalam sempat bagi salam sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila, sila, sila.

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Ahli Kimia tahun 1975 dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat]***

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk mengimbas kembali sejarah penubuhan akta ini. Akta Ahli Kimia Tahun 1975, Akta 158 telah mendapat perkenan Diraja pada 15 Mei tahun 1975. Melalui akta ini sebuah pertubuhan perbadanan iaitu Institut Kimia Malaysia ataupun IKM telah ditubuhkan. IKM telah dirasmikan pada 8 April 1967 dan telah didaftarkan di bawah *Societies Act* 1966 pada 13 Oktober 1967.

Institut berkenaan kemudiannya diperbadankan di bawah Akta Ahli Kimia tahun 1975 pada 1 November tahun 1977 di bawah peruntukan-peruntukan seperti berikut:

- (i) untuk mengawal selia amalan profesion kimia di Malaysia;
- (ii) untuk mewakili profesion kimia di Malaysia dan untuk mempromosi kesedaran dan penghargaan awam serta kemajuan dalam bidang kimia di Malaysia.

Tahun demi tahun, IKM mula berkembang selaras dengan perkembangan Malaysia menjadi sebuah badan profesional yang kukuh dan mantap serta diiktiraf di peringkat dalam negara dan di luar negara. Pendaftar bagi pihak institut ini merupakan Ketua Pengarah Jabatan Kimia Malaysia. Keahlian IKM terbuka kepada individu yang berumur melebihi 21 tahun dengan kelulusan Ijazah yang diiktiraf dalam bidang kimia atau bidang yang spesifik berkaitan dengan kimia dan mempunyai pengalaman bekerja. Sehingga 10 Mei 2015, seramai 3,674 orang ahli kimia telah berdaftar dengan Institut Kimia Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dengan mengambil kira perkembangan semasa, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi bercadang untuk membuat pindaan terhadap Akta 158 ini. Beberapa siri perbincangan antara Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dengan kementerian yang terlibat seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Pejabat Peguam Negara telah dibuat bagi memastikan pindaan akta tersebut mengambil kira kepentingan semua pihak terbabit.

Sehubungan dengan itu Yang Berhormat, MOSTI telah membentangkan Memorandum Rang Undang-undang Akta Ahli Kimia (Pindaan) 2015 No. M92/2015 di Mesyuarat Jemaah Menteri pada 18 Februari 2015 dan Jemaah Menteri bersetuju dan mencadangkan memorandum tersebut.

■1140

Cadangan pindaan Akta 158 adalah bertujuan untuk memperluaskan fungsi IKM seiring dengan perkembangan terkini dalam bidang kimia dan amalan profesion kimia.

Kedua, meminda kelayakan akademik dan keperluan pengalaman amali makmal untuk mencerminkan perkembangan akademi terkini di institut pengajian tinggi dalam negara mahupun luar negara dan melicinkan pentadbiran dan pengurusan Institut Kimia Malaysia dengan menambah bilangan ahli Majlis Institut Kimia Malaysia dan meminda atau membatalkan peraturan dan amalan yang tidak relevan.

Pindaan-pindaan tersebut yang terlibat adalah seksyen 2, 7, 9, 14, 15, 17, 18, 19, 23, 27 Jadual Pertama dan tambahan satu kekecualian. Cadangan pindaan Akta 158 akan merangkumi perkara-perkara seperti berikut:

- (i) memasukkan takrif baru Menteri iaitu Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi;
- (ii) pindaan kepada subseksyen (7) dengan menghuraikan fungsi Institut Kimia Malaysia dengan membahagikan perenggan 7B Akta 158 kepada dua bahagian bagi mengadakan peruntukan mengenai latihan bagi mereka yang bercadang untuk menjadi anggota dan bagi anggota yang sedang dan bercadang untuk mengamalkan profesion kimia di Malaysia. Pindaan ini juga turut bertujuan untuk memperkenalkan enam fungsi baru institut. Pindaan juga bertujuan untuk menggantikan perkataan “ijazah lulus atau kepujian” dengan perkataan ‘ijazah mengikut syarat kelayakan semasa yang dikenakan’. Begitu juga perkataan “pelajaran” digantikan dengan ‘pendidikan’ agar selaras dengan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 dan terminologi terkini yang digunakan di Kementerian Pendidikan;
- (iii) menambah keanggotaan Majlis menjadi 16 orang supaya Majlis Institut dapat memainkan peranan yang lebih aktif dalam isu yang melibatkan permohonan kimia dan profesion kimia di Malaysia dan juga di dunia;

- (iv) membolehkan Menteri melantik seseorang untuk menjalankan tugas Ketua Pengarah Kimia semasa kekosongan jawatan dan Ketua Pengarah Kimia yang mana seseorang itu hendaklah juga menjalankan tugas Pendaftar institut supaya operasi institut tidak terganggu hinggalah Ketua Pengarah Kimia yang baru dilantik;
- (v) menggantikan istilah "*Associates*" dengan istilah '*Member*' yang mana kategori keanggotaan *Associates* dicadangkan dipinda kepada *Member* kerana *Associates* sering dikaitkan dengan orang yang tidak layak menjadi anggota. Kelayakan akademik dan pengalaman amali untuk menjadi anggota juga dipinda mengikut struktur kelulusan ijazah sekarang. Akta sedia ada mengambil kira ijazah sarjana muda dan ijazah sarjana muda kepujian dalam permohonan menjadi anggota kimia sedangkan pada masa ini, semua universiti hanya mengeluarkan ijazah sarjana muda sahaja;
- (vi) pindaan juga akan menaikkan nilai hukuman denda bagi kesalahan-kesalahan iaitu membenarkan orang lain yang bukan anggota menjalankan amalan seseorang yang tidak berdaftar namun mengeluarkan juga laporan cerakinan kimia, amalan fraud dan seseorang yang menghalang tugas pemeriksa dan pindaan ini dibuat terhadap nilai hukuman kesalahan-kesalahan adalah seperti berikut:-
 - (a) bagi kesalahan-kesalahan anggota yang membenarkan orang lain yang bukan anggota menjalankan amalan - seksyen 19(2), denda tidak melebihi RM5,000 dan Majlis boleh menggantungkan keanggotaan tidak lebih satu tahun dan jika disabitkan kesalahan kedua, Majlis boleh menamatkan keanggotaan serta-merta;
 - (b) bagi kesalahan-kesalahan yang tidak berdaftar namun mengeluarkan laporan cerakinan kimia - seksyen 23(3), denda tidak melebihi RM10,000 atau dipenjarakan tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya. Bagi kesalahan kedua dan berikutnya, denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya;

- (c) bagi kesalahan amalan fraud - seksyen 25, denda tidak melebihi RM10,000 dan penjara tidak lebih daripada dua tahun atau kedua-duanya; dan,
 - (d) bagi kesalahan seseorang yang menghalang pemeriksa dalam menjalankan kuasanya – seksyen 27(5), denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak melebihi satu tahun.
- (vii) pindaan Jadual Pertama dengan menambahkan anggota bagi membentuk kuorum dalam satu mesyuarat Majlis sejak ditubuhkan pada tahun 1975, IKM telah berkembang menjadi Institut Kimia Malaysia dengan pesatnya. Kini, Institut Kimia Malaysia mempunyai seramai 3,675 orang ahli dan dijangka bertambah dengan kadar 8% ke 10% setiap tahun. Selaras dengan perkembangan tersebut, bilangan ahli Majlis atau *council* perlu ditambah serta beberapa peruntukan Institut Kimia Malaysia dipinda untuk mencerminkan komposisi yang seimbang serta menjadikan tadbir urus IKM lebih berkesan. Sehubungan dengan itu, pindaan Akta 158 bertujuan untuk memperjelaskan serta menambah baik bidang kimia di negara ini;
- (viii) klausa pengecualian bagi mana-mana orang yang ada atau sebelum tarikh kuat kuasa akta telah didaftarkan sebagai seorang *Associates*, hendaklah didaftarkan dengan namanya sebagai *Member* di bawah akta ini;
- (ix) salah satu fungsi Institut Kimia Malaysia ialah untuk menentukan kelulusan bagi seseorang yang diterima masuk sebagai anggota. Oleh itu, Institut Kimia Malaysia perlu memainkan peranan untuk mengenal pasti program-program kimia di institut pengajian tinggi mencapai standard bertaraf tinggi dan Malaysian Qualifications Agency (MQA) ialah badan yang memberi akreditasi manakala Institut Kimia Malaysia merupakan ahli dalam *Joint Technical Committee* ataupun JTC yang ditubuhkan di bawah Akta MQA. Sehubungan dengan itu, dicadangkan pindaan dibuat di bawah subseksyen 7(1) dalam rang undang-undang ini.

Kandungan Akta 158 secara keseluruhannya perlu disemak bagi memperkasa dan memperkukuhkan peranan serta fungsi Institut Kimia Malaysia dalam permohonan bidang kimia dan profesion kimia di Malaysia dan antarabangsa. Pindaan ke atas Akta 158 akan

mempertingkatkan tadbir urus Institut Kimia Malaysia untuk menjadi sebuah organisasi profesional yang terus membangunkan bidang dan profesion kimia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Siapa menyokong?

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]: Saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Ahli Kimia 1975 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sesuai dengan Peraturan Mesyuarat, perbahasan tertakluk kepada perkara-perkara yang dipinda sahaja. Yang Berhormat Hulu Langat.

11.48 pg.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Yang dikasihi Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Merujuk kepada pindaan Akta Ahli Kimia 1975 [Akta 158] dalam beberapa seksyen yang dijelaskan dengan lengkap oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya mengalu-alukan dan menyokong kerana tujuan untuk menambah baik pengurusan pakar-pakar atau ahli kimia yang sedia ada. Sumbangan ahli kimia dalam negara kita ini adalah besar. Dalam pembangunan perindustrian, kesejahteraan dan kesihatan manusia merangkumi berbagai-bagai bidang daripada kimia fizik, organik, biokimia sehinggalah petrokimia dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk pindaan dalam seksyen 17 iaitu menukar *Associates* kepada *Member* dan ijazah kepujian kepada ijazah, saya ingin mendapatkan penjelasan. Adakah bertujuan untuk meningkatkan lagi ahli kimia yang tadi dijelaskan setakat ini ahlinya 3,675 orang dan adakah dengan pertukaran ini, pindaan ini, maka ahli kimia dapat dipertingkatkan lagi dan dalam lain-lain perkataan, keperluan ahli kimia juga mungkin meningkat? Itu persoalan saya.

■1150

Saya juga mengharapkan penjelasan Yang Berhormat Menteri mengenai bidang-bidang pecahan utama yang sekarang selari dengan pembangunan negara kita.

Jadi sejauh mana pentingnya peranan ahli kimia dalam Jabatan Kimia Malaysia yang di bawah MOSTI ini terutama dalam analisis keracunan bahan dan juga forensik. Tuan Yang di-Pertua, sepanjang penglibatan saya dalam Institut Kimia Malaysia ini dalam tahun 90-an memang IKM ini sudah berperanan dalam memberi kursus, nilai, memantau,

melaksanakan seminar-seminar kepada ahli-ahli dan juga promosi sumbangan bidang kimia dalam pembangunan negara. Jadi, saya juga ingin mendapat pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai pindaan untuk menambah baik lagi fungsi IKM walaupun dalam akta tadi jelas disebutkan. Jadi, adakah ia bertujuan meningkatkan lagi skop IKM dalam mengharungi atau menghadapi perkembangan teknologi sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya juga menyokong pindaan di bawah seksyen 23 dan 27 yang menaikkan hukuman atau denda kepada sama ada ahli kimia yang menyalahgunakan kuasa atau memberi kuasa kepada orang yang bukan ahli dalam membuat *endorsement* ataupun keputusan dan juga kepada orang yang menghalang dari satu keputusan yang dibuat yang boleh menjejaskan keselamatan dan kesejahteraan rakyat. Jadi saya kira, sepatutnya kenaikan hukuman ini patut dibuat lebih awal bagi mengatasi masalah-masalah kesihatan, keselamatan yang berlaku dalam negara kita ini. Sekian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kuala Kedah.

11.52 pg.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Saya secara umumnya menyokong sebarang usaha untuk meningkatkan taraf profesionalisme dan juga meningkatkan peranan ahli kimia dan Institut Kimia Malaysia dalam dunia moden yang telah banyak perkembangan sains dan teknologinya. Kita faham bahawa satu akta yang di *formulate* kan pada 1975, 40 tahun yang lalu tentulah tidak dapat mencakupi segala perkembangan terakhir yang berlaku dalam bidang kimia. Saya khusus kepada penggunaan seksyen 7(d) tentang memberi maklumat dan nasihat pada anggota dan orang awam tentang perkara berhubung dengan kimia, kerjasama dengan agensi kerajaan, input profesional dan menasihati Menteri.

Itu semuanya saya rasa sangat penting dan kita sokong penuh pindaan-pindaan ini untuk meningkatkan taraf profesionalisme dan juga keupayaan ahli kimia dengan dunia yang berkembang dengan universiti dan juga kaitan global kita. Maklumat yang baru, perkembangan-perkembangan yang baru dalam bidang kimia dan juga industri kimia dan eksport kimia dan bahan kimia kita dan juga import kita bertambah. Itu akan memberi implikasi besar pada kesihatan dan juga dan apa yang berlaku dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua saya ingin merujuk kepada beberapa perkara yang saya rasa perlu kita beri perhatian kerana dalam beberapa perkara yang tidak jelas di mana peranan para doktor, para *nutritionist* dan para ahli kimia. Maka ahli kimia harus menjadi orang

yang memberikan sebagai *resource person*, orang yang memberikan kata putus, orang yang memberikan penjelasan yang terbaik kepada masyarakat. Misalnya dalam isu karsinogen atau bahan-bahan kimia yang boleh menyebabkan kanser, kita ada asbestos, *formaldehyde*, benzin misalnya dikenal pasti sebagai menyebabkan kanser.

Jadi, bagaimana benda-benda ini boleh digunakan dalam industri dan dalam masa yang sama mengurangkan risiko kansernya. Para jurutera misalnya dan para doktor mungkin terlalu menumpukan bidang mereka dan tidak punya masa dan keupayaan untuk menjelaskan bagaimana benda ini boleh digunakan dalam industri tanpa menjejaskan kesihatan orang awam misalnya Tuan Yang di-Pertua. Itu peranan ahli kimia yang kita mahu lihat dipertingkatkan.

Satu lagi isu yang saya hendak sebutkan misalnya dalam makanan, kita tahu dengan jelas bahawa lemak trans adalah satu lemak industri yang bahaya. Marjerin dan lain-lain lagi itu lemak trans. Doktor boleh menasihati tapi dalam keadaan yang **literagic** ataupun Kementerian Kesihatan yang lambat mengambil tindakan proaktif. Maka, masyarakat masih menggunakan lemak trans, industri makanan masih menggunakan lemak trans. Jadi, ahli kimia perlu meningkatkan, perlu diberikan keupayaan dan perlu dipermudahkan usaha mereka meningkatkan pengetahuan masyarakat mengenai lemak trans. Perkembangan yang berlaku sangat pantas bila lemak trans dijadikan isu, industri di Amerika misalnya mereka mengeluarkan bahan-bahan makanan yang *trans fat free*, yang bebas lemak trans.

Akan tetapi mereka menggunakan satu proses lain menghasilkan lemak dan juga masih berbahaya proses yang dipanggil *esterification* proses *esterification* Tuan Yang di-Pertua, masih mengekalkan, maaf proses '*inter-esterification*' proses ini menghasilkan lemak yang disebut sebagai *interestified fat*, lemak yang *interestified*. Orang awam, para doktor, para *nutritionist* juga, ahli-ahli *nutritionist* gizi dan *dietitian* mungkin tidak akan faham. Akan tetapi ahli kimia faham bagaimana proses ini berlaku, bagaimana luar biasanya, *out of natural* dengan izin.

Lemak diproses dengan tekanan yang tinggi, dengan suhu yang tinggi menghasilkan sesuatu yang tidak natural tidak alamiah maka dia juga akhirnya dapati boleh menyebabkan penyakit-penyakit lain, diabetes *type 1* misalnya, daripada penggunaan lemak *interestified* ini ada risiko diabetes dan lain-lain lagi.

Itu peranan ahli kimia yang saya harap dapat diperjelaskan dan ahli kimia dapat tampil ke hadapan agar kita meningkatkan kualiti kepada tahap profesional dan ahli kimia dan Institut Kimia Malaysia maka ini akan lebih jelas. Ketiga dan terakhir Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak sebut di sini, walaupun contoh lain banyak misalnya kita dalam

perbicaraan, saya perlu sebut di sini tetapi tidaklah terlalu *detail*, cuma secara umum Dato' Seri Anwar Ibrahim disabitkan dengan kes perbicaraan beliau akhirnya beliau disabitkan dengan keterangan ahli kimia.

Cuma saya hendak menyebut di sini, saya tidak pergi *detail* kepada teknikalnya cumanya saya hendak menyebut dan menyatakan bahawa keterangan dari ahli-ahli kimia Malaysia sangat berlawanan dengan yang diberikan oleh dua orang profesor dari Australia yang merupakan ahli kimia yang antara dianggap sebagai terbaik di dunia daripada *Victorian Institute of Forensic*. Saya tidak pergi kepada *detail* tapi daripada putih kepada hitam, hitam kepada putih dan kes ini di dan dikaji seluruh dunia tentang keterangan ahli kimia, bagaimana boleh berlaku terlalu berbeza, yang hitam jadi putih dan putih jadi hitam. Itu kalau kita tidak tangani Tuan Yang di-Pertua, di masa hadapan bila kita ada lagi *high profile cases* macam ini maka ia akan memberikan impak yang negatif kepada ke profesionalisme dan juga keupayaan ahli kimia kita berbanding dengan antarabangsa.

Jadi, saya menyokong penuh supaya ditingkatkan taraf profesionalisme dan keupayaan ahli kimia untuk tampil di persada antarabangsa lebih baik dan mengikut perkembangan kimia dan juga Institut Kimia Malaysia dan pada masa yang sama saya berharap apa yang saya sebutkan tadi kita dapat sama-sama berikan perhatian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bayan Baru.

11.59 pg.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk membahaskan rang undang-undang amat penting ini. Secara dasarnya saya amat sokong rang undang-undang yang meningkatkan profesionalisme ahli-ahli kimia. Ini adalah suatu yang penting kerana apabila menuju ke sebuah negara yang pesat membangun dan memerlukan banyak ahli kimia yang profesional untuk membantu daripada beberapa sektor.

■1200

Saya hendak ambil sektor yang pertama iaitu *nutrition and food safety*. Saya rasa negara kita kerana pemesatan pembangunan dan juga perkembangan populasi negara, maka banyak makanan yang diimport atau dikeluarkan daripada negara kita sendiri semakin terancam dengan bahan-bahan kimia yang mungkin ialah *DNA modified food* yang – dan juga ada *contamination*. *DNA modified food* sekarang semakin meluas tetapi

kita masih belum ada satu *regulation* yang spesifik untuk mengawal makanan-makanan *DNA modified*. Jadi apakah pendirian kerajaan tentang makanan-makanan *DNA modified*? Sekarang— kerana banyak. Ia ada kacukan dan sebagainya. Memang ada yang secara natural tetapi ada pula yang belum atau tidak pasti kaedah untuk *modified* makanan tersebut. Jadi saya menaruh harapan tinggi terhadap para ahli kimia supaya untuk menentukan sebuah dasar makanan negara di mana kita akan menjaga rakyat kita daripada ancaman-ancaman makanan yang tidak sihat.

Kedua ialah masalah tentang cara makanan *produce - what do you call*, makanan yang di *contaminated*. Cara pemprosesan yang tidak profesional. Kita nampak ada banyak kes di negara lain terutamanya *high profile cases* dari Taiwan di mana makanan mereka digunakan cara-cara yang sintetik, menggunakan pelbagai bahan kimia yang menyebabkan *contamination on food*. Jadi kita harap bahawa kerajaan tingkatkan jabatan-jabatan. Saya tahu bukan daripada jabatan, mungkin ada dari jabatan kesihatan tetapi kita perlu tingkatkan supaya ahli-ahli kimia daripada kerajaan untuk meningkatkan *checking* terhadap makanan-makanan dan kilang-kilang pemprosesan makanan. Supaya memastikan bahawa mereka adalah mengikut profesional dan untuk memastikan keselamatan makanan kita.

Ketiga adalah *toxic substance control*. Sekarang ada banyak bahan kimia yang digunakan dalam komersial yang akan mengancam keselamatan alam sekitar dan sebagainya. Ini adalah sesuatu yang kita tidak dapat mengawal, *regulate* dengan lebih rapi. Di mana kita tahu bahawa contohnya, pencemaran sungai. Itu adalah sesuatu yang amat serius. Ini kerana mengikut laporan dari Jabatan Alam Sekitar, tiada sebatang sungai di Semenanjung Malaysia adalah dalam kategori *class one*, yang bersih, yang boleh dikira kelas satulah di mana tidak ada pencemaran. Akan tetapi kita kebanyakan rakyat Malaysia menggunakan air sungai terutamanya di negeri Selangor yang menggunakan Sungai Selangor sebagai punca rawatan air.

Jadi ini adalah sesuatu yang serius di mana saya harap Jabatan Kimia dan juga akta ini dengan ahli-ahli kimia lebih profesional dan juga daripada kerjasama Jabatan Alam Sekitar kita mempertingkatkan isu pencemaran. *Toxic substance control* juga penting dari segi makanan. Tadi saya telah ucapkan tentang *nutrition and food safety* tetapi juga kita ada banyak makanan yang perlu dikaji supaya tidak ada *toxic substance* yang mencemari makanan kita. Satu contoh adalah pelabelan makanan-makanan kita. Kita tahu bahawa makanan kita yang dijual dalam pasar raya kita kebanyakannya tidak dilabel. Berapa *chemical content* dalam pelbagai barang.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Tuan Yang di-Pertua, sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kuala Kedah.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru. Saya hendak tambah di sini bahawa tentang pelabelan tentang lemak trans tadi. Lemak trans dilabelkan kalau tidak ada lemak trans disebut *free of trans fat*. Akan tetapi yang disebut tadi racun *interesterified fat*, lemak *interesterified*. Lemak yang telah diproses *interesterification*, itu tidak dilabel oleh mana-mana negara. Mungkin Institut Kimia Malaysia dan ahli kimia Malaysia boleh memikirkan untuk melabelkan benda tadi kerana ia juga ialah satu yang boleh membawa implikasi besar kepada kesihatan kerana hampir semua bahkan proses biskut, marjerin, *vegetable spread*, gula-gula pula sekarang ini menggunakan *interesterified fat*. Terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah kerana memberi cadangan yang bagus. Saya rasa ini adalah suatu yang perlu dipertingkatkan oleh para ahli kimia kita. Saya juga tertarik hati dengan apa yang dibincangkan oleh Yang Berhormat Kuala Kedah tadi tentang kes *forensic chemist* dari Jabatan Kimia Negara di mana ada banyak kes *high profile* yang di mana kerana laporan itu adalah *crucial* kepada kes tersebut. Ada beberapa kes seperti Akta Dadah di mana suspek-suspek penjenayah ini dilepaskan kerana bahan-bahan atau *evidence* yang dikutip itu tidak betul. Disimpan dalam stor, kemudian bawa ke kes mahkamah sudah jadi benda lain.

Jadi ini adalah sesuatu yang amat serius supaya jabatan kimia kita menjalankan tugas yang lebih baik. Lagi kes seperti Dato' Seri Anwar dalam kes tahun 1998 di mana *DNA chemist*, Encik Lim Kong Boon di mana testimoni dia menjadi bahan yang penting daripada segi menjatuhkan kesalahan terhadap bekas Ahli Parlimen Permatang Pauh, Dato' Seri Anwar Ibrahim. Ini adalah sesuatu yang serius.

Kes yang kedua tahun 2008 di mana Doktor Seah Lay Hong dan Nor Aidora Saedon yang merupakan *DNA chemist* dari Jabatan Kimia di mana testimoni mereka bercanggah betul dengan *DNA expert* dari luar negara seperti Profesor David Lawrence dan juga Doktor Brian Leslie McDonald. Di mana adalah profesor-profesor *chemist* dan *expert* yang cukup tersohor di dunia tetapi perbezaan itu amat ketara. Jadi itu adalah amat penting supaya para ahli kimia itu dipertingkatkan profesionalisme mereka. Ini kerana kalau DNA itu disimpan dalam almari pegawai polis, selepas dua hari, selepas 96 jam tetapi laporan daripada ahli kimia kita masih kata *the evidence is pristine*. Ini memang tidak masuk akal.

Sebenarnya adalah yang telah di – dia telah secara natural menjadi *deteriorated evidence* tersebut, *DNA* atau *sperm* atau apa-apalah sudah *deteriorated*. Jadi ini menunjukkan bahawa profesionalisme ahli-ahli kimia itu masih dalam keadaan yang *doubtful*. Jadi kita amat mengalu-alukan supaya tingkatkan profesionalisme para ahli kimia supaya tiada satu kes lagi yang di mana mangsa, suspek dimangsakan kerana laporan-laporan daripada para ahli kimia kita. Itu sahaja, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Bagan Serai.

12.09 tgh.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana beri saya peluang untuk membahaskan rang undang-undang suatu akta meminda Akta Ahli Kimia 1975. Saya melihat rang undang-undang ini di mana satu rang undang-undang yang penting kerana ia melibatkan ahli kimia. Ini kerana ahli kimia ini dia terlibat dalam banyak aspek dalam kehidupan kita.

■1210

Kita lihat hari ini, ahli-ahli kimia memang sepatutnya meningkatkan profesionalisme, mendapat, memerlukan pengetahuan yang *up to date*, yang *latest* dan juga meneruskan pengajian ataupun *continuing education*, dengan izin, sebagai ahli kimia.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat hari ini, kalau negara hendak pergi negara maju, negara akan mencapai pencapaian ekonomi yang baik. Akan tetapi kalau rakyatnya sakit, maka tidak ada manfaat apa-apa sebenarnya untuk kita. Ahli kimia antara insan-insan yang terlibat dalam kesihatan yang penting dalam hidup kita hari ini. Kita lihat ahli-ahli kimia hari ini, mereka dapat menentukan, kita lihat daripada perbincangan hari ini, tentang perkara-perkara yang terkandung dalam pemakanan kita. Kesihatan perkara yang penting dan kesihatan terlahir juga dari apa yang kita makan. Apa yang kita makan, kalau mengandungi bahan-bahan kimia yang terlarang, kalau mengandungi bahan-bahan kimia yang tidak baik untuk kesihatan, maka dia akan menjejaskan kesihatan. Akhirnya akan menjejaskan ekonomi dan bagaimana cita-cita kita untuk mencapai negara yang maju.

Kita lihat hari ini pemakanan yang mana kita bincangkan tentang lemak trans, gula dan sebagainya. Tentang pemakanan-pemakanan yang dibuat sekarang hari ini oleh pengilang-pengilang yang mengandungi banyak bahan kimia yang mungkin

menyebabkan kesihatan. Ada yang dikatakan boleh menyebabkan kanser. Penggunaan perasa, penggunaan pengawet, penggunaan bahan-bahan yang dikatakan selamat.

Kita lihat hari ini, khususnya rakyat Malaysia hari ini, pemakanan yang mereka suka. Orang Malaysia suka makan apa? Orang Malaysia suka makan mi. Pagi makan mi, tengah hari makan mi, malam makan mi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Nasi lemak Yang Berhormat?

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Nasi lemak satu lagi Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi saya hendak cerita pasal mi ini. Bukan sahaja mi, orang Malaysia suka makan Maggi. Suka makan Maggi. Baguslah Maggi, memanglah ia sudah lulus, tetapi apa dalam Maggi itu? Apa yang menyebabkan sedap sangat? Adakah benda-benda yang boleh menyebabkan ketagihan? Maggi.

Jadi kita lihat, banyak lagi makanan. Saya mengambil satu contoh di mana makanan-makanan sudah pasti. Berapa lama sudah Maggi itu kering? Berapa lama sudah benda kering itu duduk dalam plastik itu dan kita makan? Kalau kita makan satu hari, tak apa, makan sebulan pun tak apa. Bertahun-tahun makan, tak jemu-jemu. Ada yang jemu dengan mi Maggi? Ada orang kata, "*Saya tak hendak makan mi Maggi, sudah jemu*". Tak ada.

Jadi kita lihat, saya hendak melihat ini, peranan ahli kimia ini, ahli kimia yang tahu benda ini. Jadi kalau ahli kimia ada pengalaman dan ada ilmu yang cukup, perlu mengkaji balik. Kita lihat perkara-perkara yang boleh menyebabkan kesihatan terganggu, disebabkan oleh bahan pemakanan kita hari ini, kesukaan kita hari ini. Ini yang penting, perkara yang kita hendak sebutkan.

Seperkara lagi Tuan Yang di-Pertua, tentang ubat-ubatan. Ubat ini satu masalah. Kita hari sepatutnya menjaga kesihatan supaya tak perlu makan ubat. Kita bukan bila ada- saya pernah jumpa semasa di klinik, ada orang yang umurnya sudah 60 lebih tahun, dia banyak makan ubat. Makan ubat yang satu mangkuk ubat, kenyang makan ubat. Saya kata, "*Kenapa ini?*" "*Penyakit tiga serangkai*". Darah tinggi, lemah jantung, kencing manis. Ini dia punya ketua dia. Kemudian datang lagi perkara-perkara lain yang bersangkutan dengan penyakit ini. Maka doktor pun beri dia ubat, berlambak-lambak ubat. Dia bawak ubat, dia kenyang makan ubat lebih daripada nasi lagi? Akan tetapi dalam ubat-ubat ini, kita lihat ubat-ubat juga mendatangkan kesan-kesan sampingan. Tuan Yang di-Pertua, tak boleh main-main dengan ubat ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Betul itu.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Ada orang makan ubat, dia luruh rambut. Ada yang makan ubat terus jadi lemah. Lemah Tuan Yang di-Pertua. Lemah, tak larat. Lemah apa itu?

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Ha itu lah. Lemah, selepas itu makan ubat kuat. Makan ubat kuat, mati terus sakit jantung.

Jadi ubat-ubat hari ini, kita memang kena *balance out*. Sebagai doktor, dia tahu lah dia hendak *balance out* kebaikan dan kemudaratan. Akan tetapi yang pastinya, cuba kita – orang yang makan ubat darah tinggi tahu. Selepas makan ubat, tekanan darah okey, badan pun lemah. Doktor kata ini, “*There are some side effects*”, “*Yes, yes, yes*”. *But do you really know the side effects? You* makan ubat darah tinggi bukan sebulan dua bulan. Bertahun-tahun, sama dengan makan nasi. Jadi hari ini lebih baik jaga kesihatan daripada terpaksa makan ubat.

Saya hendak berbalik kepada ahli kimia tadi, ada ahli-ahli kimia dalam Dewan ini dia tahu, ubat ini apa kesan dia, ubat ini ada kesan dia. Sehingga ada doktor beritahu ubat ini jangan makan, makan sebelum makan, makan selepas makan, jangan makan sebelum tidur, jangan makan waktu hendak bawa kereta. Oleh sebab apa? Oleh sebab *the side effect is bad for health*. Akan tetapi, apa hendak buat, sudah sakit. Sebab itu kita kena jaga sakit.

Peranan ahli kimia di sini, pertama, ahli kimia boleh menentukan apa yang ada, menceritakan kepada kita. Kedua, ahli kimia yang profesional sepatutnya fikir, buat kajian lah, *go on* supaya dapat cipta ubat-ubat yang lebih baik. Ubat-ubat yang tidak ada kesan sampingan umpamanya. Akan datang, mungkin perkara-perkara ini akan berlaku.

Juga Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bawa cerita rawatan air. Tadi kita sembang banyak tentang air dalam sesi pagi tadi. Air ini sangat penting dalam kehidupan kita. Air ini adalah perkara asas, asasi. Kalau tak makan tiga hari seminggu tak apa Tuan Yang di-Pertua. Kalau tak minum tiga hari, jam, badan boleh jadi rosak. Buah pinggang boleh menjadi tak tentu hala. Akan tetapi air ini, kalau kotor, lagi mati lagi cepat Tuan Yang di-Pertua. Jadi air ini dirawat. *You treat the water. Treated water* ini, air yang dirawat ini, sama ada dirawat secara fizikal ataupun digunakan bahan-bahan kimia.

Bahan-bahan kimia ini Tuan Yang di-Pertua, ia bunuh kuman. Akan tetapi kalau terlebih, ia bunuh orang. Kalau terlebih ia boleh bunuh orang sebab ia *chemicals*. Ahli-ahli kimia yang faham benda ini. Ahli-ahli kimia kena fikir, kena *upgrade professionalism*. Supaya dia boleh cadangkan kepada kerajaan, cadangkan kepada badan-badan yang

tertentu, supaya menggunakan *chemicals* ataupun bahan-bahan yang tidak mendatangkan bahaya. Kita minum air.

Saya pun terfikir tadi, *treated water*. Hari ini, berapa orang sanggup pergi ke tandas sana, buka paip, minum? Berapa orang sanggup? Kita *treated water* kan? Boleh minum? Sebab itu kita rasa pening. Selepas minum air rasa pening. Kenapa? Mungkin klorin terlebih. Klorin zaman perang dunia dahulu, digunakan untuk bunuh orang. Akan tetapi, klorin hari ini, digunakan untuk *treat the water, and you drink the water*. Jadi ahli-ahli kimia mengambil peranan yang penting, kerana ini penting sangat untuk profesion ahli-ahli kimia.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga saya dengar daripada perbahasan hari ini, tentang peranan ahli-ahli kimia untuk label makanan-makanan sampailah untuk menentukan kes-kes di mahkamah. Sehingga membawakan ada mereka yang tidak puas hati dan sebagainya. Pada pendapat saya Tuan Yang di-Pertua, ahli kimia ini manusia biasa. Ahli kimia ini, dia belajar dan dia tingkatkan ilmu profesionalisme dia. Akan tetapi yang menentukan dia cakap benar atau tidak adalah hatinya, adalah keimanannya, kejujurannya ahli kimia ini. Dia semua hamba Allah yang akan terdedah kepada unsur-unsur yang tidak baik umpamanya.

Jadi insan ini ataupun modal insan ini, kecemerlangan ahli kimia ini, bukan sahaja bergantung kepada ilmu yang terletak dalam kepala dia sahaja, tetapi juga kepada keimanan dia, kejujuran dia dan amalan dia. Barulah kita dapat melahirkan ahli-ahli kimia yang profesionalisme profesional yang cemerlang, yang hebat, terbilang, yang dapat menentukan kejayaan negara untuk menjadi negara yang maju.

Tuan Yang di-Pertua, inilah beberapa perkara yang saya ingin sentuh tentang pembinaan rang undang-undang ini di mana peningkatan profesionalisme ahli-ahli kimia, ilmu mereka, pengalaman mereka, ketulenan mereka ini akan dapat membantu negara ini.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bagan Serai menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Krai.

12.18 tgh.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut sama membahaskan rang undang-undang pindaan kepada Akta Ahli Kimia 1975 ini.

Ada beberapa perkara yang agak ringan sahaja pindaan ini yang saya rasa walau ringan, harus juga kita sebut. Yang ringannya apabila kerajaan bercadang untuk meminda nama anggota dalam institut ini daripada *associate* kepada *member*. Dengan alasan diberikan oleh Menteri tadi, *associate* ini mungkin boleh dikaitkan dengan orang yang tidak berkelayakan, jadi tidak manis mungkin di dalam institut ini, kategori anggotanya disebut *associate*.

Saya ingin berbeza pandangan Tuan Yang di-Pertua tentang perkara ini. “*Associate*” ini dalam konteks “*professionalism*” agak satu kedudukan yang hebat. Kalau kita tengok di kalangan *lawyer* pun, nama Karpal Singh & Associates. Ertinya, satu pengiktirafan yang hebat kepada mereka yang berada di bidang profesion berkenaan.

■1220

Jadi sebagai seorang *associate* di institut kimia ini, bagi saya merupakan suatu pengiktirafan walaupun dari segi kategorinya ia kedua selepas *fellow*. Jadi menukarkan nama, gelaran atau kategori ini kepada *member* sahaja, *member* ini terlalu hambar lah, terlalu biasa. *Member* kalau kita hendak *translate* kan, ahli. Mungkin kalau ahli itu sebagai pakar, ia lain. Kalau ahli di *translate* kan sebagai *specialist*, keahlian itu hebat. Akan tetapi kalau *member* sahaja, saya rasa itu menurunkan taraf pegawai tersebut. Jadi saya mencadangkan kalau boleh dikekalkan *associate* ini sebagai salah satu kategori yang terpakai bagi golongan ahli kimia ini. Itu yang pertama.

Yang keduanya, kita sudah dengar tadi hujah rakan-rakan kita bahawa peranan ahli kimia sekarang ini cukup besar. Saya tidak ada masalah kalau ahli kimia ini digelar ataupun digolongkan sebagai profesional setaraf dengan *engineer*, *doctor*, *lawyer*, *architect* dan sebagainya. Kalau kita memberikan pengiktirafan tersebut, mungkin kita yang punya anak-anak yang ingin anak-anak kita itu melanjutkan pelajaran, tidak akan rasa sedikit inferior kalau anak-anak kita ini mengambil jurusan-jurusan *pure sciences like chemistry*.

Ini kerana bagi sesetengah orang, masuk ke fakulti sains dan mengkhusus kepada *chemistry* ini sebagai satu kursus yang masa depannya kelihatan kebanyakannya akan jadi guru kimia di sekolah. Akan tetapi kita mahu *chemistry* ini sebagai satu cabang sains yang penting diberikan suatu imej dan kedudukan yang baru supaya ibu bapa pun boleh menjadikan ianya antara pilihan utama apabila memilih jurusan kimia. Jadi ini bergantung kepada bagaimana kita membina persepsi jurusan ini.

Kalau kita dapat mewujudkan satu institut yang mempunyai kedudukan yang tinggi di mata masyarakat dan juga dalam kerjaya, saya rasa jurusan kimia dan mungkin juga fizik, biologi dan sebagainya nanti akan juga menjadi pilihan utama dan bukannya pilihan

yang oleh sebab tak dapat buat perubatan contohnya, kita buatlah kursus biologi, genetik dan sebagainya. Ataupun kalau tidak dapat buat atau memasuki kursus *engineering*, maka kita hantarlah anak buat kursus fizik. Kita hendak kalau boleh *pure sciences* ini menjadi antara pilihan utama.

Untuk tujuan itu Tuan Yang di-Pertua, institut ini harus memainkan peranan yang lebih besar untuk mempromosi bidang ini sebagai suatu yang tidak dapat tidak, kena dirujuk di dalam pelbagai aspek dalam kehidupan manusia. Tadi dalam bidang perubatan disebut, dalam bidang gizi atau *nutritions* telah disebut. Kalau kita tengok dalam kempen-kempen anti merokok contohnya, kita tidak berapa hendak mendengar pakar-pakar kimia ini tampil ke hadapan. Sedangkan, dikatakan asap rokok yang agak kurang sekarang ini keluar di luar kafeteria kita itu, agak kurang, selepas di hari akhir dulu kita buat teguran tentang kawasan baru merokok di dalam kawasan Parlimen kita. Sudah kurang, *alhamdulillah*. Kita agak kurang mendengar peranan ahli-ahli kimia bercakap tentang bahaya merokok sedangkan dalam asap rokok itu dikhabarkan ada 3,000 atau 4,000 lebih bahan kimia. Siapalah kami doktor untuk bercakap tentangnya? Ahli kimia lah yang sepatutnya.

Jadi sekurang-kurangnya kalau kita tampilkan beberapa tokoh ahli kimia yang agak terkenal membahaskan dan membicarakan mengenai persoalan rokok dan bahaya merokok ini, sudah tentu imej pakar-pakar kimia ini akan ke depan. Ertinya, perlu ada suatu kerjasama yang erat antara kepakaran kimia ini dengan kajian-kajian perubatan yang sedia ada yang dilakukan oleh pelbagai institut perubatan, bukan hanya dalam negara, yang ada di luar negara juga. Jadi supaya nama mereka tampil ke hadapan.

Juga di dalam konteks yang disebut tentang pemakanan tadi, tentang pelabelan halal haram ini, tidak hanya dilihat dari sudut pandangan agama semata-mata tetapi dilihat dari segi kandungan bahan pengawet, bahan pewarna, bahan perasa. Ini kalau kita boleh menonjolkan pakar-pakar kimia ke hadapan, sudah tentulah imej makanan-makanan yang halal dan penggunaan logo halal ini akan dapat dipertingkatkan. Ini juga memerlukan institut kimia ini memperluaskan jaringan hubungannya ataupun *networking* dengan pelbagai institut perubatan dan institut perindustrian pemakanan dan sebagainya supaya kedudukan mereka akan lebih kuat.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya melihat di dalam akta ibu ini bahawa antara peranan bagi institut ini ialah mengadakan latihan, memberikan pensijilan kepada mereka yang ingin menjadi anggota kepada institut ini, ertinya mereka yang sudah lulus dengan ijazah sarjana atau sarjana muda sains (kimia) ataupun dengan *honors*. Akan tetapi saya ingin mencadangkan kalau boleh mungkin sudah tiba masanya kerana akta

asal ini dibuat dalam tahun 1975, kita sudah masuk tahun 2015 – berapa tahun dah itu? Dah 40 tahun ya. Mungkin kita boleh tingkatkan lagi peranan institut kimia ini Tuan Yang di-Pertua, kepada suatu yang lebih tinggi. Sedangkan dia pun sudah diperbadankan, apalah salahnya kalau kita memikirkan bagaimana institut ini boleh memainkan peranan-peranan seperti kolej universiti atau pun universiti sendiri? Dengan kekukuhan pendidikannya, mereka boleh mengeluarkan ijazah-ijazah.

Kalau ini boleh berlaku Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita akan mempunyai satu institut profesional yang boleh berada secara sendiri ataupun bekerjasama dengan mana-mana universiti yang terkenal di Malaysia seperti Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Teknologi misalnya, supaya dapat menjadi satu institusi yang mengeluarkan ijazah, macam Institut Kerja Raya yang akhirnya dapat mengeluarkan ijazah-ijazah kejuruteraan pembinaan jalan raya misalnya. Jadi, itu cadangan supaya kita pertingkatkan peranan institut ini kepada *level university college* ataupun universiti.

Selain daripada itu, saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri tentang institut ini sama ada berjaringan juga dengan institut-institut kimia ataupun institut pengajian tinggi dalam bidang yang sama dengan memberikan akreditasi ataupun ada hubungan *accreditation* di situ. Ini juga akan memberikan pengiktirafan kepada institut kita. Ertinya kedudukan anggotanya ataupun *fellow* nya atau *associate* nya, *licentiate* nya akan lebih diterima di peringkat antarabangsa. Jadi setakat mana hubungan jaringan kita dengan *accredited organization* yang relevan di peringkat antarabangsa?

Jadi Tuan Yang di-Pertua, itu beberapa pandangan dan cadangan yang saya harap boleh menjadi pertimbangan kepada kementerian. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kapar.

12.29 tgh.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada anak muda Kapar untuk berbincang juga tentang Rang Undang-undang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masih muda, Yang Berhormat ya? Anak muda?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ya, anak muda. Masih di bawah definisi. Rang undang-undang untuk meminda Akta Ahli Kimia 1975. Selamat tengah hari dan salam reformasi.

■1230

Pertama sekali Tuan Yang di-Pertua, saya pun menerima baik cadangan untuk memperbaiki sebuah akta yang berumur hampir 40 tahun ini dengan menambahbaikkan dan menambahkan tahap profesionalisme ahli-ahli kimia di negara kita. Saya juga ingin menekankan untuk isu pertama saya adalah mengenai pindaan seksyen 2. Di mana Menteri, ertinya Menteri akan dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi sains, teknologi dan inovasi.

Saya mencadangkan bahawa Kementerian Menteri yang mewakili sektor kementerian ini, termasuk Timbalan Menteri pun mempunyai kewajipan, mempunyai profesionalisme berkaitan dengan sains, teknologi dan inovasi ataupun sekurang-kurangnya yang hampir dengan kelulusan dan kemahiran sebegini. Jadi, saya mencadangkan kepada kerajaan supaya dengan *due respect to the Minister and Deputy Minister* yang sedia ada, untuk masa hadapan kalau boleh Menteri-menteri ini biar ada kaitan dengan yang hampir rapat dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Kedua adalah berkaitan dengan isu pencemaran persekitaran yang sedang menjadi persoalan di negara kita. Oleh kerana saban hari kita dengar isu-isu tentang pencemaran alam sekitar, keracunan makanan dan minuman yang saban hari semakin meningkat. Memandangkan begitu banyak kes pencemaran sama ada pencemaran, keracunan makanan dan minuman ataupun secara khususnya, pencemaran alam sekitar yang berlaku dari semasa ke semasa. Saya ingin menuntut penjelasan daripada kementerian, sejauh manakah Institusi Kimia Malaysia dapat memainkan peranannya dalam aspek memberikan maklumat dan nasihat kepada orang awam? Ini selaras dengan seksyen 7 yang dicadangkan, di mana seksyen 7(d)(f) menekankan bahawa ia akan memberikan maklumat dan nasihat kepada anggota dan orang awam tentang perkara yang berhubung dengan kimia. Maka, soalan saya adalah selaras dengan naluri seksyen ini, apakah peranan Institusi Kimia Malaysia dalam aspek memberi maklumat dan nasihat, terutamanya dalam isu-isu pencemaran mahupun keracunan makanan dan minuman?

Secara amnya, saya rasa langkah asas yang perlu diambil untuk menangani masalah pencemaran alam sekitar adalah dengan mengurangkan penggunaan bahan kimia. Di sini ada perbezaan pendapat mengapa saya mengatakan bahawa kalau hendak mengurangkan pencemaran, mesti mengurangkan penggunaan bahan kimia. Jadi, di manakah *check and balance* daripada kementerian untuk memastikan bahan kimia yang saya maksudkan ini tidak akan teruk kan lagi, membinasakan lagi, membahayakan lagi isu pencemaran alam sekitar.

Saya juga menyarankan bahawa bahan kimia yang mendatangkan pencemaran kepada alam sekitar dan memberikan *impact* dalam jangka masa yang panjang, termasuk

kepada kesihatan manusia dan penyakit-penyakit berbahaya perlu dikaji oleh kementerian sebelum meluluskan sebarang undang-undang seperti ini. Saya juga ingin membuat persoalan, sejauh manakah kerajaan berhasrat untuk menguatkuasakan undang-undang berkaitan aspek penjagaan pencemaran persekitaran?

Jika kita lihat suasana pada hari ini, kita dapati bahawa beberapa buah kilang yang telah mendapat kelulusan Kerajaan Persekutuan tetapi telah melampaui batasan pencemaran kimia yang telah ditetapkan serta tidak mematuhi piawaian-piawaian kerajaan yang telah ditetapkan. Sejauh manakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan terhadap pelepasan asap kilang dan pembuangan sisa-sisa toksik ke dalam sungai, laut yang semakin lama semakin berterusan dan berlaku tanpa kawalan yang berkesan? So, saya menuntut jawapan daripada Menteri.

Saya juga ingin menyentuh sedikit tentang isu Lynas. Di mana pada 29 Mac 2014, sebanyak 13 daripada 15 buah tong yang mengandungi cecair bahan kimia NdPr Chloride dari kilang Lynas, terjatuh dari treler di Kilometer 149, Jalan Kuantan, Kuala Lumpur berhampiran Kampung Sungai Kepong – Lanchang – Temerloh dalam perjalanan dari Gebeng, Kuantan menuju Pelabuhan Klang, Selangor. Empat daripada tong itu dilaporkan pecah. Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah berkata kandungan bahan kimia tersebut juga tidak didaftarkan sebagai kategori berbahaya.

Kejadian ini walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, telah menggariskan dua kegagalan, termasuklah dalam aspek penyampaian maklumat dan keselamatan pengangkutan. Lynas gagal mengeluarkan sebarang kenyataan seperti makluman atau penjelasan ekoran kejadian tersebut bagi meredakan kerisauan orang awam, khususnya penduduk setempat. Tambahan kepada itu, Lynas juga menyerlah kegagalan agensi kerajaan yang bertanggungjawab mengawasi dan memantau perjalanan operasi syarikat tersebut. Bermaksud, kerajaan sepatutnya memantau tetapi kita nampak kegagalan kerajaan untuk memantau dalam isu seperti ini.

Tambahan kepada isu yang berlaku pada 29 Mac 2014, pada 14 Disember 2014 Tuan Yang di-Pertua, seorang jurutera kilang Lynas mati lemas di sebuah kolam di kawasan kilang itu, di kawasan perindustrian Gebeng. Menurut Pengarah Urusan Lynas, Dato' Mashal Ahmad, jurutera tersebut disahkan mengalami serangan jantung secara tiba-tiba sebelum jatuh ke dalam kolam takungan. Ketika kejadian, mangsa sedang menjalankan rutin harian mengambil sampel air untuk ujian sebelum tidak sedarkan diri akibat serangan jantung. Insiden mati lemas ini adalah kejadian ketiga melibatkan kematian di kilang tersebut dalam tempoh dua tahun. Saya ingin mengambil perhatian

daripada Menteri dan kementerian ini, adakah pemantauan secara rapi telah dilakukan kepada kilang Lynas ini? Oleh sebab Lynas adalah sebuah kilang yang menjadi perbualan, yang menjadi kontroversi masyarakat penduduk setempat di sana. Setakat hari ini, kita nampak Kerajaan Persekutuan mahupun kementerian tidak mengambil inisiatif untuk menjawab soalan-soalan yang telah dikemukakan termasuk dua insiden yang telah berlaku pada tahun 2014.

Saya ingin masuk sedikit tentang kes liwat Dato Seri Anwar Ibrahim, bekas Ahli Parlimen Permatang Pauh. Yang Berhormat Bayan Baru telah menerangkan secara terperinci. Akan tetapi selaras dengan naluri akta yang kita telah bahas pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, apakah kita bersedia bukan sahaja untuk menaikkan profesionalisme ahli kimia di negara kita tetapi juga menaikkan profesionalisme dan tahap kemahiran, kecekapan mereka dalam kes-kes yang berprofil tinggi.

Kita bukan sekadar di sini meluluskan satu akta tetapi akta ini tidak dibawa semangat serta hasratnya apabila diperlukan, terutamanya dalam kes-kes berprofil tinggi. Apabila kita bandingkan dengan pendapat ahli-ahli kimia dari luar negara dan pendapat ahli-ahli kimia dari negara kita, selalunya dalam kes-kes berprofil tinggi, kita ada perbezaan pendapat. Kita kena selaraskan, kita kena naikkan, kita kena bangunkan objektif, tahap dan profesionalisme ahli kimia selaras dengan permintaan sedunia.

Isu terakhir yang saya ingin bangkitkan adalah tentang contoh bahan kimia yang telah dibuktikan berbahaya kepada kesihatan, terutamanya bahan-bahan seperti *asbestos*, *benzene* dan *formaldehyde*. Agensi seperti telah *U.S. Department of Health and Human Services*, *EPA*, *The International Agency for Research on Cancer* telah mengelaskan *asbestos* sebagai bahan yang boleh menyebabkan kanser kepada manusia. Di Malaysia Tuan Yang di-Pertua, *asbestos* digunakan secara meluas sebagai bahan binaan, mendedahkan dan meningkatkan risiko seperti penyakit kanser paru-paru dan *asbestosis* kepada sekumpulan besar pekerja industri negara.

■1240

Benzena pula salah satu bahan yang digunakan untuk menghasilkan polimer dan plastik juga telah diklasifikasikan sebagai bahan kimia karsinogen oleh agensi-agensi yang sama. Satu lagi bahan kimia yang baru dikelaskan sebagai karsinogen oleh IARC tadi pada tahun 2011 ialah *formaldehyde*. Bahan kimia yang sering digunakan untuk menghasilkan bahan pelekat di negara ini.

Jumlah pekerja yang terlibat dalam pembuatan dan pengendalian bahan-bahan kimia yang berbahaya kepada kesihatan adalah amat besar dan oleh sebab itu kebajikan mereka perlu dititikberatkan. Maksud saya Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita naik

tarafkan ahli-ahli kimia kita tetapi bahan-bahan kimia yang digunakan yang kita kenal pasti membawa mudarat kepada pekerja-pekerja, tiada kawalan, tiada pemantauan dan tiada sebarang undang-undang yang telah dibawa dan dibincangkan dalam dua atau tiga tahun terbaru ini.

Bahan-bahan ini dikenal pasti sebagai bahan berbahaya dalam kebelakangan, *the last five years*, dengan izin tetapi saya tidak nampak apa-apa perbincangan daripada kementerian untuk menerangkan, mengumumkan dan mendidik orang ramai bahawa ini adalah peristiwa-peristiwa yang kita kena bangkitkan dan kita kena tangani. Saya juga ingin sampaikan...

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Yang Berhormat Kapar, boleh saya mencelah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuantan.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Silakan.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Kapar berkenaan dengan kimia ini. Dalam racun serangga, racun serangga yang digunakan apabila penanam-penanam sayur kita hendak bagi sayur itu tidak dihinggap oleh serangga. Baru-baru ini saya dedahkan bagaimana racun serangga yang terlarang dijumpai di dalam *water catchment area* di Cameron Highlands, di dalam sungai di Cameron Highlands dan juga di dalam air minuman di Cameron Highlands.

Tuan Yang di-Pertua, jadi ini amat merisaukan. Ini kerana orang datang ke Cameron Highlands hendak beli sayur. Rupa-rupanya sayur ini semuanya tercemar, digunakan racun-racun serangga yang terlarang dan buktinya apabila dijumpai di dalam air, air minuman, air sungai dan juga air tadahan yang digunakan untuk orang minum. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon Yang Berhormat Kapar berikan pandangan Yang Berhormat Kapar tentang penggunaan racun begini yang memang jelas-jelas diharamkan dan tentu sekali merosakkan kesihatan. Ini kita makan, apabila kita makan ini, kita makan racun sebenarnya. Kita nampak sayur segar tetapi sebenarnya sayur itu penuh dengan racun, terima kasih.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya ingin memasukkan pencelahan Yang Berhormat Kuantan sebagai sebahagian daripada ucapan saya dan saya juga ingin mengulas sayur-sayuran. Saya hendak tambah sedikit Tuan Yang di-Pertua tentang buah-buahan dan air minuman atas dasar hendak mempercepatkan *production*, hendak memberi supaya ia kelihatan elok, segar dan sebagainya. Macam-

macam bahan dimasukkan ke dalam sayur-sayuran dan buah-buahan. Ini yang kita makan, bukan sahaja saya termasuk Tuan Yang di-Pertua dan semua Ahli Parlimen, rakyat biasa. *[Disampuk]* Ya, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Termasuk juga saya pernah dimaklumkan Tuan Yang di-Pertua bahawa ikan-ikan di pasar ada semburan supaya nampak ia *fresh*. *Formaldehyde*, ya baru tadi saya ada sebut tentang *formaldehyde*. Akan tetapi pemantauan daripada kementerian agak berkurangan. Bayangkan anak-anak muda yang makan buah-buahan dan sayur-sayuran. Apabila kita pergi sekolah, sekolah tekankan makan sayur-sayuran, makan buah-buahan, minum banyak air tetapi bila kita ada isu-isu sebegini, isu-isu yang menekankan ada wujud bahaya, memudaratkan kesihatan mereka, selalunya kita kata itu adalah sedikit sahaja. Itu belum lagi secara meluas, itu peratus yang kecil.

Akan tetapi peratus yang kecil itulah yang sekarang memudaratkan negara kita dari sudut makanan atau gizi makanan yang bagus, seimbang dan sebagainya.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Yang Berhormat Kapar.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih, sambung, boleh.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Terima kasih, lagi sekali sebab Yang Berhormat Kapar sebut berkenaan dengan ikan ya. Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Kapar bahawa pada bulan Ogos tahun lepas ada keluar satu *circular* daripada Jabatan Maritim menghalang warga Kuantan makan kupang yang terdapat di Gebeng kerana terbukti kupang atau kepah tersebut, *cockles* dengan izin, didapati beracun malah ada orang yang mati. Itu *circular* yang dikeluarkan.

Di sekitar kawasan terdapat *cockles* yang beracun itu ialah kawasan perindustrian Gebeng. Di mana penuh dengan kilang-kilang yang mengeluarkan sisa buangan toksik, kimia, termasuk sisa buangan radioaktif daripada Lynas dan sebagainya. Jadi pohon pandangan daripada Yang Berhormat Kapar, terima kasih.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *[Bangun]*

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Yang Berhormat Kapar minta sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan huraian yang dihuraikan oleh Yang Berhormat Kapar berkenaan dengan soal racun di dalam sayur-sayuran. Perkara ini boleh kita lihat, kita boleh praktik sendirilah. Saya selalu dekat rumah kita tengok apabila kita beli sayur, kita rendam di dalam air garam maka lebih kurang setengah jam kita lihat betul-betul macam bau *Clorox* yang keluar daripada sayur-sayur yang kita rendam dengan garam tadi. Jadi, itu satu.

Keduanya adalah berkenaan dengan kita harapkan juga dengan akta ini berkenaan dengan dahulu ayam selama 45 hari kita makan, sekarang ayam ini sudah

boleh makan bawah daripada 40 hari. Jadi adakah semua ini hendak cepatkan ayam besar dan juga hendak cepatkan orang mati? Jadi oleh sebab itu apa pandangan Yang Berhormat Kapar supaya akta ini bukan sahaja kita luluskan dan kita bersetuju, malahan kita harapkan dapat dikuatkuasakan dengan baik kerana sefahaman saya banyak sayur-sayuran kita yang tidak lepas ke Singapura. Kenapa di Singapura begitu *straight* dalam soal untuk makanan di lepaskan ke Singapura sedangkan di Malaysia seolah-olah macam boleh dibenarkan untuk beroperasi ataupun dijual di sini. Apakah pandangan Yang Berhormat Kapar?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta pandangan kedua-dua Yang Berhormat itu dimasukkan ke dalam sesi perbahasan saya. Akan tetapi saya hendak ulas juga tentang Yang Berhormat Kuantan. Tuan Yang di-Pertua, saya bagi api tadi membara sudah. Sebelum baru mula sedikit tentang makanan dan minuman setiap seorang. Kupang sudah masuk, ayam sudah masuk, bayangkan. Ikan sudah masuk tadi. So, ini yang menunjukkan bahawa pencemaran bukan sahaja alam sekitar. Macam saya mulakan tadi dengan makanan dan minuman juga memang ketara sedang berlaku.

Berkaitan dengan kupang tadi, kalau sudah ada nasihat diberikan jangan makan, toksik dan sebagainya, kerajaan kena memantau apa yang sedang berlaku di kawasan persekitaran, penduduk setempat dalam ancaman bahaya untuk makanan sebegitu. Berkaitan dengan ayam Yang Berhormat Bukit Gantang, bukan sahaja ayam sekarang ini telur pun sudah ada macam-macam saiz, dipercepatkan *production* nya, kita menghadapi masalah. Ini memang masalah yang perlu dijawab oleh kementerian. Akan tetapi selalunya bila kita bawa dalam perbincangan dan perbahasan dari sudut dasar ini kementerian selalunya memilih untuk menjawab soalan yang berkaitan dengan ahli kimia dan profesionalisme sahaja.

Akan tetapi disebabkan ini adalah peluang dan ruang yang terbaik untuk kita bawa isu-isu sampingan, saya minta budi bicara Tuan Yang di-Pertua dan juga kementerian untuk menjawab setiap soalan yang telah dibangkitkan. Saya telah sentuh tentang bahan kimia berbahaya, penyakit berbahaya, tentang makanan dan *last* sekali tadi sebelum pencilahan saya ada sebut tentang pekerja. Pekerja yang mempunyai ataupun kita mendedahkan dia kepada satu risiko bahaya bekerja di tempat-tempat, di kawasan yang ada bahan-bahan kimia.

Saya ingin mengakhiri dengan memetik penerangan dari Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di mana mereka perlu memainkan peranan untuk melindungi pekerja dan juga orang ramai secara langsung dan tidak langsung.

■1250

Sebarang isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang dikaitkan dengan bahan kimia boleh dikurangkan secara menyeluruh melalui pengurusan dan pengendalian bahan kimia yang terancang. Tambahan, pihak kerajaan juga melalui jabatan-jabatan ini perlu menggiatkan usaha untuk menguatkuasakan undang-undang serta mengedarkan garis panduan yang berkaitan dengan penggunaan bahan kimia secara selamat di tempat kerja.

Selaras dengan undang-undang yang kita akan luluskan sekejap lagi Tuan Yang di-Pertua, saya juga meminta budi bicara kementerian untuk menambah baikkan sistem pemantauan, bukan saja untuk alam sekitar, makanan, minuman dan juga tempat-tempat kerja yang ada penglibatan bahan-bahan kimia yang membawa risiko yang tinggi untuk tenaga pekerja sebegini.

So, secara majmuk, secara keseluruhannya, saya rasa isu-isu yang berkaitan dengan bahan kimia perlu dipandang secara teliti sebab ia boleh membawa risiko kematian. Maka, kerajaan perlu bukan saja menaikkan profesionalisme ahli-ahli kimia tetapi menjaga kualiti kehidupan rakyat sejagat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya. Sila Yang Berhormat Kuala Kangsar.

12.51 tgh.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sedikit sahaja dari Yang Berhormat Kuala Kangsar. Ahli-ahli kimia ataupun *alchemist* ini merupakan satu bidang yang melibatkan kepakaran dan juga pengkhususan. Jadi oleh itu, kita perlulah memberi satu pengiktirafan yang sewajarnya kepada bidang dan juga ahli-ahli kimia yang ada di negara kita, sesuai dengan perenggan (d) iaitu memajukan kepentingan profesion kimia dan juga meningkatkan kesedaran awam dan penghargaan terhadap bidang kimia.

Kita lihat bahawa ramai pakar atau penyelidik-penyelidik, dalam kita memberi pengiktirafan, mereka adalah dalam kalangan pekerja kontrak. Jadi, kalau kita mahukan mereka diberi pengiktirafan yang cukup baik, perlulah mereka dilihat sebagai satu profesion yang boleh menjamin masa depan ataupun kemudahan-kemudahan yang lain selain daripada menjadi pekerja kontrak khususnya kepada ahli-ahli yang ahli kimia dan

juga penyelidik-penyelidik yang muda. Kita juga tidak mahu mengelakkan terjadinya *brain drain* apabila mereka ini bertaraf kontrak, mereka akan diambil oleh syarikat-syarikat swasta ataupun negara-negara lain yang akan meminang mereka ke tempat di luar negara. Juga pada masa yang sama, kita boleh mengambil balik atau *recall* para pakar dan juga *experts alchemist* kita di merata dunia ini untuk pulang, untuk memberi sumbangan kepada negara kita.

Saya ingin sentuh tentang apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Kuala Krai tadi yang mempertikaikan istilah antara '*Member*' dan "*Associates*". Pada saya sudah betul apa yang terkandung dalam rang undang-undang ini. Bermakna *Member* itu tetap *Member*. Macam kita *Members of Parliament. We are already Members of Parliament*. Sebahagian, di dalam Parlimen itu sendiri. Begitu juga dengan *Member* kepada Persatuan Kimia ini. Maknanya, sudah tentu menjadi *Member*. *Associates* ialah rangkaian ataupun bukan di dalam.

Jadi saya - macam Yang Berhormat Kuala Krai, kalau dia menyentuh tentang *associates*, *associates* adalah di luar. Seperti mana kalau kita ada kelab, Kelab Kuala Krai, Kelab Kuala Kangsar. Kita boleh jadi *Associates Member* tetapi *Member* adalah tetap *Member*. Jadi saya setuju sangat istilah betul yang telah digunakan, yang dicadangkan rang undang-undang ini, *Member* selain daripada istilah *Associates*. Begitu juga dalam bidang profesional kita. Kalau *Member* tetap *Member* dan *Associates* merupakan bidang lain seperti landskap, *interior* ataupun *specialist* lain menjadi *Associates* kepada satu bidang itu.

Akhir kata, oleh kerana Yang Berhormat Kapar menyentuh tentang pemakanan tadi, saya harap pihak ahli-ahli kimia melihat kepada perkembangan GMO, *Genetically Modified (GM) Foods* yang mana akan mendatang secara berleluasa di peringkat global. Di mana kita lihat dalam untuk memberi pemakanan kepada penduduk dunia yang akan menjadi 9 bilion pada tahun 2050, sudah tentu *GM Foods* berperanan besar dan kita mohon supaya perkara ini dapat dilihat sama ada daripada segi sudut moralnya, saintifik dan juga cabaran-cabaran yang melibatkan kesihatan pada diri kita. *GM Foods* kalau kita lihat, labu GM boleh menjadi sebesar meja yang telah dibuat penyelidikan di Amerika Syarikat dan begitu juga dengan cili, boleh menjadi sebesar lengan.

Jadi, adakah perkara-perkara ini daripada segi sudut moral dan juga sudut saintifiknya, boleh diterima untuk pasaran kita di Malaysia ini? Saya menyokong penuhlah rang undang-undang ini terutamanya istilah yang dipertikaikan oleh Yang Berhormat Kuala Krai tadi yang mengatakan *Associates* itu lebih sesuai daripada istilah *Member*.

Dengan ini, saya menyokong rang undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

12.55 tgh.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]: *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya mengucapkan terima kasih terhadap tujuh orang Ahli Yang Berhormat dan dua celahan telah dibuat terhadap Akta Ahli Kimia ini. Tuan Yang di-Pertua, malangnya kebanyakan perbincangan itu tidak melibatkan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi kerana kebanyakannya bercakap tentang Kementerian Kesihatan, Kementerian Alam Sekitar dan beberapa kementerian yang lain. Saya boleh menjawabnya tetapi saya perlu menjawab di ruang lingkup Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Jadi, Yang Berhormat Hulu Langat telah bercerita tentang “*Associates*” kepada ‘*Member*’, adakah keperluan ahli kimia meningkat. *Insya-Allah*, dengan adanya yang betul tadi macam yang dikata *Karpal Singh & Associates*. Maknanya, *Karpal Singh & Associates* itu, *associate* itu orang luar daripada Karpal Singh yang masuk. Sebab itu jadi macam itu. Jadi betul apa yang dikatakan sebentar tadi, ‘*Member*’ adalah sangat bertepatanlah. Dengan ini, pindaan yang dicadangkan Yang Berhormat Hulu Langat mengatakan *insya-Allah*, dengan ada pertukaran ini mungkin akan lebih menarik dan mereka akan masuk kepada Jabatan Ahli Kimia.

Apakah peranan ahli kimia di Jabatan Kimia berkhidmat menganalisis? Kita ini sebenarnya bertugas untuk menganalisa. Orang hantar sampel pada kita, kita buat. Orang hantar sampel Lynas, kita buat. Orang hantar sampel makanan, kita buat. *This is* bidang tugas Jabatan Kimia Malaysia. Apa yang saya bincang ini sebenarnya Institut Kimia adalah yang mendaftarkan profesional untuk menjadi ahli kimia. Sebenarnya berbeza tetapi oleh kerana kedua-duanya, saya boleh jawab.

Khidmat analisis pelbagai bidang, forensik, makanan, alam sekitar, orang hantar produk, kita akan *test*. Kes mahkamah, penyelesaian semua, itu pun kita buat. Itu juga Yang Berhormat Hulu Langat dia kata skop IKM dapat dipertingkatkan. *Insya-Allah*, mempromosikan sains kimia di Malaysia, meningkatkan lagi profesionalisme bidang kimia, mengawal praktis ahli kimia. Ini tugas Institut Kimia Malaysia dan memberi sumbangan input untuk perkembangan negara. *Insya-Allah*, yang ini dikatakan olehnya.

Yang Berhormat Kuala Kedah tadi kebanyakannya bercerita tentang Jabatan Kesihatan tetapi menyentuh Jabatan Kimia ialah ujian terhadap bukti. Ini telah pun dibuktikan di mahkamah, mahkamah telah menerima bukti iaitu ujian yang dilakukan oleh Jabatan Kimia kerana tafsiran bukti yang dibuat oleh pakar ahli kimia kita adalah berdasarkan sampel yang dihantar ke Jabatan Kimia. Orang lain itu, dia tidak buat sampel. Dia buat anggapan, dia buat kajian, dia buat ketetapan. Kita hantar ujian itu untuk diuji. Ini bezanya. Kalaulah dia kata Jabatan Kimia, jabatan luar itu ujilah, dia bawalah ke mahkamah. Itu yang saya bacalah. Jadi pakar luar hanya berdasarkan kepada laporan ahli kimia tanpa membuat sebarang ujian. Kita buat ujian dan telah pun diterima dalam mahkamah.

Untuk Yang Berhormat Bayan Baru, kebanyakannya Yang Berhormat Bayan Baru bercerita tentang kementerian lain. Isu makanan, bidang kuasa Kementerian Kesihatan, ahli kimia menjadi ahli dalam bidang kuasa. Memang betul, kita akan jadi ahli, pakar rujuk tetapi kebanyakannya kita berada dalam Kementerian Kesihatan. Kita hanya untuk menguji produk-produk yang tersebut. Yang Berhormat Bayan Baru mengatakan kes Anwar Ibrahim. Saya sudah jawab tadi. *Associates* dan *Member* pun telah dijawab tadi. Saya ingat itu benda yang betul pada kita.

Jaringan dan kerjasama dengan IKM, *insya-Allah*. IKM sememangnya mempunyai jawatankuasa jaringan yang besar. Di MQA pun dia ada, di peringkat antarabangsa dia ada, dia *member of* dengan *Institute of Chemistry of United Kingdom* dan *American Institute of Chemists* dan kita juga *Federation of Asian Chemical Societies*. Penglibatan kita dalam bidang antarabangsa juga tinggi.

Untuk Yang Berhormat Kapar juga tadi, Yang Berhormat Kapar pun sudah tahu apa yang dia cakap banyak sebenarnya tidak pun kena-mengena dengan kementerian saya kerana yang cerita Jabatan Kimia. Kita menguji produk-produk Jabatan Kimia. Jadi, melaksanakan seminar kita buat, penerbitan kita buat, kita telah menjadi pakar rujuk di mana seminar, kita berkimia, kita telah menjalankan satu negara dan produk kita memang ahli kimia kita telah menjadi rujukan kepada peringkat negara.

Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee] **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 15** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini.

[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.02 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

RANG UNDANG-UNDANG ANTIPEMERDAGANGAN ORANG DAN ANTIPENYELUDUPAN MIGRAN (PINDAAN) 2015

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

2.33 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam bahagia, selamat tengah hari dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (Pindaan) 2015 dibaca kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, jenayah pemerdagangan orang merupakan bentuk perhambaan moden yang merupakan cabaran global yang dihadapi oleh semua negara di

dunia termasuk Malaysia. Jenayah ini agak unik kerana ia boleh berlaku di dalam negara dan juga merentas sempadan. Pernerdagangan orang merangkumi aspek eksploitasi seks, eksploitasi buruh, perhambaan, pengabdian, termasuk pemindahan organ manusia. Jumlah sebenar mereka yang diperdagangkan adalah sukar untuk dinyatakan tetapi pada tahun 2014, laporan tahunan mengenai jenayah ini disediakan oleh Pejabat Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Dadah dan Jenayah (UNODC) telah menggerakkan bahawa jumlah mangsa jenayah ini adalah dalam lingkungan 2.5 juta pada satu-satu masa.

Daripada jumlah tersebut 53% merupakan mangsa eksploitasi seksual, buruh paksaan – 40%, pemindahan organ – 0.3% dan lain-lain bentuk eksploitasi – 7%. Buruh paksa telah menunjukkan peningkatan peratusan dan sekarang ini merupakan salah satu bentuk pernerdagangan orang yang utama di mana untuk laporan UNODC pada tahun 2009 ia ditetapkan 18% berbanding dengan eksploitasi seksual 79%.

Dari sudut keuntungan pula jenayah pernerdagangan orang ini memberikan keuntungan yang lumayan kepada sindiket yang terlibat di mana ia dianggarkan anggaran jumlah keuntungan daripada aktiviti ini adalah dalam lingkungan USD32-USD38 bilion setiap tahun. Ini adalah merupakan jenayah kedua mendatangkan hasil pendapatan lumayan selepas penyeludupan dadah. Pertubuhan buruh antarabangsa, *International Labor Organization* (ILO) pada tahun 2012 pula telah menganggarkan bahawa 21 juta telah menjadi mangsa buruh paksa di mana benua yang paling ramai ialah Asia Selatan, Asia Timur dan Pasifik iaitu seramai 11.7 juta mangsa - 56% diikuti oleh Afrika 3.7 juta mangsa iaitu 18%, Latin Amerika dan Caribbean 1.8 juta mangsa iaitu 9% dan negara membangun Kesatuan Eropah sebanyak 1.5 juta mangsa iaitu 7%.

Senario tempat pula mengenai kes-kes pernerdagangan orang hingga 28 Februari 2015 telah melibatkan sebanyak 627 kes pernerdagangan orang yang telah dituduh di Mahkamah Sesyen. Daripada jumlah tersebut, 129 kes telah disabitkan, 48 kes dilepas tanpa dibebaskan manakala 300 kes masih di peringkat perbicaraan. Dalam tempoh sama seramai 2,008 orang mangsa pernerdagangan orang dari 20 buah negara telah diberi perintah perlindungan iaitu *protection order* ataupun PO. Pada peringkat permulaan wujud Akta Antipernerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran ataupun dipanggil singkat dengan nama ATIPSOM 2007, tumpuan lebih menjurus kepada isu eksploitasi seksual di mana kemudiannya dapat dilihat peringkat kepada aspek eksploitasi buruh dan buruh paksa.

Perkara ini perlu diberikan perhatian lebih serius oleh kerajaan Malaysia kerana pada 1 Disember 2014, Jabatan Buruh Amerika Syarikat (USDOL) telah mengumumkan senarai barangan produk keluaran Malaysia yang mempunyai elemen buruh paksa itu

barangan dan produk kelapa sawit, tekstil dan elektronik. Isu ini dibangkitkan susulan daripada kajian oleh Verite Inc. yang dikeluarkan pada 16 September 2014, di mana kajian tersebut mendapat wujudnya elemen buruh paksa secara jelas dalam sektor elektronik Malaysia. Kajian ini dibiayai oleh USDOL dan mendapati bahawa antara elemen buruh paksa merangkumi pegangan pasport oleh majikan, tahap keberhutangan yang tinggi oleh pekerja asing, kena *fee* yang tinggi yang dikenakan oleh agensi pekerja serta persekitaran kerja dan tempat tinggal kerja yang tidak kondusif.

Akta Antipemerdagangan Orang 2007 [Akta 670] telah diluluskan pada 24 April 2007 dan berkuat kuasa sepenuhnya pada 28 Februari 2008.

■1440

Akta ini kemudiannya telah dipinda pada tahun 2010 dan dikuatkuasakan pada 15 November 2010 dan kini dikenali sebagai Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (ATIPSOM). Di antara komponen penting pindaan ATIPSOM 2007 pada tahun 2010 adalah seperti berikut:

- (a) menjadikan satu kesalahan jenayah bagi aktiviti penyeludupan migran;
- (b) memperluaskan definisi perdagangan orang dengan menjadikan eksploitasi buruh sebagai perdagangan orang;
- (c) memperuntukkan hukuman yang lebih berat penjara maksimum 20 tahun dan penalti sehingga mencecah RM1 juta. Bagi kesalahan mendapat keuntungan kepada eksploitasi orang yang diperdagangkan;
- (d) memberi kuasa kepada Jabatan Tenaga Kerja (JTK) sebagai agensi penguat kuasa; dan
- (e) mewujudkan dua kesalahan baru iaitu pemerdagangan orang dan penyeludupan migran semasa transit.

Di peringkat antarabangsa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah menggubal konvensyen mengenai jenayah terancang UNTOC pada tahun 2000 di mana Malaysia telah menangani UNTOC pada 26 September 2002 dan meratifikasikannya pada 24 September 2004. Malaysia seterusnya telah menyertai protokol Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mengenai perdagangan orang protokol TIP pada 26 Februari 2009. Kewujudan ATIPSOM 2007 adalah selaras dengan obligasi dan komitmen negara di bawah UNTOC.

Selain itu negara anggota PBB termasuk Malaysia telah menilai rekod dan prestasi dalam menangani isu hak asasi manusia sejak tahun 2009 oleh Majlis Hak Asasi Manusia

PBB yang berpusat di Geneva menerusi proses semakan berkala sejagat, Universal Periodic Review (UPR).

Antara isu yang dinilai negara termasuk mengenai aspek pemerdagangan orang ini adalah kerana jenayah pemerdagangan orang berkait rapat dengan pelanggaran kepada hak asasi manusia. Semasa proses UPR kali kedua untuk negara ini, Geneva pada 21 hingga 30 Oktober 2013 Malaysia telah menyatakan persetujuan untuk mempertingkatkan inisiatif negara di dalam menangani jenayah pemerdagangan orang. Dalam hubungan ini, Malaysia telah menyatakan persetujuan untuk menerima kunjungan pelaku khas PBB mengenai pemerdagangan orang terutamanya wanita dan kanak-kanak ke negara ini di mana lawatan tersebut telah dilaksanakan pada 23 hingga 28 Februari yang lalu. Lawatan ini melambangkan keterbukaan negara untuk menerima teguran dan cadangan. Konstruktif dalam menangani jenayah ini mengikut amalan dan standard antarabangsa.

Di akhir lawatan tersebut pelapor khas PBB juga telah menyatakan sokongan terhadap cadangan pindaan kepada akta ini terutamanya dalam mempertingkatkan aspek perlindungan dan kebajikan mangsa termasuk menggalakkan penyertaan pihak badan bukan kerajaan (NGO).

Di peringkat serantau pula, ASEAN sedang dalam proses untuk merangka sebuah konvensyen mengenai pemerdagangan orang terutamanya wanita dan kanak-kanak serta pelan tindakan serantau untuk menangani jenayah ini. Isu ini merupakan masalah yang kompleks kerana daripada 10 negara dirantau ini tujuh adalah merupakan negara penghantar buruh manakala tiga lagi adalah negara penerima buruh termasuk Malaysia.

Konvensyen ini adalah mengikat dari segi perundangan dan dijangka akan dimuktamadkan pada tahun ini semasa mempengerusikan ASEAN oleh Malaysia. Negara perlu memastikan bahawa perundangan domestik kelak akan selaras dengannya. Akta ini adalah merupakan salah satu perundangan yang dinilai di peringkat antarabangsa melalui laporan tahunan Jabatan Negara Amerika Syarikat (JNAS). Laporan tersebut menilai 188 negara di samping Malaysia terutamanya mengenai aspek kepatuhan terhadap obligasi komitmen di bawah UNTOC.

Malaysia telah dinilai sejak tahun 2006 dan laporan JNAS pada tahun 2014 telah meletakkan Malaysia di tahap tiga ataupun *tier* tiga yang merupakan tahap terbawah. Penurunan ini adalah secara automatik selepas negara menduduki tahap kedua pemerhatian ataupun *tier two watch list* selama empat tahun berturut-turut bagi tahun 2010 hingga tahun 2013.

Kritikan utama yang sering dibangkit oleh laporan JNAS termasuk laporan 2014 adalah mengenai aspek perlindungan mangsa perdagangan orang. Ini adalah kerana

mangsa-mangsa perdagangan orang tidak bebas bergerak, tidak dibenarkan bekerja dan tidak dibenarkan tinggal di luar rumah perlindungan. Pihak Amerika Syarikat berpandangan bahawa amalan begini tidak menyediakan persekitaran yang kondusif kepada mangsa-mangsa pemerdagangan kerana mereka dikurung dan tidak bebas bergerak yang menjurus kepada pelanggaran hak asasi manusia dari sudut kebebasan.

Pihak Amerika Syarikat juga menegur mengenai penglibatan badan bukan kerajaan yang terhad dari aspek perlindungan mangsa kerana peranan sebagai pegawai perlindungan hanya dihadkan kepada penjawat awam khususnya personel dari Jabatan Pembangunan Wanita dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Malahan rumah-rumah perlindungan sedia ada juga berada sepenuhnya di bawah pengurusan dua jabatan tersebut. Penglibatan pihak NGO adalah kritikal kerana terdapat kepakaran mengenai aspek perlindungan mangsa dan boleh disumbangkan oleh pihak NGO seperti khidmat kaunseling.

Rang undang-undang ini memperuntukkan penubuhan jawatankuasa peringkat tertinggi (*high level committee*) mengenai pemerdagangan orang dan akan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dan keahliannya melibatkan Menteri-Menteri yang menerajui kementerian-kementerian, agensi-agensi di bawah Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO). Kewujudan jawatankuasa peringkat tertinggi ini adalah signifikan dalam membuat keputusan dasar termasuk kewangan bagi membuktikan komitmen peringkat tinggi negara dalam menangani jenayah ini.

Pindaan kepada rang undang-undang ini juga melibatkan pemeriksaan keanggotaan Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) dengan menambah penambah anggota baru merangkumi Kementerian Pertahanan, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Kementerian Kesihatan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) serta Kementerian Belia dan Sukan dengan menjadi ahli majlis kementerian agensi berkenaan akan turut sama menyumbang dan terlibat dalam usaha membanteras jenayah ini secara kolektif dan bersepadu, mengambil kira kepakaran dan pengalaman dalam bidang masing-masing.

Keanggotaan MITI dan MPIC adalah penting bagi menangani aspek buruh paksa yang menjurus kepada pemerdagangan orang seperti yang dinyatakan pada peringkat awal tadi. Pindaan ini juga memperuntukkan kebenaran bagi mangsa pemerdagangan orang untuk bergerak bebas dan tinggal di luar rumah perlindungan serta diberi peluang bekerja.

Pindaan juga akan membolehkan majlis membayar elaun kepada orang yang diperdagangkan mempertimbangkan kebajikan mangsa. Selain daripada itu pindaan kali ini juga adalah bertujuan untuk membolehkan penglibatan lebih aktif badan bukan kerajaan (NGO) dan petugas NGO bagi aspek perlindungan dan penjagaan mangsa pemberian pampasan kepada mangsa.

■1450

Pindaan juga melibatkan peruntukan baru bagi membolehkan pembayaran pampasan dan/atau pembayaran gaji tertunggak kepada mangsa pemerdagangan orang. UNTOC dan Protokol TIP dengan secara jelasnya merujuk kepada pembayaran pampasan kepada mangsa dan kemungkinan untuk menggunakan keuntungan yang disita daripada penjenayah bagi tujuan pembayaran pampasan tersebut. Sitaan keuntungan daripada jenayah ini akan bertindak sebagai satu bentuk hukuman serta juga tujuan untuk mencegah penulatan jenayah ini pada masa yang akan datang.

Bagi aspek pembayaran gaji tertunggak kepada mangsa pemerdagangan orang itu, isu ini adalah kritikal kerana kebanyakan daripada mangsa-mangsa yang berstatus PATI yang tidak membuat tuntutan ini disebabkan kekangan undang-undang yang sedia ada. Tambahan pula, Akta Kerja 1955 hanya membenarkan tuntutan tunggakan gaji kepada mangsa yang warga asing yang masuk dan bekerja di negara ini secara sah sahaja. Perkara penting yang perlu dijelaskan di sini ialah sekiranya seorang individu dikategorikan sebagai mangsa pemerdagangan orang oleh Mahkamah Majistret, status imigran sama ada sah ataupun PATI adalah tidak relevan.

Peruntukan Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (Pindaan) 2015. Elemen utama dalam rang undang-undang ini memperuntukkan seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa akta dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 670 untuk memasukkan takrif tempat perlindungan.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 6 Akta 670 bagi menambah anggota baru dalam Majlis bagi anti pemerdagangan orang dan anti penyeludupan migran.

Fasal 4 bertujuan untuk memasukkan Bahagian baru IA yang berhubung dengan Jawatankuasa Peringkat Tertinggi. Bahagian IA ini mengandungi tiga seksyen baru iaitu seksyen 5A, 5B dan 5C.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 7 Akta 670 untuk membolehkan Majlis membayar elaun kepada orang yang diperdagangkan tertakluk kepada ketersediaan wang.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda seksyen 11 Akta 670 untuk mengadakan peruntukan bagi Menteri untuk menentukan fungsi Setiausaha Majlis.

Fasal 8 bertujuan untuk meminda seksyen 43 Akta 670 untuk memasukkan subseksyen (1A) untuk membolehkan Menteri melantik mana-mana orang sebagai pegawai pelindung.

Fasal 9 bertujuan untuk meminda seksyen 44(2) Akta 671 untuk melanjutkan tempoh perintah perlindungan interim daripada 14 hari kepada 21 hari.

Subfasal 10(b) bertujuan untuk meminda subseksyen 51(1)(3)(a)(i) Akta 670 untuk memendekkan tempoh perintah perlindungan daripada tempoh maksimum dua tahun kepada tiga bulan.

Fasal 11 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 51A ke dalam Akta 670 untuk memberikan Majlis kuasa untuk memberi kebenaran untuk bergerak bebas dan untuk bekerja semasa tempoh perintah perlindungan interim atau perintah perlindungan.

Fasal 13 bertujuan untuk meminda perenggan 54(b) Akta 670 berhubungan dengan pelepasan dan pemulangan balik orang yang diperdagangkan yang merupakan warganegara asing ke negara asalnya.

Fasal 16 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 66A dan 66B dalam Akta 670 untuk membolehkan mahkamah mengeluarkan perintah pembayaran pampasan oleh orang yang disabitkan kepada orang yang diperdagangkan dan perintah pembayaran gaji yang tertunggak dalam hal apabila tiada sabitan kepada orang yang diperdagangkan.

Pindaan lain yang tidak dikatakan secara khusus dalam huraian ini merupakan pindaan yang kecil dan berbangkit.

Kerajaan mempunyai keyakinan penuh bahawa dengan pindaan dan tambahan peruntukan baru ini dalam rang undang-undang ini, ianya akan dapat mempertingkatkan inisiatif negara dalam membendung dan menangani jenayah pemerdagangan terutamanya penambahbaikan kepada aspek perlindungan mangsa pemerdagangan orang. Ia secara jelas membuktikan komitmen kesungguhan negara dalam memenuhi obligasi di peringkat domestik mahupun antarabangsa.

Kerajaan berpandangan bahawa rang undang-undang ini akan memperkasakan peruntukan undang-undang sedia ada di dalam menangani jenayah ini secara lebih efektif. Adalah menjadi harapan kerajaan agar jenayah pemerdagangan orang ini dapat dicegah dan dihapus dengan jayanya. Walau bagaimanapun, kejayaan ini tidak akan

dapat dicapai tanpa sokongan dan kerjasama dari semua pihak termasuk daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat Pengerang.

2.56 ptg.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya hendak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 yang dinaikkan taraf ini saya lihat sebagai satu langkah yang memang proaktif bagi pihak kerajaan.

Kalau kita lihat dalam *Wikipedia* atau *website*, kita tekan *Google*, kita memang tahu kalau hendak bercakap tentang *human trafficking*, Malaysia terkenal sebagai sebuah negara yang memang dilihat sebagai sebuah negara yang aktif dalam perdagangan manusia. Walau bagaimanapun, kalau kita tengok negara kita, saya lihat langkah proaktif ini sebagai satu langkah yang akan membantu secara tidak langsung kepada imej negara.

Saya juga hendak merujuk kepada apa yang disebut dalam kewujudan seksyen 62 yang baru yang disebutkan sebagai kewujudan wakil-wakil daripada kementerian. Selain daripada apa yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang isu perdagangan terutama sekali dalam aspek wanita dan kanak-kanak yang mana selalu banyaknya berpunca kepada kehadiran sebagai pekerja, saya hendak sebut tentang kewujudan situasi yang mana kemasukan mereka adalah sebagai pelancong.

Kalau kita tengok dalam negara kita, Kementerian Pelancongan begitu agresif dalam membawa masuk ramai orang luar ke negara kita atas tiket pelancongan. Kita boleh dilihat sebagai salah satu daripada negara yang begitu maju dalam aspek pelancongan. Mereka masuk pintu pelancong, dia dapat permit pelancong, selepas itu dia *overstay*, dia bekerja. Dia masuk pintu pelancong, dia kerja.

Di kawasan Parlimen saya sebagai kawasan paling hujung di peta Johor, saya paling dekat dengan Singapura dan juga berdepan dengan Batam. Kalau dia ikut jalan haram, dia masuk laluan tikus, kita tidak tahu siapa dia. Itu pun maksudnya *stay over* yang boleh dilihat sebagai perdagangan. Akan tetapi kalau dia masuk pintu halal iaitu pintu permit ataupun pintu passport, dia boleh *overstay*. Kemudian dia masuk pintu pelancong, dia *overstay* dalam aspek pekerjaan selalunya. Kadang-kadang dia *overstay* mungkin dia jumpa orang tempatan, dia hendak kahwinkah, itu pun dalam aspek yang mana bagi saya, kemungkinan puncanya berlakunya salah guna kerana peluang kemasukan itu berlaku dalam tiket pelancongan.

Jadi saya hendak cadangkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalaupun kita sebut relevan-relevan kementerian tentang keselamatan dalam negeri, pertahanan, perubatan, kesihatan, belia dan sukan, antarabangsa dan industri, perusahaan perladangan dan komoditi, saya rasa kita kena letak satu relevannya kementerian iaitu Kementerian Pelancongan supaya Kementerian Pelancongan dapat berkata dalam aspek menjual Malaysia dalam *Malaysia Truly Asia*, ada kaveat, kita tidak galak kepada kemasukan untuk *human trafficking*.

■1500

Bahayanya pelancongan ini ialah *human trafficking*. Dia masuk melancong, dia bawa budak-budak dan kita tidak tahu. Kadang dia kata mak saudaralah, bapak saudaralah, dia bawa budak comel umur enam tahun, tujuh tahun, passport. Saya bawa anak saudara saya pergi luar negara pun Tuan Yang di-Pertua, sebab saya ini katakan anak saudara sebab kita ini nama Melayulah ini lain. Kalau orang putih, dia ada *surname*, katakan nama *surname* dia Obama, semua Obama, kalau *surname* dia Christopher, semua Christopher. Akan tetapi saya ini binti Othman, anak saudara saya bintikan abang saya, namanya Azman. Saya boleh masuk tetapi saya kena bawa surat daripada emak bapa mengatakan ini anak saudara saya sebab passport Melayu passport Malaysia.

Jadi, dalam perkara ini, pelancong yang masuk ke negara kita, dia bawanya masuk budak-budak ini, kita tidak kenal. Kadang hidung mancung, tidak mancung, kata adik-beradik masuk, budak-budak anak dara, budak-budak muda, 'pap' dia jual, konon masuk tiket pelancongan. Jadi, bila dia keluar itu adakah kita tengok, '*Eh! Masuk lima orang, kenapa keluar tiga orang? Masuk empat orang, kenapa keluar dua orang?*' Itu saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri. Adakah dalam akta pindaan ini, kita *forecast* ataupun *foresee* situasi sedemikian? Silakan Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [Bangun]

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Silakan Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya hendak dapat pandangan daripada Yang Berhormat Pengerang. Saya agak undang-undang ini adalah anti perdagangan yang berbeza daripada orang yang *overstay* atau masuk melalui *visa tourism* dan lain-lain lagi. Ini sebab di semua negara ada masalah yang sama, di Amerika, di United Kingdom ada. Akan tetapi saya ingat yang *trafficking human being* ini adalah dalam satu bentuk yang lebih *sinister*, yang lebih serius, yang melibatkan unsur jenayah. Bolehkah sebenarnya kita bezakan, kalau tidak, saya agak kita *target* dalam aspek yang berbeza. So, saya hendak dapat pandangan daripada Yang Berhormat Pengerang.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Terima kasih Yang Berhormat Batu. Bagi saya, kita tidak boleh *limit* kefahaman kita tentang *human trafficking* itu hanya kepada kewujudan pekerja-pekerja yang telah disalah guna dalam aspek pekerjaan. Di mana mereka digunakan dalam, kata orang *cheap labor* ataupun disebut sebagai *foreign workers*. Saya mahu melihat aspek antipemerdagangan orang dan antipenyeludupan ini dalam aspek yang lebih luas. Ini sebab saya menekankan kepada aspek reputasi Malaysia sebagai sebuah negara yang dianggap sebagai negara yang begitu agresif dalam bidang ini. Bagi saya kalau kita hendak tengok dalam keadaan yang lebih terbuka Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita kena buka pemikiran kita pada aspek bahawa kemasukan itu boleh dalam bentuk yang pelbagai.

Itu sebabnya bagi saya, saya percaya, saya tidak ingat mana negara tetapi ada negara-negara kalau orang perempuan itu sahaja masuk empat lima orang, dua tiga orang perempuan daripada negara ASEAN. Kalau saya tidak lupa, mungkin di Australiakah, dia tidak adanya peraturan mengatakan tidak boleh masuk tetapi mereka lebih peka. Dia tengok bila tiket hendak balik. Dia tanya berapa banyak duit masuk dalam negara sebab dia takut mereka masuk pintu, kononnya sebagai *tourist*, dalam masa Australia pakai sistem *tourist visa* tetapi *overstay*, dia bekerja.

Jadi, sekarang aspek itu bila dia masuk itu, mungkin pintu halal, pintu haram tetapi bila dia *overstay*, dia hendak duduk, dia hendak hidup itu, dia akan melalui proses mencari pekerjaan untuk hidup. Mungkin pekerjaan dia buat itu pekerjaan yang tidak sehaluan dengan kemampuan dia. Mungkin dia ada sarjana, dia ada *degree*, mungkin tidak. Kalau orang perempuan ini, orang asing masuk Malaysia, bila dia sudah tidak ada apa lagi hendak jual, hendak meniaga, apa yang dia jual? Apa yang dia meniaga? Benda yang dia boleh meniaga lah Timbalan Menteri.

Itu sebabnya bagi saya, bila kita tekan tentang perkataan *human trafficking*, interpretasinya dalam bentuk yang begitu lebar. Memang kita tahu wanita dan kanak-kanak selalu menjadi mangsa tetapi juga kewujudannya pekerja yang memang menjadi mangsa disebabkan oleh majikan mengambil kesempatan. Contohnya, berlaku di Timur Tengah, di mana pekerja-pekerja daripada Indonesia dan Filipina yang bekerja dalam rumah-rumah, sheikh-sheikh minyak yang begitu kaya. Kita baca laporan, pelbagai tindakan keganasan seksual berlaku kepada mereka kerana mereka duduk, pasport disimpan, gaji disimpan dan sebagainya. Dalam negara kita pun, kita tidak boleh menjamin bahawa kalau mereka masuk ke negara kita menjadi pembantu rumah, mereka tidak akan disalah laksanakan dalam kawasan perumahan. Saya melihat perkara ini sebagai satu perkara yang begitu bahaya disebabkan bahawa kita mesti memberikan kefahaman kepada rakyat Malaysia.

Saya selalu bertanya Tuan Yang di-Pertua, dalam aspek situasi yang mana *foreigners* masuk dalam negara kita dan dia *overstay* ataupun dia bekerja dan dia membenarkan diri dia menjadi mangsa ataupun diambil kesempatan. Perkara ini berlaku disebabkan oleh, dengan izin, *demand and supply* yang berlaku. Kalau dia hendak bekerja, pekerjaan itu pun menggunakan orang yang begitu ramai, dia tidak ada pilihan untuk *survival skill* dan dia akan laksana. Itu sebabnya bagi saya, kalau kita tengok dalam jawatankuasa kita hendak wujudkan di kementerian ini, idea ini memang baik. Saya tahu ini sebagai satu pembentukan yang proaktif oleh kerajaan tetapi di bawah itu. Siapa yang hendak buat *enforcement*? Adakah polis? Adakah imigresen? Adakah adanya jabatan khas? Perkara ini berlaku, jadi macam mana kita hendak tahu? Itulah saya selalu berkata bahawa kita mesti ada sistem yang proaktif.

Cadangan saya mungkin kita ada sistem *hotline*. Mungkin jiran sebelahkah, dalam satu kawasankah, majikan sebelah, ini dia boleh telefon *hotline*, dia kata, "*Saya suspect ada kes human trafficking, saya suspect ada kes penyalahgunaan.*" Jadi, ini dapat membantu menunjukkan komitmen yang lebih proaktif. Ya, saya sokong bahawa kali ini kita memperluaskan bantuan daripada NGO tetapi juga kita mesti menggalakkan rakyat kita supaya mempunyai pemikiran yang lebih positif dan juga proaktif untuk membantu perkara ini.

Jadi, apa yang saya bercakap kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, memang benda ini baik tetapi pelaksanaan itu mesti diambil kira dalam pendekatan yang lebih pantas, lebih terbuka supaya dapat membantu. Saya juga hendak sebut tentang anak-anak, *stateless children* yang kadang-kadang kita tengok keadaan ini berlaku. Dia datang masuk, dia bekerja kemudian dia mengandung, mendapat anak. Anak ini

selalunya dalam kawasan saya, saya dekat dengan Batam Tuan Yang di-Pertua. Selalunya di Batamlah, bukan cerita dekat Singapura walaupun dekat dengan Singapura. Ramai kahwin dekat Batam itu.

Bila dia kahwin, dia kahwin dekat Malaysia, daftarkah, tidak daftar, *wallahu'alam* saya pun tidak tahu. Akan tetapi budak itu jumpa saya beritahu hendak masuk sekolah, hendak masuk sekolah. Macam mana hendak masuk sekolah, dia tidak daftar. Jadi, dalam perkara ini boleh kegunaan salah guna itu berlaku disebabkan- kalaulah kanak-kanak ini daripada kecil dia tidak sekolah, dia tidak dapat melalui proses pembelajaran.

Jadi, dia tidak ada *certification*, jadi hendak kerja, apa yang dia buat? Jadi, benda ini berulang, berulang. Itu sebabnya saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri, dalam perkara ini kalau betul-betul kerajaan mempunyai satu komitmen yang begitu besar. Saya rasa kita tidak hendaklah bila Perdana Menteri kita pergi ke luar negara, orang *Google* Malaysia, perkataan yang keluar, salah satu perkataan yang keluar ialah Malaysia salah satu daripada negara yang terkenal sebagai negara *human trafficking*.

Saya baru-baru ini tengok satu *movie* Hollywood tetapi saya lupa nama. Dia buat *shooting* dekat Myanmar dengan Thailand, dia buat cerita yang anak-anak dara ini, dia bawak lari daripada Cambodia, dia dijual di Amerika Syarikat dan juga di Eropah. Baru-baru ini, kita dapat kes yang mana saya kena sebut tentang rakyat Malaysia, anak-anak kecil. Dekat luar negara dalam *child pornography*, orang kata dekat saya, alah dia kerana tengok *pornography*. Akan tetapi aspek *child pornography* ini kadang-kadang masalah mental. Bila masalah mental dalam perkara ini, *child pornography* jadi luar tabii ini, bila dia hendakkan anak-anak muda. Kadang dia ambil budak-budak yang *stateless children*lah, itu yang menjadi mainan seksual mereka. Ini sebab kalau dia hendak ambil anak-anak tempatan ini kadang orang tahu akan adanya laporan, jadi perkara ini berkembang. Jadi, perkara ini perkara yang begitu serius, bukan sahaja dalam aspek kemasukan mereka sebagai pekerja asing tetapi lebih kepada komitmen dan juga nama mereka dalam negara kita.

Jadi, kita kena mempunyai satu sistem yang komited di bawah, kemasukan proaktif daripada rakyat. Saya tahu NGO memang begitu agresif tetapi kita hendak rakyat, kita hendak JKK, kita hendak masyarakat dalam kawasan bandar itu. Kenalah sedikit *busy body*, tengok macam tidak betul, macam lain, buat laporan, biar siasatan dilakukan oleh pihak agensi yang berlaku. Itu sahajalah yang saya hendak cakap kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ucapkan tahniah kepada kementerian tetapi harapan saya jangan hanya ada akta, pelaksanaannya lembap, buat malu dekat Malaysia pada segala negara di dunia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Permatang Pauh.

3.19 ptg.

Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Sepatutnya, yang berdiri di sini bukan saya tetapi Dato' Seri Anwar bin Ibrahim. *[Tepuk]* Namun, atas semangat juang yang sama, saya akan teruskan mandat rakyat untuk mereformasikan negara kita, *insya-Allah*. *[Tepuk]* Kita harus melihat dan menilai pindaan rang undang-undang ini, malah semua pindaan atau penggubalan perundangan cabang legislatif negara kita daripada beberapa aspek.

■1510

Tuan Yang di-Pertua, pertama tujuan pindaan dan penggubalan rang undang-undang ini. Kedua, proses pindaan dan penggubalan dan ketiga pelaksanaannya. Pertama, tujuan pindaan mahupun tujuan keseluruhan rang undang-undang di dalam tata kelola pemerintahan mestilah memenuhi Indeks Syariah Malaysia yang dilancarkan bukan sebarang orang tetapi Perdana Menteri sendiri sebelum ini. Indeks Syariah Malaysia yang menilai dan mengukur betapa seriusnya kerajaan dalam mencapai lima aspek maqasid syariah yang dikehendaki oleh syarak iaitu pemeliharaan agama, pemeliharaan nyawa, pemeliharaan akal, pemeliharaan keturunan dan pemeliharaan harta.

Rang undang-undang ini juga dikatakan bertujuan untuk memenuhi tuntutan piawaian dan konvensyen antarabangsa terutamanya dalam laporan Amerika Syarikat. Negara kita Malaysia yang disayangi ini telah diberikan penarafan *tier* ketiga iaitu setaraf dengan Zimbabwe dan Korea Utara mengenai pemerdagangan dan penyeludupan orang. Mengikut laporan tersebut lelaki, wanita dan kanak-kanak terutamanya dari Myanmar secara rutin dikerah untuk bekerja paksaan dan juga kerja perdagangan seksual.

Saya menggesa pihak berkuasa melaksanakan siasatan penuh terhadap isu pemerdagangan manusia ini di sempadan Thailand dan Malaysia. Mereka yang bersalah perlu dibawa ke muka pengadilan termasuk pegawai-pegawai kerajaan yang disyaki terlibat dalam pemerdagangan dan penyeludupan orang ke Malaysia. Diharap pindaan rang undang-undang ini bukan sahaja sebagai permulaan menebus maruah negara, bukan sahaja dari segi undang-undang tetapi juga yang bersandarkan indeks maqasid syariah daripada negara *tier* ketiga kepada negara *tier* kedua tetapi sewajibnya kita berusaha melonjak ke tahap negara *tier* satu. Kami dari Pakatan Rakyat lebih daripada bersedia bekerjasama dalam perkara ini.

Kedua, proses atau penggubalan harus lebih diteliti dan memenuhi ciri demokrasi melalui proses Parlimen yang lebih *inclusive* dan demokratik. Maksudnya untuk memenuhi saranan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam titah Baginda di dalam Dewan yang mulia ini. Baginda telah menyentuh mengenai prinsip pemisahan kuasa atau *separation of power* dengan izin di antara badan eksekutif, legislatif dan kehakiman.

Oleh demikian, bukankah tiba masanya untuk kita bersama-sama secara *by partisan* mewujudkan satu *legislatif select committee* bagi memperkukuhkan proses penggubalan undang-undang. Ini akan menambahbaikkan prinsip pemisahan kuasa terutama pemisahan kuasa badan eksekutif dan perundangan supaya penimbang tara, *check and balance* ini dijadikan prinsip yang diamalkan demi menambahbaikkan sistem Demokrasi Berparlimen dalam Parlimen *reform*.

Ketiga, pelaksanaan rang undang-undang ini menjadi kunci kepada keberkesanan dan pencapaian objektif rang undang-undang ini sepertimana Yang Berhormat Pengerang katakan bahawa kita hendak tengok bagaimana ini akan dilakukan, bagaimana ini akan dikelolakan. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, korupsi atau rasuah menjadi faktor utama kegagalan pelaksanaan. Ini adalah satu kanser, satu barah.

Oleh demikian Akta Rasuah harus diperbaiki dan diperkukuhkan seperti yang diminta oleh SPRM itu sendiri. Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Tan Sri Abu Kassim Mohamed berharap undang-undang berkaitan rasuah disemak secara menyeluruh bagi membolehkan jenayah rasuah dapat ditangani dengan berkesan dan holistik.

Yang Berhormat Menteri, kembali kepada isu Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan ini saya dan beberapa Ahli Parlimen Pakatan Rakyat telah mendengar taklimat sendiri daripada UNHCR dan *NGO Migration Working Group* tengah hari tadi. Selain daripada gambaran dahsyat, ngeri dan menyedihkan tentang krisis kemanusiaan. Mereka manusia macam kita juga yang sedang berlaku di lautan kita, di perairan kita. Lebih mengejutkan adalah segala maklumat termasuk nama-nama pedagang serta butiran akaun bank transaksi wang pun dan juga apa yang disebut apa sebagai laporan unjuran krisis kemanusiaan ini, *humanitarian crisis prediction* telah diserahkan dan dikongsi bersama Kerajaan Malaysia semenjak beberapa tahun lalu.

Saya hendak tanya Menteri apakah ini benar? Apakah ini benar? Kerajaan diberikan data, *information* tentang orang-orang yang diperdagangkan manusia, ada akaun tetapi apakah tidak ada tindakan susulan. Jika kita telah menerima laporan dan kerajaan melalui agensi-agensi tertentu, sudah boleh menjangkakan sesuatu krisis seperti

ini berlaku melainkan kita alpa, kita lalai ataupun kerana ia disebut diterajui sindiket jenayah terancang antarabangsa dan ia sudah 'terkompromi'.

Tuan Yang di-Pertua, satu siasatan mesti dijalankan untuk menyiasat kegagalan menjangka atau kelemahan analisa perisikan yang menyebabkan berlaku krisis ini kerana ia dikatakan sudah lama wujud. Bukan hari ini, bukan minggu ini, bukan sekarang tetapi sudah lama. Mengikut Pejabat Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai pelarian iaitu UNHCR ini sebanyak 93% daripada jumlah pelarian yang berada di Malaysia pada masa kini berasal daripada Myanmar. Kebanyakannya adalah orang Rohingya yang beragama Islam, sama dengan kita yang dinafikan hak kemanusiaan mereka di negara Myanmar. Mereka dikatakan *stateless*.

Oleh sebab hakikat ini, penderitaan golongan Rohingya mengakibatkan mereka dijadikan mangsa kepada orang atau sindiket yang terlibat dalam aktiviti pemerdagangan dan penyeludupan manusia ini. "*Sudah jatuh ditimpa tangga*". Para pelarian ini membayar duit untuk membahayakan nyawa mereka, diri mereka, anak-anak mereka, membuat perjalanan ke arah kehidupan yang *insya-Allah* pada mereka lebih selamat dan bermaruah. Mereka tidak boleh disalahkan, mereka tidak boleh dihukum. Apa salah mereka hendak cari kehidupan baru? Nyawa mereka tidak boleh dipermainkan seperti satu permainan pingpong, *the games of human* pingpong.

Saya ingin menggesa pihak kerajaan supaya menyegerakan segala rundingan bersama pihak Kerajaan Myanmar, Bangladesh dan Indonesia dan ahli-ahli ASEAN yang lain supaya 8,000 nyawa manusia yang dianggarkan masih tersadai di tengah laut. Ahli-ahli keluarga, wanita dan kanak-kanak, supaya mereka boleh diselamatkan dengan secepat mungkin.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, hendak bagi Yang Berhormat Selayang?

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Malaysia sebagai ahli *Security Council PBB* dan juga pengerusi untuk *PBB Human Right Council* sepatutnya hendak mengambil tindakan sebab *humanitarian consideration* dan tidak perlu untuk mengadakan perbincangan kerana nyawa terlibat. Adakah Yang Berhormat Permatang Pauh setuju bahawa tindakan hendaklah diambil dengan segera?

■1520

Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Yang Berhormat Selayang. Memang betul. Saya memang setuju sangat. Dalam ucapan saya, akan saya sentuh sekejap lagi.

Jadi, apa yang dikatakan secepat mungkin itu maksudnya sekarang ataupun semalam, hari ini. Setiap detik kita terlewat, kita sedang mengabaikan nyawa manusia. Kerajaan kata hendak buat indeks syariah berlandaskan maqasid syariah yang kerajaan lancarkan. Akan tetapi apakah tiada pengisian sedang yang hendak dibangunkan tanpa isi. Hari ini dilambat-lambatkan dalam urusan berkaitan nyawa manusia sedangkan nyawa itu adalah perkara kedua selepas agama yang paling tinggi kedudukannya di dalam maqasid. Ini bermakna, indeks belum dilaksanakan lagi sudah gagal.

Dunia sekarang memerhatikan kita. Apakah Malaysia selalu dalam *spotlight* tetapi *for the wrong reasons*, dengan izin. Kita akan dinilai melalui tindakan kita. Oleh itu, saya ingin mengesyorkan tiga tindakan yang mengatasi malapetaka kemanusiaan yang sedang berlaku di Laut Andaman pada masa ini.

Satu, saya ingin mengingatkan kerajaan tentang tanggungjawab kedudukan antarabangsa. Seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Selayang, sebagai ahli *United Nations Security Council* dan bukan sahaja itu, Pengerusi ASEAN, kerajaan berobligasi, tanggungjawab, amanah, untuk menegakkan hak asasi manusia dan memberikan kepada para pelarian tersebut perlindungan sementara demi untuk mengelakkan satu malapetaka kemanusiaan terburuk di Lautan Andaman. Malaysia merupakan sebuah negara yang aktif dalam komuniti antarabangsa (*international community*). Kerajaan kita duduk dalam persidangan *United Nations Security Council*. Malah, lagi sekali saya ulangi Pengerusi ASEAN.

Tidak guna menjadi pengerusi dan ahli badan seperti ini jika tidak berani bertindak atas nilai kemanusiaan dalam isu pelarian ini. Tidak guna jika kerajaan mengabaikan obligasi-obligasi antarabangsa walaupun Malaysia masih belum meratifikasi konvensyen pelarian (*Refugee Convention*) di bawah *customary international law*, perlindungan sementara mesti disediakan oleh negara kita.

Hak untuk hidup (*right to life*), hak untuk kebebasan dan keselamatan (*right to liberty and safety*), hak untuk tidak dilayan secara kejam. Mereka yang lari ini dilayan seperti tidak ada makna kepada hidup mereka. *They are meaningless*. Nyawa mereka itu macam tidak ada nilai dan hak untuk tidak menjatuhkan maruah dan diberikan layanan yang tidak berperikemanusiaan- *right to not to be subjected to cruel in human and degrading treatment*. *Basic human rights* ini perlu dihormati. Pimpinan kerajaan bertanggungjawab daripada segi perundangan dan juga daripada segi moral untuk memastikan pelarian-pelarian ini tidak tersadai lagi di tengah laut.

Oleh itu, kita mesti selamatkan nyawa sekarang memandangkan operasi penyelamatan adalah *cost neutral*. Kenapa saya kata begitu? Baru sahaja kami diberikan

fahaman. *Cost neutral* yang melibatkan gaji, minyak dan kos operasi kapal-kapal TLDM telah pun diperuntukkan. Tidakkah kerajaan jahanam sampai tidak mahu menyelamatkan nyawa tanpa apa-apa kos langsung. Saya juga diberitahu apabila media telah menggambarkan keadaan ini, ramai orang Malaysia yang memberikan sumbangan, memberikan derma untuk menyelamatkan mereka.

Akan tetapi UNHCR tidak mempunyai kakitangan dan orang-orangnya untuk mengembalikannya. Mereka diberi sumbangan dan wang ringgit. Jadi, tindakan serantau Kerajaan Malaysia perlu melaksanakan tugasnya sebagai Pengerusi ASEAN dan berbincang dengan Kerajaan Myanmar. Bukan sahaja berbincang tetapi ini lebih kepada berbincang untuk mengatasi masalah *humanitarian crisis* di Laut Andaman ini di samping mengadakan kadar siasatan ke dalam kes-kes pemerdagangan dan penyeludupan orang ini.

Jadi, saya di sini memberitahu bahawa kita harus juga menerima tawaran UNHCR untuk menyampaikan bantuan kesihatan dan bantuan teknikal atas cara untuk memproses kes-kes pelarian tersebut. Kita juga menuntut kepada *United Nations*, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu supaya menyediakan sumber-sumber untuk membantu Malaysia sendiri supaya dapat menerima pelarian Rohingya sebagai langkah sementara atas asas perikemanusiaan dan belas kasihan iaitu dengan izin, *appeal to the UN to assist in the cost and funding of opening and operating new refugee camps for this refugees*.

UNHCR telah pun sejak tahun 2005 berjaya menetapkan semula, *resettlement* lebih kurang daripada 100,000 pelarian. Oleh itu, tidak benar UNHCR tidak berfungsi dengan baik dan dipersalahkan oleh kerajaan. Ini sebab mungkin kerajaan jangan jadikan ini alasan untuk tidak merangka dan melaksanakan satu penyelesaian yang sistematik dengan bantuan semua pihak yang berkepentingan. Saya mencadangkan kerajaan bekerjasama sepenuhnya dengan UNHCR kerana apabila wakilnya bersama kita tadi, dikatakan dia memang menawarkan tetapi tidak ada tindak balas. Tidak ada *respond* yang mereka tunggu-tunggu. Jadi untuk menjayakan pelaksanaan rang undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, di lapangan khususnya melalui jawatankuasa peringkat tertinggi yang bakal diwujudkan melalui rang undang-undang ini.

Jadi kesimpulannya Tuan Yang di-Pertua, selain daripada usaha diplomatik, kerajaan mesti bertindak ke atas punca pemerdagangan dan penyeludupan. Apa puncanya? Kenapa ini berlaku tidak terhenti-henti dan berterusan walaupun rang undang-undang ini bertujuan untuk menangani penurunan taraf negara kita dalam laporan Amerika Syarikat, saya ingin mengambil peluang dalam perbahasan ini untuk

menjelaskan kepada kerajaan. Walau tindakan keras terhadap isu pemerdagangan orang ini tidak boleh berjaya tanpa usaha dan rundingan diplomatik bersama Myanmar, Thailand, Indonesia dan ahli ASEAN yang lain dalam membincangkan punca akan masalah pelarian dan pemerdagangan orang.

Kita boleh lihat daripada tindakan Thailand yang mengambil tindakan keras terhadap penjenayah-penjenayah penyeludupan. Tindakan tersebut menunjukkan bahawa penjenayah pemerdagangan itu sanggup membiarkan mangsa-mangsa yang terdesak ini tanpa kira lelaki, wanita atau bayi, tidak ada belas kasihan langsung sedikit pun. Di tengah-tengah laut, dibiarkan untuk mati supaya mereka boleh melepasi tangkapan daripada hukuman. *Something is wrong*. Apakah kita telah hilang kemanusiaan kita? Jadi manusia patut mengesan jejak wang ini. *Track the money trail*. Boleh, kalau ada *political will*, kalau ada *political will*.

Industri pemerdagangan orang sebagai langkah penting dalam mengatasi punca akar masalah pelarian ini iaitu *Malaysia as Chair or ASEAN must demand all financial capitals in ASEAN, Singapore, Jakarta, Kuala Lumpur and Bangkok to do a fairer investigation to ensure no human trafficking proceed are in their banking system*. Janganlah kita makan rezeki daripada penganiayaan. ASEAN sepatutnya juga mempertimbangkan *economic sanction* ke atas Myanmar jika pihak Myanmar masih tidak mahu menangani masalah kenegaraan orang Rohingya di Myanmar.

■1530

Pihak ASEAN juga patut menimbang satu kajian kos faedah atas potensi membuat pelaburan di Myanmar untuk membangunkan ekonomi Rohingya sebagai satu cara untuk menangani krisis pelarian ini. Sebagai satu negara Islam, Malaysia mestilah melakukan sesuatu untuk membantu golongan Rohingya apatah lagi bulan Ramadan akan hampir lagi pada bulan depan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak akhiri. Sedangkan bahtera Nabi Allah Noh a.s menyelamatkan nyawa haiwan inikan pula bahtera TLDM. Tidakkah mahu berjasa menyelamatkan nyawa manusia? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Selangor.

3.31 ptg.

Dato' Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu izinkan saya mewakili Ahli Parlimen Lipis

mengalu-alukan kehadiran 80 orang Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (W.I) Daerah Lipis yang diketuai oleh Pengerusi Puan Wan Norizan bin Wan Badrul Zaman ke Parlimen Malaysia. Selamat datang. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, pemerdagangan orang dan penyeludupan migran merupakan suatu senario serius yang melanda dunia secara global dalam era globalisasi dan liberalisasi masa kini. Jenayah ini merupakan satu penganiayaan terhadap hak asasi manusia dan ianya juga melibatkan jenayah rentas sempadan. Aktiviti pemerdagangan manusia menjadi jenayah kedua terbesar di dunia selepas jenayah pengedaran dadah. Bagi Malaysia yang berada pada kedudukan ke-16 dalam senarai negara yang terburuk dalam jenayah haram ini.

Tuan Yang di-Pertua, soalan jawab lisan saya nombor lima semalam ada kaitannya dengan isu ini di mana saya membangkitkan soalan tambahan yang mana Malaysia disasarkan sebagai negara destinasi bagi kes penyeludupan migran menerusi Thailand yang bertindak sebagai negara transit bagi kegiatan ini di mana PATI termasuk kekhawatiran saya iaitu etnik Rohingya yang dikatakan juga sanggup bersekongkol dan membayar kepada sindiket jenayah untuk diseludupkan masuk ke Malaysia melalui Thailand serta cara-cara yang lain.

Menurut statistik yang dikeluarkan oleh organisasi antarabangsa mengenai migrasi IOM dilaporkan bahawa jumlah migrasi secara keseluruhannya dianggarkan seramai 214 juta pada tahun 2010 dan dijangkakan jumlah migrasi secara keseluruhannya akan meningkat kepada 405 juta pada tahun 2050. Justeru itu, sememangnya ini adalah satu fenomena yang serius yang memerlukan satu pendekatan yang komprehensif dari aspek perundangan dan penguatkuasaan. Malah situasi ini juga telah menuntut kerajaan, pelbagai negara berusaha membanteras masalah ini menggunakan pelbagai pendekatan.

Tuan Yang di-Pertua, keseriusan perkara ini telah menjadikan kedua-dua jenayah ini telah diberikan perhatian khusus oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di mana badan dunia tersebut telah menggubal Konvensyen PBB mengenai jenayah terancang UNTOC pada tahun 2000 dan dikuatkuasakan mulai 29 September 2003. Menurut *United Nations Convention* dengan izin *Transnational Organized Crime* tahun 2000, penyeludupan manusia ialah apabila seseorang memasuki sesebuah negara secara haram dengan melakukan pembayaran dalam bentuk wang atau faedah lain kepada pihak-pihak tertentu.

Sementara itu dalam seksyen 2 Akta Antipemerdagangan Orang 2007 pula mendefinisikan pemerdagangan orang sebagai perikutan, pengangkutan, pemindahan, perlindungan, penyediaan atau penerimaan seseorang bagi maksud eksploitasi. Bagi

pengertian eksploitasi pula, seksyen 2 telah mendefinisikan ia sebagai segala bentuk eksploitasi sama ada seks, kerja atau perkhidmatan paksa, perhambaan atau amalan yang menyerupai perhambaan, pengabdian atau aktiviti yang menyalahi undang-undang, atau pemindahan organ manusia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha mempertingkatkan kerjasama di peringkat antarabangsa maka Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 2000 telah menerima Konvensyen Menentang Jenayah Terancang Transnasiona atau dengan izin *Convention against Transnational Organized Crime* yang mana Malaysia juga adalah satu negara yang mendukung dan menyokong dan menandatangani konvensyen tersebut. Ini adalah antara usaha kerajaan untuk menyelesaikan isu ini dengan pendekatan kerjasama peringkat antarabangsa.

Dalam konvensyen itu terdapat dua protokol penting iaitu protokol yang melindungi mangsa pemerdagangan orang terutama wanita dan kanak-kanak dan protokol yang menentang terhadap penyeludupan migran melalui darat, laut dan udara. Lantas sememangnya diakui bahawa usaha ini memerlukan penyelesaian strategik di peringkat antarabangsa memandangkan ia adalah isu dengan izin *cross borders* atau **bound risk**. Apatah lagi penularan jenayah ini berkait rapat dengan kemampuannya untuk menjana pendapatan yang tinggi.

Neil Jensen selaku bekas Ketua Pegawai Eksekutif Pusat Transaksi Laporan dan Analisis Australia (AUSTRAC) menganggarkan keuntungan yang diraih daripada kegiatan pemerdagangan orang adalah USD10 bilion hingga USD31.6 bilion setahun atau USD13,000 bagi setiap mangsa berdasarkan kepada Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO). Maka dilaporkan bahawa pemerdagangan orang adalah jenayah yang paling cepat berkembang di dunia dan lebih kurang 27 juta penduduk dunia menjadi mangsa pemerdagangan orang secara puratanya.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam RUU ini adalah untuk bertujuan menjadikan RUU ini lebih komprehensif dalam menangani jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran. Tiada kompromi terhadap mana-mana individu yang menjadi dalang penularan jenayah ini di Malaysia dengan izin *there is shall be no compromise or leniency when it counts national security and stability*. Pindaan terhadap ATIPSOM 2007 juga akan membaiki kedudukan Malaysia dalam laporan pemerdagangan orang Jabatan Negara Amerika Syarikat, Laporan Tahunan Jabatan Negara Amerika Syarikat mengenai pemerdagangan orang dengan izin *US TIP Report* tahun 2014 itu meletakkan Malaysia di tahap tiga dengan izin, *tier three* dan ia merupakan penurunan secara automatik selepas negara menduduki tahap dua pemerhatian dengan izin *tier two watch list* selama empat

tahun berturut-turut. Kedudukan ini meletakkan Malaysia bersama dengan Thailand sementara beberapa negara jiran yang lain termasuk Kemboja, Laos, Vietnam dan Myanmar di tahap yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, kritikan utama dalam Laporan Tahunan Jabatan Negara Amerika Syarikat 2014 adalah mengenai aspek perlindungan mangsa pemerdagangan orang yang saya kira akan lebih baik dengan pindaan-pindaan yang telah dicadangkan pada hari ini. Pindaan-pindaan seksyen-seksyen 6, 7 dan 11 serta memasukkan bahagian baru IA dan seksyen baru 51A di dalam Akta 670 dilihat akan memperkasakan lagi Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) yang menjalankan fungsi sebagai badan peringkat nasional bagi kedua jenayah ini serta diberikan mandat untuk merencana dan memantau pelaksanaan ATIPSOM merangkumi aspek pencegahan, penguatkuasaan, pendakwaan termasuk penganjuran kempen-kempen kesedaran untuk membuka mata rakyat dan implikasi dan kesan kedua jenayah ini kepada negara secara keseluruhannya.

■1540

Tuan Yang di-Pertua, memasukkan seksyen baru 51A dalam Akta 670 untuk memberikan Majlis ini satu kuasa bagi memberikan kebenaran untuk bergerak bebas dan untuk bekerja semasa tempoh perintah perlindungan interim atau perintah perlindungan juga memenuhi saranan pihak Amerika Syarikat supaya mangsa-mangsa pemerdagangan orang hendaklah bebas bergerak, dibenarkan bekerja dan tinggal di luar rumah perlindungan. Perkara ini juga turut disarankan semasa kunjungan Tuan Yang Terutama Luis CdeBaca, Duta Khas dari Amerika mengenai isu pemerdagangan orang yang bertanggungjawab secara langsung ke atas Laporan Tahunan Jabatan Negara Amerika Syarikat 2014 semasa rangka lawatan beliau ke Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, memasukkan seksyen baru 66A dan 66B dalam Akta 670 membolehkan mahkamah mengeluarkan perintah pembayaran pampasan yang merupakan langkah signifikan memandangkan selama ini kes-kes tuntutan gaji yang merupakan elemen eksploitasi buruh terlalu banyak bergantung pada Akta Pekerjaan 1955 untuk tujuan penyelesaian.

Pindaan-pindaan subseksyen 44(2), subseksyen 51(1)(3)(a)(i) Akta 670 berkaitan dengan tempoh perintah perlindungan sementara IPO dan perintah perlindungan PO adalah satu pindaan penting dan bersesuaian untuk pengendalian mangsa pemerdagangan. Pindaan perenggan 54(b) Akta 670 yang berhubungan dengan pelepasan dan pemulangan balik orang yang diperdagangkan yang merupakan warga asing ke negara asalnya juga dapat menyelesaikan banjir pekerja asing di Malaysia

yang bekerja di pelbagai sektor yang didakwa menyumbang kepada isu perundangan yang turut dikritik dalam Laporan Tahunan Jabatan Negara Amerika Syarikat 2014.

Pada masa yang sama, selaras dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan, saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan khususnya Kementerian Dalam Negeri supaya kerajaan memperkenalkan Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang Fasa II sebagai kesinambungan kepada penggubalan ATIPSOM 2015 ini, memandangkan tempoh lima tahun fasa pertama pelan tersebut akan tamat pada akhir tahun 2015 ini. Apatah lagi visi yang didukung oleh Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang (2010-2015) adalah selaras dengan konsep Gagasan 1Malaysia yang di aspirasikan oleh Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Pekan iaitu 1Malaysia komited secara kolektif untuk membanteras jenayah pemerdagangan orang. Tuntasnya,...

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Yang Berhormat Kuala Selangor, sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Katil.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Boleh? Terima kasih Dato'. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya nak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Selangor kerana membangkitkan hal berkaitan dengan *National Action Plan on The Trafficking* ini. Cumanya seperti mana yang diulas panjang lebar oleh Yang Berhormat Kuala Selangor ada ATIPSOM dan juga Pelan Tindakan Kebangsaan tetapi walaupun ini berjalan dan dimaklumkan 2015 tahun ini berakhirilah perancangan atau Pelan Tindakan Nasional ini. Cuma kita lihat daripada segi *result* ataupun keputusan itu tidak membanggakan malah kita terpaksa berhadapan dengan keadaan cukup memalukan negara di mana kita masih lagi berada pada tahap yang buruk yang mencatatkan pencapaian kita dalam usaha untuk memastikan jenayah antipemerdagangan orang ini dihentikan.

Jadi saya nak minta pandangan Yang Berhormat Kuala Selangor, apakah pelan ini telah pun gagal? Kalau gagal, kenapa dan apa sebabnya supaya kerajaan boleh ambil tindakan yang lebih baik. Terima kasih.

Dato' Irmohizam bin Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih kepada sahabat saya, Yang Berhormat Bukit Katil. Bagi hemat saya, pelan ini tidak gagal cuma bagaimana kita boleh menunjukkan lagi keseriusan pihak kerajaan terutamanya dalam memastikan kita boleh meningkatkan sebagaimana Laporan Tahunan Jabatan Negara Amerika Syarikat daripada *tier three* ke *tier two* dan ini sangat penting supaya perlu ada

penerusan keseriusan pihak kerajaan dengan adanya dalam pelan tindakan yang berakhir pada 2015.

Ini bermaksud bahawa penerusan itu harus diteruskan kerana di peringkat dunia sekarang ini, jenayah ini menjadi jenayah yang pertama yang sangat serius dan ini juga harus menjadi satu kewajipan secara kolektif bagaimana Malaysia boleh kita rungkaikan dan kita lakukan secara serius dengan pendekatan-pendekatan yang saya difahamkan sedang dilakukan oleh pihak Kementerian Dalam Negeri dan agensi-agensi yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, tuntasnya kesemua langkah serta usaha yang dilakukan oleh kerajaan hanya akan membuahkan hasil dengan kerjasama rakyat secara umum yang harus memahami, mempunyai kesedaran dan tanggungjawab sosial dalam membantu pihak kerajaan dalam membanteras jenayah pemerdagangan orang ini sehingga ke akar umbi. Termasuk juga sebagaimana yang sering diterjemahkan atau sering dilontarkan elemen-elemen ketirisan ini yang menjadi satu *viral* sehingga menyebabkan ada kalanya keresahan sama ada dalam konteks rakyat Malaysia ataupun di peringkat negara antarabangsa.

Sehubungan dengan itu, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah pendekatan pihak kementerian dalam usaha sama ada untuk menaiktarafkan sistem keselamatan khususnya sempadan Malaysia ataupun dalam konteks sistem yang menggunakan elemen semasa daripada segi teknologi bagi memastikan bahawa Malaysia akan terus bebas daripada sebarang elemen anti pemerdagangan orang ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mohon menyokong Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (Pindaan) 2015. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Klang. Yang Berhormat Kuala Langat boleh minum kopi dulu, Yang Berhormat.

[Ketawa]

3.47 ptg.

Tuan Charles Anthony A/L R.Santiago [Klang]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan Pindaan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007. Tuan Yang di-Pertua, ASEAN dan negara-negara rakan seperti Malaysia, Thailand dan juga Indonesia dan Myanmar telah menjadi tumpuan dunia ataupun global *spotlight* dalam masa seminggu ini. Kita telah menjadi popular, *popular for the wrong reason*. Popular untuk sebab yang salah kerana negara kita dengan negara-negara lain telah

memperkenalkan satu konsep permainan baru iaitu *human pingpong* yakni berkaitan dengan pelarian dan mangsa pemerdagangan.

Ini adalah proses di mana agensi-agensi *Maritime* halau keluar kapal pelarian dari perairan Malaysia ke perairan negara jiran ke Indonesia ataupun ke Thailand sehingga kapal pelarian itu telah *circle* dan masuk perairan ke tiga-tiga negara lain beberapa kali. Di semua tempat yang disinggah, pelarian atau *refugee* ini akan diberikan air, makanan, petrol dan juga kalau terpaksa *repair* kapal dan hantar balik ke lautan. *Underline* dasar yang kejam ini ataupun dasar *human ping pong* ini ialah negara-negara ASEAN dan Malaysia tidak mahu mengiktiraf bahawa bot-bot ini, kapal-kapal ini membawa kanak-kanak, wanita yang telah diseksa, dirogol dan dinafikan kewarganegaraan dan sekarang dipemerdagangkan.

Malah negara-negara ASEAN telah memberi tafsiran baru kepada definisi *the ocean of sharing and caring ASEAN*. Negara-negara ASEAN berkongsi dan jaga, *care and share* bila berkait dengan perniagaan dan pelaburan tetapi apabila rakyat ASEAN ditindas khususnya *the most vulnerable communities* ditindas, dinafikan kewarganegaraan, dirogol dan didagangkan atau diseludupkan, tidak ada apa-apa komen daripada pemimpin-pemimpin ASEAN.

■1550

Kegunaan strategi 'pingpong' manusia ini adalah begitu keterlaluan sampai *United Nations* senaraikan strategi ini sebagai tidak berperikemanusiaan. Untuk saya Tuan Yang di-Pertua, strategi 'pingpong' manusia ini adalah satu cara untuk memastikan kematian semua orang di kapal-kapal tersebut.

Saya telah menulis satu artikel atau esei bertajuk '*ASEAN's Rohingya Left to Die*' dan dalam jangka lima hari sahaja saya telah menerima lebih kurang 482,000 *hits* dalam laman web saya dan juga lebih 10,000 *shares*. Ini menunjukkan bahawa bila saya baca 48 juta, *I have to go through many things*, terlalu banyak, terlalu besar. Akan tetapi, ini menunjukkan bahawa *the entire global community* sedang fokus kepada apakah tindakan yang akan dikeluarkan daripada Malaysia dan juga ASEAN. Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN pada masa kini.

Juga, kita dapati bahawa UN juga telah mengkritik keengganan negara-negara ASEAN untuk menyelamatkan beribu-ribu pendatang yang terapung di laut. Agensi-agensi bantuan atau *humanitarian agencies* berkata, "*We are witnessing a grave humanitarian crisis. People on the boat are believed to be severely malnourished. The biggest fear is that time is running out.*"

Saya ingin mengucapkan tahniah dalam keadaan yang begitu gelap ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Filipina yang telah mengatakan bahawa mereka akan menerima sebanyak 3,000 warga kapal atau *boat people* ini dari *Myanmar* dan Bangladesh ke dalam negara mereka. Menteri Filipina mengatakan bahawa dengan izin, “*We shall continue to do our share in saving lives.*” Ini pandangan Filipina.

Saya juga ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia dan juga kerajaan khususnya Menteri Dalam Negeri dan juga Menteri Luar Negeri bahawa Thailand semalam telah mengumumkan bahawa mereka bersedia untuk membuka satu *transit area* di mana pendatang-pendatang Rohingya dan lain-lain akan disediakan dengan bantuan kemanusiaan. Menurut Timbalan Perdana Menteri Thailand, dasar kemanusiaan atau *humanitarian assistance* adalah amalan yang mereka percaya dan mereka telah mengemukakan idea transit *area* ini atas permintaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Manakala di Indonesia, pihak tentera negara itu iaitu *Indonesian National Army* melarang nelayan Aceh untuk membawa orang-orang Rohingya keluar dari laut walaupun mereka mati lemas. Ini adalah kerana hanya orang-orang yang mempunyai dokumen yang legal yang sepatutnya boleh memasuki tanah Indonesia. Ini saya fikir adalah prinsip sama yang diamalkan oleh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, jelas Kerajaan Thailand dan Filipina telah mengambil langkah-langkah proaktif untuk mengatasi masalah berdasarkan prinsip-prinsip perikemanusiaan tetapi Kerajaan Malaysia masih bermesyuarat tak tentu hala dan hingga hari ini tidak dapat melontarkan ataupun keluarkan dasar proaktif seperti yang kita tengok daripada Thailand dan Filipina.

Satu kekurangan yang ketara di Malaysia pada masa kini ialah kepimpinan yang lemah daripada Perdana Menteri Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN untuk mengatasi masalah *refugees* dan mangsa perdagangan manusia. Oleh sebab itu saya cadang kerajaan mempertimbangkan beberapa syor yang saya akan kemukakan.

Pertama, Kerajaan Malaysia harus memberi perlindungan *urgent* kepada semua orang di kapal supaya mereka tidak mati atau pun lemas dalam laut atau bila kapal kandas khususnya kerajaan harus menimbangankan untuk memberi perlindungan kecemasan *humanitarian* ataupun *temporarily humanitarian protection* kepada mangsa-mangsa yang diperdagangkan ini.

Kedua, Malaysia boleh menerima pakar rujuk ataupun *advice* daripada UNHCR iaitu Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-bangsa Bersatu bagi pelarian. Agensi ini telah lontarkan idea-idea mereka kepada Kerajaan Malaysia untuk membantu Putrajaya mengenal pasti

pendatang yang memerlukan perlindungan antarabangsa oleh sebab ada beberapa golongan khususnya orang-orang Rohingya tidak dapat pulang ke negara asal oleh sebab kezaliman negara itu. UNHCR juga dapat memberikan perkhidmatan untuk mengendalikan semua perkara yang berkaitan dengan memproses pelarian termasuk penentuan, pendaftaran, status dan menyediakan bantuan kebajikan termasuk kesihatan, pendidikan dan lain-lain sokongan sosial. Saya diberitahu bahawa Kerajaan Malaysia belum terima tawaran yang telah dibuat oleh UNHCR beberapa hari lalu.

Ketiga, Kerajaan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN harus memanggil mesyuarat tergepar *the help head of state* untuk bincang isu ini. Salah satu isu untuk perbincangan adalah desakan terhadap Kerajaan Myanmar untuk menghentikan penganiayaan dan memberikan hak kewarganegaraan atau *citizenship rights* untuk orang-orang Rohingya.

Keempat, Kerajaan Malaysia sebagai Pengerusi harus mempercepatkan perbincangan dan juga memuktamadkan *ASEAN Anti Trafficking Declaration*, isu yang telah dibangkitkan dalam mukadimah Timbalan Menteri tadi. Saya harap bahawa deklarasi ASEAN ini boleh ditandatangani dalam Mesyuarat ASEAN pada bulan November ini. Apa yang penting dalam deklarasi ini ialah ia harus bersifat *binding* ataupun terikat. Kalau tidak *binding*, maka isu pemerdagangan manusia atau penyeludupan tidak dapat dihapuskan.

Kelima, selaras dengan idea *binding Anti-trafficking ASEAN Declaration*, setiap anggota ASEAN harus *rectify* Konvensyen UN 1951 mengenai pelarian dan *refugees* dan selaraskan dengan undang-undang lain negara masing-masing.

Keenam, Malaysia sebagai anggota *UN Security Council* mempunyai obligasi undang-undang di bawah perundangan maritim antarabangsa untuk menyelamatkan orang-orang dalam kesusahan di laut. Peranan *UN Security Council* mempertanggungjawabkan Malaysia untuk apa yang dipanggil *responsibility to protect* iaitu menerusi Resolusi 1674 perenggan 139. Ini bermaksud bahawa *according to these rules, it is mandatory that Malaysia accept all Rohingya refugees and not just the one who was facing imminent death at sea as this is mandatory under the international law of non-refoulement. This law dictates that no country should return refugees to places where they are persecuted or subjected to danger.*

Tambahan pula, Artikel 98 *of the 1982 United Nations Convention of the Law of the Sea which is Malaysia a party to, also sets out the duty to render assistance to presence in distress.* Tuan Yang di-Pertua, *the duty to assistance render applies in all*

maritime zones and to every person in distress without discrimination including asylum seekers and refugees.

Tambahan pula, Malaysia mempunyai tugas dan tanggungjawab untuk menyelamatkan wanita dan kanak-kanak. Ini kerana kita telah ratifikasikan konvensyen menghapuskan daripada semua bentuk diskriminasi terhadap wanita iaitu CEDAW dan juga CRC iaitu *Convention on The Rights to The Child*.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang seterusnya yang saya memerlukan perhatian segera di Dewan yang mulia ini dan kerajaan ialah berkaitan dengan pemerdagangan manusia, pekerja asing atau *migrant workers* di Malaysia dan *international trade* dan perdagangan antarabangsa. Pada tahun lalu, Malaysia telah jatuh satu tangga kepada *tier* tiga yang disenaraikan sebagai tidak memuaskan oleh Kerajaan Amerika Syarikat. Laporan *Trafficking in Persons* (TIP) adalah ukuran sambutan negara untuk menangani *trafficking*. Laporan ini menyatakan bahawa Malaysia tidak berusaha bersungguh-sungguh untuk mempertingkatkan perlindungan pemerdagangan manusia.

Laporan itu mengatakan bahawa, dengan izin, "*Malaysia did not undertake or was inadequate efforts to improve its flawed victim-protection regime and had investigated fewer trafficking cases in 2013 than in 2012. The Malaysian downgrade has been largely expected*", menurut *Trafficking in Persons Report*. Laporan TIP ini juga mengatakan bahawa *Malaysia's repeated non-compliance...*

■1600

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Gelugor bangun, Yang Berhormat.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Izinkan. Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya *just* hendak tanya berkenaan dengan apa yang telah ditimbulkan oleh rakan saya. Berkenaan dengan status Malaysia sekarang, dari *tier 2* ke *tier 3* yang *downgrade* pada tahun lepas, kalau saya tidak silap dalam bulan Jun.

Now, memandangkan keadaan tersebut, ini merupakan *tier 3*, kita adalah sama taraf dengan negara-negara seperti Korea Utara, North Korea, *it is the lowest tier from what I understand*, dengan izin. Memandangkan keadaan tersebut, saya minta pandangan berkenaan dengan pindaan-pindaan kepada akta ini. Adakah wajar untuk kita mempunyai peruntukan untuk melaporkan perkembangan ataupun usaha-usaha yang diambil bagi tujuan menaik taraf ataupun *to improve the dire situation that the country is facing at the moment*, dengan izin. Terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Charles Anthony [Klang]: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, *challenge* kepada Malaysia sekarang itu adalah penting sebab isu ini berkait dengan ataupun *upgrading* kepada *tier 2* adalah penting sebab ini adalah berkait dengan perdagangan antarabangsa. Isu yang dibangkit oleh Yang Berhormat tadi adalah apakah rancangan Malaysia untuk naik daripada tiga ke dua? Saya nampak bahawa cadangan yang telah dikemukakan dalam rang undang-undang ini adalah *initial step* tetapi *step* yang penting adalah untuk memecahkan rangkaian pemerdagangan yang sedia ada.

So, this bill itu adalah *bill* yang *the first initial step, if I can propose that, but more important is to smash any traficking network. But,* lebih penting daripada itu Yang Berhormat dan juga Tuan Yang di-Pertua, ialah *enforcement agencies*. Bila kapal-kapal itu datang daripada luar negara, daripada Myanmar ke atau mana-mana tempat, memang *our Maritime Agencies are familiar*. Mereka tahu satu kapal telah datang ke Malaysia, datang ke kawasan perairan Malaysia tetapi mengapa mereka tidak diberhentikan? Polis Diraja Malaysia pun tahu. *So, it is impossible for a traficking network to be organized* tanpa *knowledge or* pengetahuan Polis Diraja Malaysia ataupun Maritim Malaysia. *So, therefore we have to upgrade and make enforcement more serious in Malaysia.*

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila-sila.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Klang. Yang Berhormat Klang, saya khuatir bahawa *exercise* ini ataupun pindaan ini adalah sekadar untuk melayan laporan Amerika Syarikat. Oleh sebab kalau kita letak dalam konteks, pada tahun 2007 Malaysia pun mendapat kedudukan *tier* ketiga. Kemudian, kerajaan cepat-cepat menggubal Akta Anti Pemerdagangan Orang 2007 dan selepas itu kita naik *tier 2*, 2009 turun lagi ke *tier 3*, 2010 maka ada lagi pindaan dan tidak sampai 4 tahun 2014 turun lagi *tier 3* dan sekarang kita lihat pindaan yang terbaru.

Jadi, saya rasa ini macam sandiwara. Tidak ada maknanya jika tidak ada kehendak politik, tidak ada keseriusan. Baru-baru ini dalam laporan *Harian Metro*, Timbalan Ketua Polis Negara ada mengatakan bahawa PDRM tidak menafikan kemungkinan terdapat pembabit orang dalam di dalam rangkaian sindiket ini. Jadi, saya rasa kalau tidak ada keseriusan, maka *'pi mai-pi mai, tang tu'* orang Utara, orang Pulau Pinang akan kata. Tidak akan menyelesaikan masalah ini dan kemudiannya kita

akan berulang semula ke Dewan ini untuk buat pindaan semula. Jadi, saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat Klang.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Terima kasih Yang Berhormat. Isu yang dibangkit oleh Yang Berhormat itu adalah penting dan saya fikir masalah ini ialah kita tidak ada *political will*. Pada masa ini kita tidak ada *political will* untuk mengatasi masalah ini, masalah ini sebenarnya masalah yang besar. Saya nampak oleh kerana desakan Amerika Syarikat, maka kita buat *first stage, stage 2, stage 3* tetapi kita tidak mengorganize ataupun ada a *long term systemic approach* untuk mengatasi masalah ini.

Akan tetapi saya fikir bahawa selepas desakan daripada Amerika Syarikat dan juga daripada NGO-NGO Malaysia, maka pindaan yang dikemukakan ini adalah *first step*. Akan tetapi seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, kalau Malaysia tidak ada *political will*, tidak ada *enforcement*, tidak ada komitmen untuk *enforcement*, maka *we will drop again to tier 3*. Salah satu sebab mengapa isu ini dibincangkan sekarang ialah kerana kalau kita tidak masuk ke tier 2, ada sekarang perbincangan di Senate Amerika Syarikat untuk dikeluarkan Malaysia daripada perbincangan *Trans-Pacific Partnership Agreement*.

Ada satu usul yang telah dikemukakan oleh Senator Robert Mendes yang mengatakan bahawa mana-mana negara yang ada dalam *tier 3*, tidak boleh mengambil bahagian, tidak dapat *involved*, tidak dapat berunding dalam *Trans-Pacific Partnership Agreement* ini. Saya percaya satu cara untuk menutup mata Amerika Syarikat adalah untuk bawa undang-undang ini supaya mengatakan kepada Amerika Syarikat bahawa Malaysia telah membuat perubahan dan akan membuat perubahan. Akan tetapi saya fikir ini tidak cukup tetapi hanya satu permulaan.

We must show commitment, a political commitment at the highest level. Kita juga mesti tengok bahawa Polis Diraja Malaysia dan juga *Maritime Agency* membuat kerja mereka. Kalau mereka buat kerja mereka dengan tulus, maka kita tidak akan mengalami masalah yang kita dapati di Malaysia pada masa sekarang. So Tuan Yang di-Pertua, *last point* saya ialah matlamat dan pindaan akta ini adalah untuk memberi hak kepada mangsa *trafficking* dan juga migran untuk mendapat kerja dan juga untuk mendapat pekerjaan, *employment* dan juga pampasan.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri ialah apakah perbezaan di antara *Council of Anti-Trafficking (MAPO)*, jawatankuasa peringkat tertinggi iaitu *high level committee* yang dicadangkan oleh pindaan ini. Soal susulan ialah mengapa kerajaan kemukakan *high level committee* bila MAPO sedia ada? *You already have a structure in place, structure* itu memang ada tetapi *you create another structure*. Adakah ini

bermaksud bahawa peranan MAPO tidak berkesan? Saya juga minta Yang Berhormat Menteri untuk menjelaskan bagaimana kedua-dua agensi ini ditubuhkan untuk mengatasi *trafficking* akan bekerjasama untuk mengurangkan *trafficking*.

Saya juga minta Yang Berhormat Menteri juga tolong jelaskan seksyen 43, di mana mengatakan bahawa, '*The Minister may appoint any person who he thinks fit to exercise the powers and performed the duties of a protection officer*'. Adakah *appointment* ini akan diberikan kepada NGO ataupun kepada pakar rujuk ataupun *expert-expert*, siapakah yang akan di *appoint* dan apakah kriteria *appointment* ini? Apa kriteria *appointment* ini?

Last sekali ialah kedua-dua jawatankuasa ini iaitu MAPO dan *High Level Committee* ditempatkan di Kementerian Dalam Negeri. Saya minta Yang Berhormat Menteri tolong jelaskan, mengapa *High Level Committee* yang akan menjadi lebih efektif daripada MAPO memandangkan kedua-dua agensi ini ditempatkan dalam kementerian yang bersama? Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Padang Besar.

4.08 ptg.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya menyertai perbahasan dari segi Akta Anti Perdagangan Orang dan Penyeludupan Migran. Tuan Yang di-Pertua, dalam kita menghadapi masalah pemerdagangan manusia dan penyeludupan ini, kita terdapat dua kumpulan yang besar. Yang pertama sekali, mereka yang lari daripada negara mereka kerana diseksa, dihalau keluar daripada negara mereka, dinafikan hak mereka dan dianiaya. Mereka ini adalah golongan yang tidak mempunyai pilihan.

Keduanya adalah golongan yang susah dan ingin mencari pekerjaan seperti mana daripada Selatan Filipina, dari Indonesia, dari Bangladesh, dari China yang terlibat dalam isu-isu pemerdagangan manusia dan juga seks wanita. Jadi, sebab itulah kita lihat sekarang ini kita menghadapi masalah di mana terdapat bangsa-bangsa baru iaitu bangsa 'Bang-don' iaitu Bangla kahwin Indon yang akan menjadi masalah sosial kepada negara kita pada hari ini.

Kita lihat di sini bahawa saya amat menyokong akta ini. Akan tetapi dalam isu yang pertama ini, isu kita tentang antipemerdagangan manusia dan penyeludupan manusia dari segi pelarian Rohingya ini, saya di sempadan.

Jadi kita lihat di sini saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri bahawa serius kah kita dalam kita untuk mengadakan akta ini. Sebab apa saya lihat di sini, kalau baru-baru ini saya membuat lawatan ke sempadan tapi bersama dengan anggota RELA. Akan tetapi saya disekat masuk ke dalam kawasan sempadan. Saya Ahli Parlimen Padang Besar hendak melawat kawasan Padang Besar tidak boleh melawat. Sebab atas alasan kononnya ada operasi.

Saya ingin melihat sebab apa di kawasan tersebut baru-baru ini laporan daripada RELA, terdapat ramai pendatang asing terdapat mayat, terdapat pusat kem-kem yang dibuat oleh sindiket-sindiket pemerdagangan manusia ini di kawasan sempadan. Jadi saya tidak dibenarkan masuk, jadi disebabkan atas masalah operasi. Jadi saya pun kata tidak ada masalah kerana ini adalah arahan polis jadi saya pun tidak masuk. Sebab apa saya hendak tengok apa hasil daripada operasi ini.

Sampai sekarang ini tiada hasil. Jadi saya pun hairan kenapa saya dan anggota RELA tidak dibenarkan masuk. Jadi saya melihat di sini bahawa saya mempertikaikan keseriusan kita dalam kita mengadakan akta ini. Sebenarnya akta ini baik tapi seriuskah kita. Sebab apa saya lihat di sini, apabila terdapat mereka di sempadan Siam ditangkap. Itu mereka yang terlibat dalam anti penyeludupan dan memperdagangkan manusia ditangkap dan mereka yang terlibat ada yang anggota majlis, pemimpin-pemimpin di sempadan yang ditangkap.

Akan tetapi laporan yang kita terima di sempadan, terdapat usaha yang untuk membawa masuk Rohingya dan Bangladesh ini melalui sempadan Padang Besar ini masuk ke dalam dengan kerjasama pihak berkuasa di kawasan sempadan. Jadi maknanya terdapat mereka yang terlibat dan kita menunggu apabila tangkapan dibuat di sempadan Siam di sebelah Thailand kita menunggu apa yang tangkapan dibuat di sebelah Malaysia pula. Sampai hari ini kita dengar ada mereka yang terlibat tapi tangkapan tiada. Mana mungkin mereka boleh bolos di sempadan tanpa atau mereka yang terlibat pihak berkuasa yang terlibat.

Saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri ambil perhatian. Dulu ini apabila terdapat operasi bersama di antara polis, RELA dan pihak berkuasa sempadan. Kemudian pihak polis kata RELA tidak payah terlibat kerana RELA tidak mempunyai kuasa. RELA hanya tunggu di sempadan tengok sahaja manusia lalu dalam kampung-kampung. RELA tunggu tengok sahaja dan RELA tangkap. Lepas sempadan itu kuasa RELA tangkap. Jadi kalau boleh kita minta kalau kita benar-benar serius, kita mintalah kalau boleh kerjasama ini dibuat berhubung kembali.

Kalau ada pihak berkuasa yang cuba-cuba main peranan ataupun melepas pelarian dengan kerjasama dengan tekong darat ini kita lihat ada lagi satu agensi iaitu RELA supaya mereka ini memerhati pihak berkuasa di sempadan. Jadi saya tidak mahu berlaku itu. RELA datang hendak melawat sempadan bersama ahli parlimen tidak dapat masuk, tangkapan apa tidak buat, laporan apa pun tidak ada. Ini yang kita minta beri perhatian. Anggota keselamatan polis sempadan, kita memberi, kita hormat. Mereka tak beri saya masuk walaupun itu kawasan di Padang Besar.

Jadi di antara yang keduanya disebut Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan seriusnya kita dengan negara kita ini dalam usaha kita dalam menyekat anti penyeludupan dan juga pemerdagangan manusia ini terutamanya kita lihat di sini isu yang besarnya rakyat Rohingnya. Baru-baru ini saya ada buat soalan di parlimen berkenaan dengan isu Rohingnya ini tapi jawapannya yang saya dapat dari Kementerian Luar kita tidak mahu campur tangan dalam urusan negara anggota ASEAN. Memang itu satu niat yang baik dan sebab itulah apabila kita gesa NGO-NGO mendesak supaya mesyuarat ASEAN baru-baru ini ditimbulkan isu Rohingnya ini dalam mesyuarat ASEAN. Akan tetapi kita tolak. Maka NGO-NGO dalam negara yang kita hadapi rakyat dan NGO dalam negara ini mintak bahawa dalam mesyuarat ASEAN ini kita timbulkan isu Rohingnya ini tapi kita tidak mahu terlibat.

Akan tetapi apabila kita lihat di sini kemasukan Rohingnya ini menjejaskan keselamatan kita, menjejaskan sosial masyarakat kita dan mereka ini juga di sempadan membawa penyakit H1N1 sekarang ini. Kita mendapat penyakit H1N1 dan paling merunsingkan saya sekali, takut kebanyakan orang Rohingnya yang tidak berkelayakan ini mereka ini menjadi anggota IS. Ini cukup untuk kita mendapat perhatian kerana kalau mereka tidak ada tempat lari lain, mereka akan ambil pendirian untuk lari ke Timur Tengah dan kita juga menghadapi masalah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Padang Besar, boleh sekejap? Sedikit sahaja.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih pada sahabat saya Yang Berhormat Padang Besar. Yang Berhormat Padang Besar, saya hendak bertanya pada Yang Berhormat Padang Besar, sering kali apabila isu-isu yang melibatkan luar negara ini kita menerima jawapan

kerajaan tidak akan campur tangan, mengambil pendirian tidak mencampuri urusan dalaman.

Seperti mana saya terima jawapan daripada **ketua** negeri, saya bertanyakan tentang adakah kerajaan membuat apa-apa bantahan rasmi secara lisan atau bertulis ke atas kerajaan Bangladesh sebelum atau selepas hukuman bunuh ke atas pimpinan Jamaat-e-Islami di Bangladesh Muhammad Kamaruzzaman yang dilaksanakan pada 11 April. Jika ya, bila ia dibuat dan apakah respons. Jawapannya kerajaan tidak campur urusan dalaman perundangan Bangladesh.

Jadi kalau ini terus berlaku, kita risau dalam dunia globalisasi ini mana negara umat Islam boleh suka-suka buat benda – kita sebagai negara umat Islam di sini ataupun negara berdaulat pun kita tidak boleh langsung menjalankan peranan untuk membantu kawan-kawan kita di luar sana. Sebagai contoh sekarang mungkin berlaku dalam isu Morsi sebagai contoh. Jadi saya hendak tanya setuju tidak dengan saya bahawa Malaysia sebagai negara yang ada kerusi di sekuriti tribunal walaupun anggota tidak tetap, tetapi sekurang-kurangnya memainkan peranan sebab kita lobi, habiskan wang begitu banyak untuk kita bersuara di peringkat antarabangsa. Tiba-tiba apa yang berlaku di Rohingya dalam keadaan sudah lama rakyat sana tidak *stateless*, tidak dapat *citizenship*, tiba-tiba kita tidak buat apa-apa. Alasan ini dalaman. Adakah wajar kita ambil terus sikap sebegini? Apa pendapat Yang Berhormat Padang Besar?

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Saya terutama sekali dalam isu ini saya mungkin isu antarabangsa pihak lain tetapi perlu main peranan. Akan tetapi dalam isu ini kita ini menjadi pengerusi ASEAN dan kita menjawat jawatan mendapat kerusi di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Jadi sebagai pemimpin ASEAN, saya amat yakin kepimpinan ASEAN di bawah Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak akan dapat menyelesaikan masalah ini.

Akan tetapi kita lihat bahawa Kementerian Luar dengan sikap kita takut kepada Myanmar ini, kita tidak akan dapat selesaikan masalah ini. Saya ambil contoh ini, kita puji akta yang kita hendak buat ini, kita puji. Sebab apa – tetapi rakyat pertikai benar-benarkah kita hendak buat sebab kita hendak keyakinan itu. Sebab kalau kita tanya di sempadan, pelarian ini masuk ke sempadan Thailand, masuk ke Padang Besar sempadan Langkawi dan Kedah pergi ke Pulau Pinang. Dari Pulau Pinang diputihkan dan *distribute* ke seluruh negara. Maknanya ada sindiket sampai hari ini dan benda ini diperkatakan oleh masyarakat sempadan tetapi tidak ada tangkapan. Apabila kita lihat di sini usaha ini gagal maka kita perlu mainkan peranan puncanya adalah ASEAN.

Kalau kita ambil sikap bahawa kita tidak mahu campur tangan, hendak campur apa? Apa *achievement* ASEAN yang kita sudah berjaya? *1 ASEAN Community*. Takkan *1 ASEAN Community* kita hendak lihat bahawa Rohingya lari, kita tidak buat apa-apa. Kita *1 ASEAN Community* pencapaian kita hendak bekerjasama dengan negara ASEAN untuk ekonomi dan sebagainya. Di sini kita lihat memang menganiaya satu masyarakat dia dan memberi masalah kepada kita, kita tidak campur tangan. Lepas itu sini kita berdebat di Parlimen. Kita kata oh tidak ada masalah. Ini tidak ada masalah, kita akan selesaikan masalah. Lepas itu kita usir mereka keluar. Saya kesian tengok anak yang dokong anak ini, jatuh anak dalam laut. Isteri dengan suami hilang. Mana isteri, mana suami hilang.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Yang Berhormat Padang Besar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Padang Besar. Saya kongsi apa yang dirasakan oleh Yang Berhormat Padang Besar dan saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Padang Besar kerana sanggup terus terang mengatakan hal isu ini.

Pada ketika ini ada dalam 1,100 pelarian yang berada di atas bot-bot di perairan dekat dengan Malaysia dan perairan-perairan negara-negara lain tetapi paling dekat dengan Malaysia adalah dalam 1,100 pelarian. Ada yang 1,000 sudah berjaya mendarat di Langkawi. Soalan saya kepada Yang Berhormat Padang Besar, wajarkah kita selamatkan mereka. Sebab kalau tidak selamatkan mereka, mungkin mati dalam sehari dua hari kalau tidak cukup bekalan makanan dan air.

■1620

Jadi, wajarkah kita minta Kerajaan Malaysia bertanggungjawab? Ya, kalau kita tidak hendak beri mereka masuk sebagai *legalize* dengan izin, takkanlah kita tidak boleh beri perlindungan kepada mereka? Takkan kita hendak biarkan mereka di lautan. *This is the* fakta yang sebenar, yang kita baru dengar. Saya baru dengar taklimat tadi ada 1,100 sekarang di atas bot-bot, betul-betul di perairan Malaysia dan dekat dengan Langkawi. Pohon pandangan Yang Berhormat Padang Besar. Terima kasih.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Padang Besar, ringkas sedikit.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Okey, pertama sekali, kita ini rakyat Malaysia ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Padang Besar, Yang Berhormat Kapar bangun.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Rakyat Malaysia ini kita prihatin. Kita ini terkenal dengan sikap menderma dan baik budi. Bagi saya, saya rasa

terutamanya mereka pelarian Rohingya ini ialah mereka tidak ada pilihan. Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat tadi, sebab di sempadan ini saya lihat, apabila mereka terdesak dan dapat meloloskan diri daripada sindiket-sindiket yang memperdagangkan manusia ini ataupun tekong-tekong darat ini, mereka datang ke rumah orang kampung di Padang Besar. Badan mereka yang begitu kurus, sesetengah itu ada anak mereka yang hampir mati, kita lihat kasihan. Benda ini selalunya kita memainkan peranan sebab mereka ini orang Islam. Mereka ini manusia, mereka ini rakyat yang teraniaya dan kita perlu membantu mereka.

Saya setuju kita perlu tetapi puncanya sekarang ini, sikap kita di negara ASEAN ini. Apabila kita hendak bangkitkan isu Myanmar di ASEAN, dia kata Myanmar tidak hendak sertai mesyuarat ini. Kita pun takut, jangan, jangan, jangan Myanmar. Datanglah mesyuarat, kami tidak akan bangkit itu ASEAN. Apakah pendirian kita ini? *[Disampuk]* Sedih kita. *[Tepuk]* Jadi perkara ini saya minta kalau boleh, kerajaan di peringkat ASEAN ini, biarpun kita jumpa OIC minta bantuan kewangan - OIC hari ini mengumumkan dulu ini RM50 juta. Mana duit itu?

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: *[Bangun]*

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Kita ada wakil OIC di negara kita. Duit tidak turun, hendak bagi RM50 juta untuk membantu Rohingya, mana? Apakah usaha kita ASEAN memohon duit daripada OIC?

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Padang Besar.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Okey, terima kasih.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Padang Besar, saya setuju sekali dengan pendirian Yang Berhormat tentang ASEAN dan sebenarnya, dasar tidak campur tangan ini bukan perkara baru, memang satu prinsip dalam negara ASEAN. Akan tetapi, kita nampak terutamanya baru-baru ini, di kebelakangan ini, telah dilanggar. Bukan sahaja – Malaysia tidak langgar tetapi contohnya Indonesia. Apabila Kerajaan Indonesia meletakkan embargo terhadap kemasukan pekerja migran dari Indonesia ataupun apabila masalah pencemaran berlaku, pembakaran hutan, kita tidak dapat berbuat apa-apa.

Asalnya, dasar tidak campur tangan ini adalah kerana kita kata tidak ada kaitan dengan negara kita. Akan tetapi kita nampak dalam dunia globalisasi terutamanya dalam kita hendak mewujudkan sebuah komuniti ASEAN, tidak bercampur tangan ini mungkin akan merugikan kita. Ini kerana kita lihat contoh Rohingya, sudah sampai ke pintu kita, kita tidak boleh kata kita tidak ambil peduli. Adakah setuju Yang Berhormat Padang Besar jika saya kata kita mendesak supaya Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN sekarang ini

mengambil inisiatif memperluaskan definisi prinsip tidak campur tangan dalam ASEAN?
Terima kasih.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat, sambung sikit. Ini di antara tidak mahu masuk campur masalah negara lain ataupun hubungan diplomatik *versus*, berlawanan dengan isu hidup atau mati. Saya rasa negara Malaysia, pimpinan Malaysia kena tegas, kena memainkan peranan, sanggup kena ambil pendirian. Saya ingin merumuskan bahawa ini adalah kepincangan dan kelonggaran dan ketidaktegasan kepimpinan kita, tidak kisahlah. Saya rasa Yang Berhormat sudah panjang lebar cerita, kita faham. Hakikatnya kita faham pendiriannya dan saya balik kepada kepimpinan yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya rumuskan sebagai lemah. *He has to make a bold decision, a strict decision for the benefit of the people who are dying, dengan due respect. Thank you.*

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Okey, terima kasih. Saya tinggal sikit sahaja lagi. Pertama sekali, alasan negara kita ini adalah kerana alasan ekonomi. Takut kita hilang kepentingan ekonomi kita di Myanmar. Hari ini saya mintalah pihak pembangkang atau pihak kerajaan - saya sokong akta ini. Akan tetapi tentang ASEAN ini, tentang pendirian kita daripada segi luar negara ini, kita minta hari ini bahawa kita kalaulah memang tiada isu mengenai ini, maknanya kita keluarkanlah Myanmar daripada negara ASEAN, tidak payah. Jangan fikir kepentingan. Ini kepentingan manusia lebih penting daripada kita fikir kepentingan ekonomi negara ASEAN. *[Tepuk]*

Kalau tidak kita malu sebab saya rasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Dato' Sri Najib ini adalah seorang yang dihormati di negara ASEAN ini. Dato' Sri Najib kita seorang yang dihormati di negara ASEAN, buat pendirian supaya mereka, kita ini dihormati. Kalau tidak, kita malu pada Thailand yang menghulurkan bantuan, Filipina menghulurkan bantuan, kita tidak buat apa-apa. Sepatutnya kita peneraju ASEAN dan paling malang ini, kita ini, ASEAN ini, adalah pengerusi hak asasi manusia ASEAN, tidak buat apa-apa. Jadi kalau boleh, saya minta *last*lah, janganlah kalau – contohnya memang menyeksa Rohingya, ASEAN tidak buat apa-apa, menyokong, samalah Malaysia dengan Myanmar, sama sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Tepuk]*

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Temerloh.

4.25 ptg.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sedikit mengambil bahagian dalam melontarkan pandangan berkait dengan perbincangan pindaan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007.

Saya melihat dalam isu ini ada dua perkara yang ingin saya ketengahkan dan hampir senadalah dengan rakan-rakan, Yang Berhormat yang lain yang telah banyak memberikan pandangan dan juga idea untuk mengatasi perkara ini tidak terhenti setakat secara domestiknya kita meminda akta-akta ataupun rang undang-undang ini. Akan tetapi mestilah melibatkan satu usaha yang serius, bermula daripada kemahuan dan juga kehendak politik yang tinggi daripada pihak kerajaan sendiri.

Pertama, saya lihat ialah untuk menangani isu ini mestilah menangani secara kerjasama serantau. Itu mesti diwujudkan. Ini kerana saya melihat isu ini ia bukan isu hanya terhenti pada satu-satu negara secara berpisah tetapi ia berkait antara negara dengan negara yang lain. Sebagai contoh, minggu lepaslah sebagaimana yang disebut oleh pelbagai pihak, ada 1,000 hingga 2,000 orang pelarian Rohingya yang telah pun datang ke negara kita, yang telah hampir dengan sempadan negara kita, termasuk juga Thailand dan juga Indonesia.

Di mana ini adalah berpunca daripada bagaimana wujudnya penindasan dan kezaliman pada sebuah negara yang kalau merujuk kepada kes ini, di Daerah Rakhine sebagai contoh, berlakunya penindasan, pembunuhan, mereka dibakar, dirogol, dihalau. Akhirnya, mereka terpaksa keluar dari daerah mereka sehingga bumi Arakan itu lebih kita lihat bagaikan gharzah di bumi Asia mutakhir ini dan menyebabkan mereka sampai ke negara kita. Akhirnya mereka terdedah kepada aktiviti pemerdagangan manusia ini dan demikian juga dengan sindiket penjualan organ dan umpamanya. Jadi kita tidak boleh ambil sikap tidak mahu campur tangan dalam urusan ini.

Kalau perkara itu berlaku semata-mata dalam negara mereka, pergolakan-pergolakan politik dan juga etnik dalam negara mereka tidak melibatkan soal kemanusiaan, pembunuhan dan juga penghapusan etnik, itu tidak mengapa kita tidak campur. Akan tetapi apabila sampai ke peringkat begini dan mereka telah keluar merentasi sempadan sampai ke serantau kita, jadi saya kira atas kedudukan strategik negara kita Malaysia sebagai anggota di peringkat antarabangsa, sebagai Anggota Tidak Tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sebagai contoh, anggota OIC, Pengerusi ASEAN dan seumpamanya.

Kedudukan yang bagaimana lagi untuk meletakkan Malaysia begitu strategik, begitu penting dan begitu hebat di peringkat antarabangsa untuk menangani perkara ini secara berkesan, sekali gus memimpin tindakan supaya di peringkat serantau ini mereka serius untuk melihat bahawa perkara-perkara yang seperti ini tidak berlaku.

Jadi, saya mengharapkan sekali lagilah peluang, sudah terlepas satu peluang baru-baru ini di Persidangan ASEAN yang saya lihat tidak dibangkitkan perkara ini. Hanya sekadar berbincang soal keganasan *Islamic State* dan seumpamanya. Akan tetapi kita ada peluang pada bulan Oktober depan mengikut maklumat yang saya peroleh, ada satu Konvensyen ASEAN mengenai Pernerdagangan Manusia (ACTIP) yang akan dijangka berlangsung pada bulan Oktober akan datang.

Saya harap dalam persidangan ini sekali lagi pihak negara kita, pihak kerajaan selaku Pengerusi ASEAN dapat membangkitkan perkara ini dan sekali gus mengemukakan apa yang disebut sebagai Pelan Strategik Serantau yang saya kira perlu kepada satu proses mendokumentasikan secara strategik dan membentuk ia sebagai komitmen bersama di peringkat serantau untuk menangani apa yang dikenali sebagai jenayah terancang yang sedang kita hadapi pada hari ini.

■1630

Memang hari ini kita lihat umum juga tahu bahawa negara kita Malaysia adalah antara negara yang dianggap strategik untuk destinasi dan juga transit kepada aktiviti pernerdagangan manusia terutamanya kalau kita lihat pada info yang dikemukakan oleh umum di peringkat antarabangsa ini, sekitar 70% ke 80% pernerdagangan manusia terutamanya menyasarkan Malaysia sebagai destinasi dan transit ini ialah dalam sektor mengeksploitasi industri seks.

Kemudian, untuk buruh paksa bagi kaum lelaki dan juga untuk pernerdagangan ataupun menjual organ bagi pihak kanak-kanak dan juga bayi. Ini satu perkara yang saya lihat supaya pihak kerajaan mesti berikan perhatian yang serius. Kalau tidak, kita akan dilihat sebagaimana yang disebutkan tadi, sama sahaja dengan kezaliman yang dilakukan oleh Myanmar kepada penduduk mereka kalau itulah sikap yang kita ambil.

Kedua ialah berkait dengan penguatkuasaan bagi mencegah pernerdagangan orang dan juga penyeludupan migran ini. Saya melihat, ini jugalah masalah utama kita ialah soal penguatkuasaan. Kita pandang perkara ini serius, tetapi langkah yang kita ambil tak serius. Kita tahu perkara ini berisiko besar, tinggi tetapi kita tidak pernah mengambil satu langkah yang menunjukkan bahawa kita menganggap ini adalah benar-benar serius. Seperti tidak ada simpati kepada nasib yang dialami oleh mereka yang menjadi mangsa dalam jenayah seperti ini.

Sedangkan kita tahu apa yang diajar oleh Allah kepada kita. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran] “Sesungguhnya Kami telah muliakan Bani Adam ini”. [Membaca sepotong ayat Al-Quran] “Dan Kami telah tanggung mereka untuk menjalani kehidupan di atas daratan dan juga lautan”. [Membaca sepotong ayat Al-Quran]. “Dan Kami telah berikan rezeki kepada mereka dengan perkara-perkara yang baik yang ada di atas muka bumi sebagai hasil maksum untuk mereka]. [Membaca sepotong ayat Al-Quran]. “Dan Kami telah memuliakan mereka dengan satu kemuliaan yang begitu banyak mengatasi seluruh makhluk-makhluk lain yang telah Kami ciptakan”.* Artinya kedudukan manusia di sisi Allah, Tuhan Yang Maha Mencipta ini adalah terlalu tinggi, terlalu mulia. Akan tetapi kita kadang-kadang membiarkan sahaja.

Tadi saya dengar maklumat yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Padang Besar, Yang Berhormat Kuantan dan juga rakan-rakan yang lain, bagaimana mangsa Rohingya yang berada di lautan sekarang, yang sudah tentunya mereka sangat memerlukan satu tindakan perikemanusiaan yang jelas daripada kita. Sementara kita masih lagi bermain dengan undang-undang, bermain dengan akta, bermain dengan pindaan, sedangkan mereka sedang bergelut dengan nyawa mereka di tengah-tengah lautan.

Jadi saya harap soal tindakan, soal pemerksaan, soal penguatkuasaan dan juga soal tindakan ke atas isu-isu seperti ini untuk kita dapat tangani dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya hendak sedikit, dalam kes ini saya lihat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Pasir Mas bangun. Yang Berhormat Pasir Mas, sudah.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]: Terima kasih Yang Berhormat Temerloh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]: Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya mohon, adakah Yang Berhormat Temerloh bersetuju kalau saya tambah sedikit berkenaan dengan tanggungjawab kita sebagai sebuah negara umat Islam. Kita ambil sejarah Nabi Muhammad SAW, cerita bagaimana Rasulullah telah memilih Habsyah untuk para sahabat baginda berhijrah selepas mendapat tekanan di Kota Mekah. Habsyah adalah sebuah negara Kristian. Apabila kerajaan Habsyah menerima para sahabat yang berhijrah, Rasulullah telah memuji sampai akhir betapa tindakan negara Habsyah yang beragama Kristian itu adalah satu tindakan yang begitu dimuliakan.

Kemudian baginda sendiri adalah pelarian daripada Kota Mekah. Minta maaf kalau saya sebut perkataan pelarian. Akibat ditekan dan dipaksa keluar oleh rakyat, keluarga baginda sendiri di Kota Mekah. Allah Taala telah memuji kaum Ansar yang berada di Madinah. [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Kaum Ansar dipuji kerana menyambut kehadiran pelarian daripada Mekah. Inilah dasar sebuah negara umat Islam.

Jadi saya harap ini menjadi peringatan yang besar kepada kerajaan yang masih berdolak-dalik, lambat sangat untuk memberi pertolongan kepada manusia ataupun rakyat yang dipaksa keluar daripada negara mereka dan datang ke negara kita. Kita kena ingat, bersama bangsa Rohingya dan bangsa yang dipaksa keluar daripada mereka ini, bukan malapetaka yang mereka bawa, tetapi bersama mereka adalah rahmat Allah Taala. Terima kasih.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Tuan Yang di-Pertua, saya kira masukkan ucapan Yang Berhormat Pasir Mas itu dalam ucapan saya, *insya-Allah*. Saya lihat satu lagi ialah berkaitan dengan penguatkuasaan yang saya sebutkan tadi. Statistik Kementerian Dalam Negeri, dalam jumlah kes antara 2008 ke 2012, kita dapati ada 591 kes pemerdagangan manusia dalam negara kita. Jumlah tangkapan itu telah dilakukan sebanyak 797 kes. Sementara penyeludupan migran pula ialah sebanyak 1,029 kes. Ini statistik yang saya ambil daripada Kementerian Dalam Negeri.

Peningkatan ini rata-rata pihak penyelidik dan analisa terutama daripada NGO, ia menganggap bahawa ia adalah berpunca daripada kelemahan penguatkuasaan. Ia melibatkan banyak faktor dan juga banyak sektor, yang terutama yang saya sebut tadi ialah soal eksploitasi industri seksual. Kemudian yang kedua berkaitan dengan buruh terikat, buruh yang dipaksa bekerja melampaui masa dan keupayaan yang ada pada mereka. Kemudian yang ketiga, soal perhambaan domestik yang dilakukan secara paksa. Kemudian yang keempat ialah pemindahan organ di kalangan kanak-kanak dan juga bayi.

Jadi perlunya melihat gandakan penguatkuasaan ini. Satu *indicator* kegagalan penguatkuasaan ini juga ialah apabila berlakunya kebanjiran pendatang tanpa izin dalam negara kita yang mana akhirnya meletakkan Malaysia sangat terdedah kepada aktiviti pemerdagangan manusia ini. Laporan Pemerdagangan Orang tahun 2014 juga sebagaimana disebut, saya dengar tadi Yang Berhormat Permatang Pauh juga dan beberapa rakan yang lain menyebut tentang penurunan taraf Malaysia daripada *tier 1* kepada *tier 3* yang saya kira ini bukti menunjukkan bahawa kaedah, pendekatan yang diambil oleh negara kita Malaysia selama ini, tidak berkesan. Malah tidak melepasi pun standard minimum untuk menangani isu ini. Jadi sebagaimana yang dikehendaki oleh Akta Pemerdagangan Orang tahun 2000 yang lalu.

Jadi saya harap, sungguh-sungguh seriuslah pihak kerajaan setelah kita menyedari. Saya kira ini bukan soal kerajaan atau pembangkang tetapi ini soal kemanusiaan melibatkan kesedaran dan keinsafan semua pihak daripada kalangan kita. Perlu kita menyedari bahawa tidak sekadar untuk kita meminda akta ini tetapi mestilah disusuli dengan tindakan berkesan, penguatkuasaan yang berkesan daripada pihak kerajaan.

Jadi saya kira itulah pandangan saya. *Wallahu'alam. Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bagan Serai.

4.38 ptg.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: *[Membaca sepotong ayat Al-Quran] Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabaraktuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk sama-sama membahaskan rang undang-undang ini iaitu Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007. Jadi kita lihat Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu isu yang sangat kompleks yang melibatkan pelbagai pihak dengan di rantaian pemerdagangan ini. Ini satu isu yang global yang mana Malaysia pula terlibat dan Malaysia merupakan satu destinasi popular pula.

Malaysia ini popular, kerana mungkin disebabkan oleh faktor-faktor ekonomi, banyak pekerja-pekerja asing daripada pelbagai tempat yang hadir ke Malaysia. Malaysia juga merupakan sebagai satu negara transit pemerdagangan orang ini. Iaitu satu hab kumpulan pekerja yang terdedah dengan mangsa pemerdagangan seks dan buruh dan sebagainya.

Kita lihat isu-isu ini telah lama berlaku, dan kita lihat banyak juga mereka yang masuk ke negara ini melalui pas yang sah. Seperti warga asing masuk dengan pas lawatan Malaysia dan pas pelajar dan pas pekerja. Banyak kejadian-kejadian.

Saya pernah lihat seorang kawan beritahu, yang datang bekerja di rumah dia. Semasa dia tidak ada di rumah, orang asing ini pun tidak ada di rumah.

■1640

Ada sindiket yang kutip dia, bawa pergi mengurut dekat tempat lain. Jadi dia buat *massage* pula. Dia ada *special mission* dia. Dia ada *part time* dia pula. Jadi bila balik, tuan rumah balik, dia pun balik. Jadi ini yang terjadi.

Ada satu kes lagi saya lihat, saya dengar daripada seorang kawan. Pekerja asing datang, janji tunggu di *airport*, sampai di *airport* lesap. Oh, sudah kena curi, sudah kena kebas. Dia sudah keluar tidak tahu di mana, tidak dapat cari lagi. Jadi ini mungkin kita tidak terkesan kerana banyak benda yang jadi tetapi tidak diketahui.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan perairan negara kita menjadi tumpuan sindiket untuk melakukan gerak kerja ini. Penyeludupan manusia untuk dibawa ke sini. Meskipun kawasan kita ini dikawal rapi dan rondaan dilakukan tetapi masih terdapat kes-kes penyeludupan berlaku. Pada tahun 2012, sebanyak 44 kes direkodkan dengan jumlah penyeludupan migran sebanyak 495 orang dan tangkapan seramai 56 orang. Saya juga melihat statistik pemerdagangan orang dari tahun 2008 hingga 2012. Sehingga peningkatan ini, menunjukkan jumlah kes pada 2008 adalah 17, tahun 2012 adalah 174, dan berjumlah 591. Jumlah tangkapan pula pada 2008 hanya 20, dan kini pada 2012 sebanyak 206, berjumlah 797. Kita lihat jumlah mangsa yang perintah perlindungan sementara berjumlah 3,363.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan statistik kes penyeludupan migran. Jumlah kesnya meningkat daripada 2010 ialah 3 kes kepada 44 pada tahun 2012. Jumlah penyeludupan migran akhirnya berjumlah melebihi 1,000 orang. Jadi ini satu statistik yang tidak bagus. Satu statistik yang membimbangkan. Satu statistik yang kita tidak boleh tengok sahaja macam itu. Mengapakah hal seperti ini berlaku? Apakah penguatkuasaan yang dilakukan oleh penguat kuasa yang terlibat tidak berkesan?

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan harus melihat satu *urgency* di sini, dengan izin. Semua agensi-agensi yang terlibat sepatutnya Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) berdiri kuat dan terus melihat bagaimana untuk melihat perkara-perkara yang perlu dilakukan, contohnya membuat program-program untuk menyedarkan masyarakat supaya peka dengan keadaan-keadaan begini. Kita lihat macam kes yang saya beritahu tadi, ada orang hilang dari rumah pergi buat program lain. Ini ada satu sindiket yang mengutip keuntungan, yang mengaut keuntungan daripada pemerdagangan manusia dan mereka ini adalah mereka yang amat-amat teraniaya. Jadi kesedaran rakyat dan masyarakat hari ini penting juga supaya mereka dapat melaporkan dan merekodkan kepada agensi-agensi yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat begini. Pemerdagangan manusia ini merupakan seperkara yang telah saya dengar dan telah dibahaskan tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuala Selangor bangun.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Silakan.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bagan serai. Saya begitu teruja bila mendengar statistik yang Yang Berhormat Bagan Serai telah bangkitkan mengenai isu pemerdagangan manusia terutama sekali dalam kes-kes negara kita. Saya fikir dari segi akta, begitu cantik. Begitu juga dengan pindaan yang akan diluluskan pada petang ini sudah tentunya memungkinkan satu kaedah dari segi perjalanan akta yang begitu cantik.

Cuma saya lihat dari segi penguatkuasaan, kerana saya fikir sejak dahulu lagi, perkara ini berulang-ulang kali telah dibangkitkan sehingga menyebabkan keluh-kesah dan juga Jabatan Negara Amerika Syarikat telah menjadikan Malaysia daripada *tier 2* ke *tier 3* disebabkan jumlah statistik ini, mungkin. Jadi saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat Bagan serai, adakah sudah sampai masanya di peringkat kerajaan khususnya kementerian, untuk menaik taraf segala bentuk sistem mungkin dari segi pengkomputeran dan sebagainya.

Seperti saya lihat kita mengambil contoh negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Australia dan sebagainya bagaimana kaedah mereka mengawal sempadan masuk negara kita, bukan hanya dari segi lautan tetapi juga lapangan terbang kita termasuk juga dari segi pintu-pintu sempadan kita supaya setiap kemasukan itu ada rekodnya dan setiap perjalanan manusia antarabangsa itu perlu ada pengawasan khususnya dengan rekod yang ada dalam negara kita. Terima kasih.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Saya sangat setuju dengan pencilahan ini. Mohon dimasukkan dalam perbahasan saya.

Tuan Yang di-Pertua, pemerdagangan manusia ini juga melibatkan kanak-kanak kita lihat tadi. Isu mengambil organ-organ ini. Di sesi yang lepas, saya lihat ada beberapa orang yang di luar Dewan Parlimen ini, membuka *table* untuk menyeru supaya Ahli-ahli Parlimen bersedia untuk mendermakan organ. Saya tidak tahu berapa ramai di antara kita yang sanggup mendermakan organ. Ada yang lalu tengok, "*Aik, derma organ?*". Saya tidak mahu nanti – ada yang saya dengarlah, dekat akhirat nanti saya datang organ tidak ada, mata tidak ada, jantung tidak ada. Saya tak nak masuk syurga organ tak ada, kata dia. Akan tetapi saya tanya dia, "*You confident kah masuk syurga?*"

Ada yang takut, "*Eh tak ada, kalau ambil organ nanti saya rasa sakit*", kata dia. Sakitnya saya. Dia ingat dia ambil organ ini hidup-hidup, ataupun dia ambil organ secara sedar. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, kes kanak-kanak yang dicungkil matanya, yang diambil hatinya dan dicungkil jantungnya secara inilah pemerdagangan orang. Sama ada

kanak-kanak itu hidup lepas itu tidak apa, mati pun tidak apa. Tidak ada apa-apa yang diperlukan. Kita lihat beginilah kekejaman yang sedang berlaku hari ini. Setakat ini...

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Yang Berhormat Bagan Serai.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Silakan Yang Berhormat Jerantut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Jerantut.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin turut sama dalam perbahasan Yang Berhormat Bagan Serai ini sekadar untuk menambahkan lagi pengukuhan Yang Berhormat Bagan Serai sama ada bersetuju atau tidak bahawa jenayah penyeludupan bayi dan kanak-kanak ini merupakan perniagaan yang terbesar dan boleh membawa pulangan dan hasil. Kalau mengikut Pertubuhan Buruh Sedunia telah menyatakan bahawa *business* ini menghasilkan RM48 bilion dari segi nilai perniagaannya dan merupakan ketiga selepas aktiviti penyeludupan dadah dan senjata.

Tidak terkecuali juga bagi saya, bukan sahaja penyeludupan bayi dan kanak-kanak dari luar ke negara kita tetapi juga bagaimana dengan pemerdagangan bayi dan juga kanak-kanak dalam negara kita sendiri. Mungkin kita nanti terlepas pandang, kita melihat bahawa urusan pemerdagangan orang di peringkat antarabangsa dari luar masuk ke dalam negara sedangkan di dalam negara kita juga mungkin berlaku pemerdagangan manusia ataupun pemerdagangan bayi dan kanak-kanak yang mungkin meliputi keluarga mereka sendiri. Apa pandangan Yang Berhormat Bagan Serai?

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Jerantut. Itu satu lagi kebimbangan yang patut diambil kira kerana kita lihat ada juga kes-kes yang melibatkan anak hilang, anak pergi sekolah, anak tidak balik sekolah. Anak pergi ke sekolah kita tunggu di rumah, anak tidak sampai di rumah. Ke mana pergi? Kita dapat lihat beberapa kes yang akhirnya jumpa dan mungkin nanti satu hari akan ada yang tidak jumpa. Tiba-tiba anak sudah tidak ada, ataupun organnya tidak ada. Jadi ini satu perkara yang juga harus difikirkan.

Tuan Yang di-Pertua, jadi setakat ini apakah tindakan serta langkah yang diguna pakai yang telah ditambah baik oleh kementerian dalam mengekang gejala yang tidak bermoral ini? Kita lihat hari ini berdasarkan laporan yang dikeluarkan saya ingin bacakan sekali lagi, Laporan Pemerdagangan Orang 2014 oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat bahawa Malaysia diturunkan, *downgraded* kedudukan kepada ketiga senarai pemerhatian, *tier 3 watch list* atas gagal mematuhi sepenuhnya, standard minimum bagi

menghapuskan pemerdagangan manusia di bawah Akta Perlindungan Mangsa Pemerdagangan Orang Amerika 2000. Jadi Malaysia dilihat tidak cukup kuat usaha untuk tiga aspek iaitu pendakwaan, perlindungan dan pencegahan.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya fikir dan berpendapat kerajaan patut menambahkan usaha untuk mencegah dan memerangi pemerdagangan dan penyeludupan migran dan memastikan perlindungan sepenuhnya dan bantuan diberi kepada mangsa di semua peringkat selaras dengan standard antarabangsa yang ditetapkan oleh protokol Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk mencegah, menyekat dan menghukum terutama yang melibatkan wanita dan kanak-kanak.

■1650

Tuan Yang di-Pertua, aktiviti jenayah ini mesti ditangani dengan cepat dan sindiket profesional ini harus dilihat secara menyeluruh dan dibanteras dengan secepatnya kerana ini boleh menjejaskan imej negara, boleh menjejaskan nama baik negara di mata dunia. Kita lihat hari ini Malaysia sedang berusaha untuk menjadi negara maju berpendapatan tinggi, kita sedang fikir bagaimana semua rakyat dapat menikmati kehidupan yang baik, pelaburan yang datang, perdagangan yang datang, tetapi dengan berita-berita yang tidak menggembirakan ini boleh menjejaskan reputasi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, usaha kerajaan untuk mengekang tindakan serta langkah-langkah yang dirangka ini harap dapat mengurangkan masalah-masalah yang akan timbul disebabkan jenayah ini. Saya ingin mencadangkan, perlu membuat penerangan secara menyeluruh atau mendefinisikan kembali perdagangan manusia itu sendiri kerana kurangnya pemahaman masyarakat mengenai perkara yang mengakibatkan perkara-perkara menjadi lebih buruk lagi. Jadi dengan bantuan dan pertolongan daripada masyarakat umum sedikit sebanyak dapat membantu membanteras gejala ini.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini isu Rohingya, isu pelarian dan isu yang boleh juga menggugat negara kita kerana seperti yang dibahaskan oleh ramai Ahli Yang Berhormat, kita adalah Pengerusi ASEAN. Ini cerita kemanusiaan. Ini cerita orang-orang yang boleh mati kalau tidak ditolong. Ini perlu dilakukan secepatnya. *This is an emergency, this is an emergency* kerana orang sudah ada di atas laut.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kalau kita tengok kucing pun, kalau kucing datang depan rumah kita ataupun kucing di tengah jalan raya, kucing itu patah kaki berjalan terhincut-hincut ataupun kucing itu kucing buta ataupun kucing itu kucing yang banyak kudis, kita ini manusia hendak tengok pun tidak sanggup apatah lagi kalau manusia-manusia yang lain.

Saya yakin kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah tentu akan melakukan perkara yang terbaik dan sebijaknya untuk menolong manusia. Saya yakin kerajaan akan buat cepat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bukit Katil bangun.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Kita tidak perlu tunggu bulan sepuluh. Tadi saya dengar pada 7 Oktober, ada mesyuarat ASEAN. Eh, lama sangat itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bagan Serai, dua yang bangun. Yang Berhormat Bukit Katil dan Yang Berhormat Kapar.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Bukit Katil.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Bukit Katil.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Duduk sama rendah, berdiri saya tinggi sedikit.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: *Sorry* pemuda Kapar.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Yang Berhormat Bagan Serai, saya agak ingin memberikan pandangan yang agak kritikal. Saya fikir dalam konteks ini Yang Berhormat Bagan Serai tepat dengan menyatakan bahawa kerajaan mesti mengambil tindakan yang segera.

Oleh sebab itu pagi tadi apabila usul Yang Berhormat Sungai Siput tidak dibenarkan, itu menimbulkan sedikit masalah kepada Ahli-ahli Parlimen sebab usul itu adalah untuk membahaskan berkaitan dengan rakyat, 8,000 orang hanyut di lautan. Ini bukan kucing seperti Yang Berhormat sebutkan tadi, ini rakyat, manusia. Sebab itu dalam konteks ini, apakah Yang Berhormat Bagan Serai bersetuju bahawa kita minta supaya kerajaan menyatakan ketetapan dengan kadar yang segera sebab kita adalah Pengerusi ASEAN tetapi yang ironinya, yang membuat pengumuman lebih awal untuk menerima mereka antaranya Indonesia dan juga Filipina. Malaysia masih lagi senyap walaupun kita tahu ini adalah perkara yang cukup serius seperti mana Yang Berhormat sebutkan tadi.

Juga, Malaysia sendiri adalah merupakan rakan dagang yang ketujuh terbesar bagi *Myanmar*. Kalau ikut rekod, mungkin Yang Berhormat Jeli boleh sahkan kerana saya baca kenyataannya di BERNAMA. Tahun 2014 sahaja, rekod kita perdagangan USD1.65

bilion. Jadi sewajarnya kita gunakan itu untuk memberikan tekanan terhadap *Myanmar* dan mungkin dalam konteks ini Yang Berhormat Kimanis pun masuk dalam sebagai Menteri Luar boleh memberikan suatu penegasan supaya kita menyatakan dengan tegas, *this is human problem, we must solve it, we must give leadership to this problem*. Terima kasih.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Saya memang setuju. Ini isu kemanusiaan, ini isu nyawa manusia. Dan kita sudah ada ASEAN dan ASEAN nak pergi jadi komuniti ASEAN. Inilah cabaran pertama sebenarnya. Inilah perkara yang patut dilihat, satu agensi seperti yang saya katakan tadi yang akan memberikan gambaran yang lebih baik tentang negara kita kepada mata dunia. Jadi saya yakin seperti yang saya sebutkan tadi, dengan kebijaksanaan kepentingan manusia, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan membuat satu keputusan yang terbaik untuk negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengakhiri dengan menyebut...

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Yang Berhormat Bagan Serai.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: ...Beberapa perkara...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Setiawangsa bangun.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Yang Berhormat Bagan Serai, saya tengok bahawa isu Yang Berhormat Bukit Katil bawa itu serius dalam erti kata ia masalah yang terkini, dekat dan harus diselesaikan untuk sementara ini. Akan tetapi untuk jangka masa panjang, bagaimana dalam masa yang sama kita menyelesaikan masalah ini tetapi dalam masa yang sama juga tidak memberikan gambaran bahawa tempat ini mudah untuk didatangi? Itu yang pertama.

Kedua, bagaimana tentang 120,000 hingga 150,000 orang Rohingya yang telah berada di dalam negara ini? Adakah Yang Berhormat Bagan Serai bersetuju bahawa *United Nations compel*, memaksa *Myanmar* dan Bangladesh segera ini untuk menyelesaikan kerana masalah mereka telah menjadi bebanan kepada kerajaan kita sedangkan ini masalah mereka. Bagaimana pandangan Yang Berhormat Bagan Serai?

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Ya, saya sangat bersetuju dengan kenyataan itu sebab ini adalah masalah mereka sebenarnya dan ini adalah masalah sejagat, masalah dunia sebenarnya. Jadi *United Nations* mengambil bahagian, Bangladesh, *Myanmar* dan juga ASEAN sebab benda ini berlaku di sini, jadi kita sama-sama. Ini bukan isu untuk kita tuduh menuduh, ini bukan isu untuk sesiapa yang lemah,

kepimpinan yang lemah, itu bukan isunya. Isunya adalah bersama-sama. Pada masa inilah sepatutnya kita bersatu padu, berfikir bersama-sama bagaimana untuk menyelamatkan satu nyawa, menyelamatkan nyawa yang sedang terancam. Ini yang sepatutnya kita lakukan. Ini menunjukkan kita ada kesedaran yang tinggi. Saya bersyukur kalau semua pihak yang berkepentingan, pihak-pihak yang terlibat duduk semeja bulat, duduk cepat-cepat dan bertindak untuk menyelamatkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengakhiri dengan menyatakan kerajaan sepatutnya lebih proaktif dan patut ada koordinasi yang lebih baik antara agensi-agensi dan undang-undang perlu diperketat. Tadi kita lihat sudah lama tetapi masih terlepas lagi. Perkara pemerdagangan dan penyeludupan migran ini masih meningkat lagi. Jadi kita lihat gejala-gejala, masalah-masalah yang akan timbul, banyak juga masalah sosial, masalah kesihatan, masalah penyakit yang mereka bawa, masalah keselamatan, masalah yang kita bimbang dengan isu penglibatan dengan militan IS dan sebagainya akan memudaratkan negara kita. Jadi, proaktif, koordinasi dan penyelarasan antara semua peringkat, pertahanan, imigresen, polis, kastam, pihak berkuasa tempatan dan undang-undang yang diperketat.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Batu.

4.57 ptg.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya nampak Yang Berhormat Batu minta bagi laluan kepada Yang Berhormat Kuala Langat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tidak apa, Yang Berhormat Kuala Langat boleh mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Pertama sekali saya ingin menyatakan pendirian bahawa isu ini adalah isu yang tidak ada batas perbezaan politik. Kita ingin menyatakan sokongan sepenuhnya kepada kerajaan atas usaha untuk membanteras isu pemerdagangan manusia ini. Fakta di depan kita ialah kita telah jatuh daripada *tier 2* ke *tier 3* dan ini memberikan rangsangan kepada kita, semua pihak harus memandang serius dalam perkara ini.

Sementara kita mengalu-alukan undang-undang ini, tetapi pada masa yang sama, kita harus sedar bahawa isu ini adalah sangat kompleks dan tidak mudah ditangani sehingga kita harus ada satu kaedah yang komprehensif. Rasanya dalam isu menangani pemerdagangan manusia ini, secara standard *international* telah menyatakan kita harus ada tiga aspek. Pertama sekali pendakwaan daripada segi perundangan, *persecution of the wrongdoers*, penjenayah-penjenayah ini. Kedua iaitu *protection*, perlindungan dan ketiga adalah pencegahan atau *prevention*.

Kita ada *responsibility*, ada tanggungjawab moral untuk membantu dan memandang serius bukan sahaja dari perikemanusiaan kerana kita sedar Malaysia ini sejak sejarahnya, kita adalah tempat sama ada transit atau sasaran bagi banyak suaka politik, pelarian sama ada semasa penindasan penjajah Belanda terhadap kumpulan Aceh, Mandailing atau Minang, inilah tempat kita.

■1700

Inilah tempat kita dari masyarakat Cina atau India. Ramai di kalangan kita berasal daripada *forced labor* yang akibat daripada perdagangan manusia. Pada masa yang sama, apabila kita sebut bahawa negara kita sebagai sebuah negara yang berperlembagaan, negara yang berdasarkan kepada ajaran Islam. Saya ingin petik dalam satu ayat Quran berdasarkan kepada surah At-Taubah ayat 96, di mana telah meletakkan garis panduan untuk orang-orang yang meminta panduan, dalam bahasa moden kita panggil mereka pelarian. Akan tetapi dalam surah At-Taubah ayat 96 telah menyatakan, “*Jika seseorang di antara orang-orang yang musyrikin itu meminta perlindungan daripadamu, maka lindunglah ia supaya ia sempat mendengar firman Allah kemudian hantarliah ia ke tempat yang aman baginya*”.

Inilah *standard operation procedure* dalam Al-Quran bagi seseorang ini untuk meminta lindungan. Kita harus mengingati bahawa bukan sahaja kita harus menghukum kepada penjenayah tetapi yang penting kita harus mengiktiraf masalahnya. Apa maksudnya daripada segi definisinya mahu pun pelarian atau orang yang telah didagang ke sesuatu tempat. Ia berbeza dengan orang-orang yang datang secara baik mahupun secara *legal*, secara mengikut undang-undang atau tidak mengikut undang-undang. Akan tetapi pelarian atau mangsa yang diperdagangkan, mereka tidak datang dengan keupayaan bebas. *They are not coming here on free-will*. Mereka dipaksa dan dikuasai sama ada kerana keadaan yang begitu mendesak sehingga mereka terpaksa melarikan diri atau kerana mereka tidak ada pilihan yang lain.

Saya harap untuk langkah pertama kita menyelesaikan masalah ini adalah kita mengiktiraf kedudukan pelarian itu, dalam bahasa Inggeris ialah *refugee*. Kita tadi sebut

tentang tanggungjawab antarabangsa. Kita telah menyatakan kita harus seru kepada Bangsa-bangsa Bersatu untuk mengambil tindakan membantu Malaysia. Akan tetapi Bangsa-bangsa Bersatu telah meletakkan *Convention Refugees* dan telah disyorkan kepada semua negara supaya kita ikut prosedur yang sama. Kalau kita ingin melihat tindakan yang begitu berkesan datang daripada PBB, terpaksa kita buat sesuatu sendiri.

So, itu lah sebab saya ingin cadangkan kerajaan harus menimbang serius untuk menangani UN *Refugees Convention* ini. Salah satu penghalang kepada usaha antarabangsa untuk membantu kita ialah tanpa satu *legal framework* yang dipersetujui oleh semua. Kita masih ingat pada tahun 2011, di mana Australia telah menandatangani dengan Malaysia untuk menangani suaka politik dengan cara meletakkan *transit point* yang diuruskan oleh Australia dan mereka di sini, Malaysia akan *screen through* siapakah peminta suaka yang *legitimate* dan kemudian akan diterima di Australia sebagai tempat sasaran mereka. Akan tetapi itu gagal. Salah satu penghalangnya ialah kerana Malaysia tidak tandatangani *Refugees Convention* dan tidak membenarkan, Australia tidak dibenarkan untuk meletakkan *processing camp* atau usaha untuk melakukan sesuatu ini di dalam keadaan yang tidak ada perlindungan yang secara komprehensif di bawah *Refugees Convention*.

Kita juga ingin harus meletakkan satu program jangka panjang kerana sungguh pun perkara ini mendesak. Ramai kata kalau kita tergesa-gesa, hanya meletakkan kem sahaja, ini akan mengundang lebih ramai yang datang. Mungkin betul, mungkin tidak. Akan tetapi apa yang penting, sebelum kita meletakkan sesuatu usaha, kita harus belajar daripada pengalaman yang lain. Kita harus mempunyai satu prosedur yang sangat jelas supaya semua pihak, mahupun masyarakat atau pihak keselamatan kita atau pihak-pihak NGO kita, tahu apakah cara kita menanganinya. Kita tidak boleh sahaja— saya dengar semalam apabila Yang Berhormat Menteri jawab bahawa kita juga berperikemanusiaan, kita bagi makanan. Kita bagi mereka air. Lepas itu kita tolak mereka balik ke laut supaya mereka cari tempat lain. Itu bukan caranya kerana ia sama seperti kita membuang mereka kembali kepada— dalam keadaan yang sangat berisiko.

Kita juga sedar bahawa negara kita juga rakyat tempatan sensitif. Mungkin mereka takut ramai yang datang ke sini tidak kembali dan juga menjadi beban ekonomi kepada negara kita yang sekarang sudah banyak berhutang. Itulah sebab kita harus mempunyai *guidelines* atau panduan yang ketat, yang tersusun iaitu kita berusaha di bawah rangka UNHCR, di mana *Refugees Convention* ini menjadi panduan dan kita juga ikut. Dalam pada itu, kita harus ingat dan juga memberitahu rakyat kita bahawa kita bukan sahaja

memberi perlindungan dari segi makanan dan lain-lainnya tetapi kita harus meletakkan mekanisme supaya negara-negara lain yang ingin mengambil pelarian ini sebagai warga negara mereka, boleh ikut.

Kita juga, sementara ini kita tidak boleh tolak mereka ini— terpaksa bekerja, terpaksa diberi makanan. Mereka terpaksa ada mata pencarian, di mana di sini saya ingin syorkan, kita terpaksa bagi peluang pekerjaan kepada mereka. Sekarang masalah Rohingya dan juga migran-migran yang lain yang ada masalah di sini. Oleh kerana daripada segi undang-undang, mereka tidak patut bekerja. Mereka tidak boleh mengambil, mencari pendapatan. Akan tetapi secara realistiknya, kita tahu mereka hidup di sini mereka kena ada punca pendapatan. Itulah sebab kita hidup dalam satu keadaan yang kita *deny*. Kita *deny* mereka ada di sini dan kita membenarkan UN bagi mereka UN *certificate* dan membolehkan mereka tidak ditangkap oleh polis.

Akan tetapi pada masa yang sama, kita tidak *regulate* apakah pekerjaan yang kita boleh bagi kepada mereka. Pada masa yang sama, kita tidak daftarkan mereka supaya kita tahu saiz *population* yang ada. Ini kita boleh kurangkan pengimportan buruh dari negara-negara asing dan dengan mengambil kira berapa ramai suaka politik atau berapa ramai pelarian yang sudah ada di sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli Yang Berhormat Kapar.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Yang Berhormat Batu. Merujuk kepada seksyen 11, ia memang ditekankan untuk memberi kebenaran untuk mereka bekerja. Akan tetapi saya hendak bawa satu asas juga, sebab kanak-kanak dan anak muda pun terlibat bersama. Akan tetapi tiada penekanan diberikan untuk pendidikan. Saya rasa pendidikan juga perlu dimasukkan sekali kerana kanak-kanak ini kalau tiada pendidikan, dalam suatu masa yang terdekat, mereka akan membawa gejala-gejala sosial dan menimbulkan pelbagai masalah.

■1710

Di sini kita nampak secara menyeluruh pindaan akta ini menyentuh tentang pekerjaan dan bagi mereka bekerja dan sebagainya tetapi dari sudut pendidikan, saya tidak nampak sebarang sentuhan. Saya cadangkan kementerian mengkaji bahagian ini dari sudut pendidikan juga. Pendapat Yang Berhormat Batu, terima kasih.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya setuju. Saya agak ini seharusnya diambil kira kerana sungguhpun dalam akta ini kita tidak sebut tetapi kita adalah *signatory* kepada satu konvensyen *Rights of the Child*. So, itu yang menjadi satu masalah yang besar kalau kita ikut kaedah yang ada sekarang, anak-anak yang *stateless*

ini menjadi mangsa dan dari segi jangka panjang ia merupakan ancaman kepada keselamatan negara masyarakat kita.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Batu, boleh minta sedikit penjelasan.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Penampang.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Batu, setujukah Yang Berhormat Batu bahawa *stateless children* ini ada masalah yang berbeza di Sabah. Di Sabah, permintaan rakyat Sabah adalah sepatutnya *stateless children* ini diberikan pelajaran di mana negara asal ataupun negara yang kita boleh ketahui asal mereka mesti *contribute* kepada ekonomi di Sabah dan juga kepada sekolah-sekolah di Sabah ini.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Okey. Sebenarnya saya ingin sentuh perkara ini. Saya ingin ambil dua contoh yang dekat dengan kita dan kita lihat kegagalan perkara ini yang menjadi masalah bagi kita dan tidak mudah kita selesaikan sungguhpun berpuluh-puluh tahun. Kita ambil contoh yang kita uruskan selain daripada isu *boat people* dari Vietnam. Ini mungkin saya tidak kata ia adalah satu contoh yang *perfect* tetapi dalam segi menangani pelarian dari Vietnam, kita telah belajar, kita terpaksa sediakan kementerian, kita terpaksa membawa isu ini di dalam UN, kita terpaksa berunding dengan negara-negara Barat untuk menguruskan mereka supaya mereka boleh diambil ke negara lain. Akhir sekali kita berunding dengan Vietnam untuk menyelesaikan masalah termasuk memasukkan Vietnam dalam ASEAN dan kita berusaha untuk meningkatkan ekonomi.

Akhirnya, sungguhpun 20 tahun yang agak traumatik bagi negara kita dan juga negara-negara jiran, akhirnya masalah Vietnam meninggalkan simptom-simptom yang negatif kepada masyarakat kita.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: [Bangun]

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Akan tetapi oleh kerana – nanti saya habiskan. Akan tetapi dari segi masalah perang saudara dalam di Filipina, kita ambil sikap kita *denied*. Tidak ada masalah di... datang ke Filipina. Atas nama persahabatan, kita tidak mengiktiraf mereka yang lari dari Filipina ini adalah pelarian. Kita tidak *registered* mereka sebagai *refugee*. Kita secara pragmatis, saya tidak mahu tuduh siapa-siapa, kita menyerap mereka dalam masyarakat kita dengan tidak sepenuhnya kerana kita tidak tahu apa hendak berlaku. Biarlah mereka ada di sini. Bila hendak undi,

mungkin cari mereka untuk bantu. Akan tetapi tidak kita menyelesaikannya sebagai satu *problem* yang kita *recognized*.

Itulah sebab secara teknikal kerajaan harus cari dana atau lain-lain untuk menanggung bebanan ini. Akan tetapi sekurang-kurangnya, *at least I think we have to start* dengan mengiktiraf ada masalahnya. Kalau kita tidak lakukan dengan isu Rohingya ini, dia akan jadi satu masalah yang kita hadapi di Sabah dan itulah sebab saya rasa kita tidak boleh pandang remeh dan kita juga jangan melihat sebagai ia satu isu yang agak *moralistic*. Ini adalah isu etika kerana kita hendak berbaik atau menunjukkan kemanusiaan. Kita menghormati hak asasi manusia. Akan tetapi dia melebihi daripada itu kerana kalau kita tidak menangani dengan baik, akhirnya yang akan ditimpa musibah ini adalah negara kita.

Kita tidak boleh lakukan apa-apa selain daripada *face the reality* kerana kita menduduki satu kedudukan geografi yang begitu rumit sekali yang datang dari Timur Tengah. Kalau tidak kita kawal, dia akan terus datang ke Malaysia, yang datang di *region* ini, di rantau ini, di mana-mana ada peperangan, ada masalah bencana alam, Malaysia merupakan salah satu tempat yang mereka cari suaka. Ini adalah sesuatu yang kita patut banggakan kerana kita kata adalah bumi yang tidak ada bencana. Kita adalah satu ekonomi yang stabil, kita mempunyai rakyat yang *very friendly*, yang baik. Akan tetapi pada masa yang sama kita tidak mahu mengorbankan kemudahan dan kelebihan kita oleh kerana datangnya mereka yang memerlukan perlindungan.

Bagi saya, adalah sangat penting *we face the reality, we handle the situation with proactive measure* dan kita kena *'bite the bullet'* dengan izin. Akhir sekali saya rasa adalah sangat penting, kita telah seperti Yang Berhormat yang lain sebut, kita harus memanfaatkan ASEAN sebagai satu *instrument* yang boleh menyelesaikan masalah. Kita tidak boleh jadikan ASEAN satu forum yang kita berjumpa setiap tahun, pakai baju batik, ambil gambar lepas itu kita balik dengan pelbagai omong-omong kosong yang kita tangani dan akhirnya tidak jadi satu forum yang boleh menyelesaikan masalah. Bagi saya Myanmar telah melepaskan diri selama ini daripada kutukan atau *sanction* ASEAN ini. *If you join as a member, you cannot enjoy all the privileges but you do not face the punishment when you violate it*, dengan izin.

Itulah sebab saya agak satu signal yang keras bukan kepada mangsa, bukan kepada pelarian dengan kita tidak menunjukkan kita hendak bagi tempat mereka untuk dilindungi tetapi *signal* yang kuat itu harus dituju kepada Myanmar kerana rekod hak asasi mereka dan secara sistematik mereka telah menindas kaum Rohingya dan ini mungkin hanya satu permulaan. Hari ini Rohingnya, *tomorrow* Karin, *tomorrow* Karani. Dia

mungkin pelbagai bangsa yang berlaku dan tanda yang keras ini juga harus tidak ada pilih kasih. Dia tidak kira sama ada Indonesia yang menindas orang Aceh atau orang Filipina yang menindas Bangsamoro atau Thailand yang menindas Patani.

Kita pakai standard yang sama dan tidak menjadikan satu peraturan yang harus diikuti oleh semua dan dengan membina satu rantau, satu komuniti ini kita banyak boleh belajar daripada Eropah di mana mereka telah meletakkan hak asasi manusia sebagai satu keutamaan yang harus diikuti oleh semua negara. Oleh sebab itu saya sekali lagi kita mendesak, kerajaan sudah sampai masa kita harus keluar daripada rangka tidak campur tangan ini, *the non intervention*.

Tidak mungkin kita kata tidak ada campur tangan bila hak asasi manusia dilanggar dan pada sedikit yang kita lihat dalam laporan US yang meletakkan kita semua dalam *World Report on Human Trafficking* ini. Dia juga satu usaha yang harus dilakukan oleh ASEAN yang kita meletakkan semua negara dalam satu standard yang sama dan ini bukan campur tangan dari segi politik tetapi ini mengingatkan semua dalam ASEAN, kita ada prinsip dan hak asasi manusia yang harus kita patuhi.

■1720

Dengan itu, saya ingin sekali lagi nyatakan kerelaan pihak kami untuk menyokong undang-undang ini dan mendesak kerajaan untuk melakukan lebih daripada undang-undang. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Lenggong.

5.20 ptg.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana beri peluang kepada saya untuk membaharung undang-undang suatu akta bagi meminda Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Imigran 2007.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa jenayah pemerdagangan manusia ini antara jenayah yang tertua di dunia yang bukan hanya melibatkan sebuah negara. Ia sebenarnya satu jenayah yang melibatkan pelbagai negara dan ia sebenarnya dianggap sebagai satu industri yang bersifat universal. Oleh sebab itu, dalam kita menangani isu pemerdagangan manusia ini, kerjasama pelbagai pihak antara negara perlu dipertingkatkan kerana tidak mungkin kita hanya boleh mengatasinya secara bersendirian.

Kebetulan apabila negara kita telah diangkat menjadi Pengerusi ASEAN, tiba-tiba dikejutkan dengan satu penghijrahan masuk ramai masyarakat Rohingya yang kita akhirnya berada dalam keadaan begitu tertekan kerana kita juga ditekan oleh pelbagai negara yang banyak negara tidak mahu mengambil tanggungjawab, negara mereka sendiri tidak mahu bertanggungjawab tetapi mahu meletakkan kepada negara kita sebagai Pengerusi ASEAN yang ketika ini menerajui ASEAN.

Oleh sebab itu saya lihat bahawa akta yang dikemukakan ketika ini nampaknya bertepatan dengan isu yang sedang kita hadapi. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi bahawa isu ini tidak tertakluk kepada sebuah negara. Kalau kita lihat laporan daripada jabatan negara Amerika Syarikat sendiri, dia menganggarkan bahawa industri ini, pemerdagangan manusia ini, ia melibatkan keuntungan antara sehingga RM3 bilion. Satu angka yang cukup besar dan industri ini bukan satu industri yang tidak menguntungkan. Ia menguntungkan sebenarnya kepada sesetengah pihak. Oleh sebab itu kita mesti menangani isu ini dengan begitu bersungguh-sungguh kerana kita pasti bahawa dalam waktu kita mahu membanteras perkara ini, ada pihak yang mahu mengambil kesempatan dan mahukan keuntungan. Betul Yang Berhormat Kuala Langat?

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Setuju.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Setuju. Oleh sebab itu saya percaya komitmen secara keseluruhan. Saya cukup bangga dalam Dewan ini bahawa kita bercakap isu ini membatasi kepentingan politik masing-masing dan yang penting ialah kita mesti memahami bahawa isu ini sebenarnya berpunca daripada pelbagai faktor. Kalau kita lihat laporan dari Amerika Syarikat sendiri, dia menganggarkan bahawa mangsa yang terlibat dalam industri ini, ia dianggap antara 600,000 hingga 800,000 mangsa. Satu angka yang cukup besar dalam setahun. Saya percaya, angka ini bertambah dari semasa ke semasa kerana ramai sudah meningkatkan lagi pihak yang mengambil kesempatan dan isu-isu lain.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat sebenarnya, mungkin kita kena mencari punca kenapa industri ini berlaku. Ia juga berpunca daripada kemiskinan, soal kesempitan hidup dan ada juga berpunca daripada terpengaruhnya dengan tawaran-tawaran. Saya percaya antara penyebab ramai daripada rakyat Rohingya yang mahu datang ke negara kita kerana mereka melihat bahawa ini negara yang boleh memberikan peluang pekerjaan kepada mereka dan tentunya pihak yang menjadi ejen itu juga menawarkan pelbagai perkara kepada mereka hingga menyebabkan mereka walaupun tahu cabaran yang akan mereka hadapi tetapi mahu juga datang kerana mereka inginkan

sesuatu yang boleh mengubah kehidupan mereka. Tentunya juga, ia berpunca daripada kelemahan daripada segi undang-undang dan sebagainya.

Kalau ini antara puncanya, maka kita harus lihat sebagai Pengerusi ASEAN - saya percaya Yang Berhormat Menteri pun ada dalam Dewan ini, tentu tahu puncanya dan kita mahu menyelesaikannya dan ia tidak boleh diselesaikan oleh negara kita sahaja. Kalau isu ini melibatkan rakyat Rohingya, maka yang perlu menyelesaikan ialah negara Myanmar sendiri. Oleh sebab itu bagaimana kita hendak menyelesaikan isu yang dihadapi oleh negara berkenaan dan tentunya ia melibatkan komitmen bersungguh negara kita terutamanya sebagai Pengerusi ASEAN ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Yang Berhormat Lenggong, saya hendak tanya sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Dalam *constitution* Myanmar ini, dia mengatakan bahawa Rohingya ini bukan rakyat dia. Ini satu isu, bukan kita punya masalah sekarang. Ini masalah antarabangsa. Dalam *constitution* itu sendiri. So, kalau seperti Yang Berhormat Batu beritahu tadi, bahawa dahulu kita pernah ada masalah dengan Vietnam. Akan tetapi masalah Vietnam ini ialah mereka ini bernegara, Rohingya ini tidak. Dalam *constitution* ini *very clear*. Oleh itu, bagaimana isu pokok begini harus kita selesaikan? Nampaknya dalam perbincangan dalam ini, kita meletakkan seolah-olah kita terbeban pula untuk menyelesaikan masalah. Macam mana pandangan Yang Berhormat Lenggong?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Oleh sebab itu saya sebut tadi bahawa isu ini ia tidak boleh ditangani secara bersendirian. Ia mesti melibatkan pelbagai negara terutama sekali negara yang berkepentingan dan terlibat secara langsung. Isu masyarakat Rohingya, kita tahu bahawa Myanmar tidak memperakukan bahawa mereka adalah sebahagian daripada rakyat mereka. Ini bukan isu kecil. Isu ini amat besar dan bukan isu yang berlaku hari ini, tetapi telah pun bertahun-tahun.

Soalnya, saya sebut awal tadi, kita seolah-olah ketika kita menjadi Pengerusi ASEAN dan mungkin atas kredibiliti kita agaknya Yang Berhormat Menteri, bahawa ketika ini kita seolah-olah dibebani dengan isu ini. Sebenarnya isu ini telah lama berlaku. Akan tetapi ketika kita menjadi Pengerusi ASEAN, ramai mereka datang. Barangkali orang Myanmar, Rohingya pun tahu bahawa ini waktu paling sesuai hendak datang ke Malaysia kerana Malaysia ketika ini menjadi Pengerusi ASEAN, agaknya.

Jadi ini cabaran besar kepada kita, cabaran besar kepada Yang Berhormat Menteri Luar. Bagaimana mahu menanganinya? Kerana isu ini bukan boleh kita tangani. Bagaimana kita hendak memaksa, hendak memberi tekanan kepada Myanmar, hendak memaksa mereka supaya bertanggungjawab kepada rakyat ini, satu-satunya kaum yang tidak ada negara? Bayangkan bagaimana? Ini cabaran besar yang saya fikir sebagai...

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Lenggong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Kuala Nerus bangun. Sila.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Hah! Dr., sila.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Terima kasih Yang Berhormat Lenggong, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mendengar ucapan daripada Yang Berhormat Lenggong sebentar tadi, banyak menyebut perkataan beban. Kalau kita anggap Malaysia sebagai negara yang Allah beri nikmat yang begitu banyak, keamanan, kalau kita anggap ia sebagai peluang untuk membuat pahala membantu golongan pelarian, saya rasa ia mengurangkan bebanan perasaan kita. Ertinya kita tukar sudut rasa kita tadi daripada bebanan kepada ini nikmat dan peluang untuk kita buat kebajikan. Apakah pandangan Yang Berhormat Lenggong?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ya Yang Berhormat Kuala Nerus. Saya sebut tadi bahawa ini cabaran kepada kita. Ketika kita dibebani isu ini, ia cabaran kepada kita dan bukan senang kita hendak menghadapinya kerana isu ini bukan baru dan tidak ada negara ketika ini yang mengehendaki rakyat Rohingya ini. Tidak ada. Oleh sebab itu ketika kita dibebani dengan isu besar ini, tentu saya percaya atas keupayaan kita sebagai Pengerusi ASEAN, kita dapat merungkai isu ini. Saya berkeyakinan kalau kita secara bersungguh-sungguh, kalau kita selama ini boleh merungkaikan banyak isu besar yang melibatkan negara kita, negara lain, saya percaya, tengok cara Menteri Luar senyum pun saya rasa dia ada jalan bagaimana kita hendak menyelesaikan masalah ini. Apa yang pentingnya ialah komitmen semua pihak.

Yang Berhormat Kuala Nerus, manakah negara yang hendak Rohingya? Tidak ada ketika ini. Tiada negara yang hendak. Oleh sebab itu bagaimana kita menghadapi ketika kita dibebani dengan isu ini, hendak menghadapi dengan cabaran yang saya percaya cukup besar dan sebab itu saya yakin kalau kita secara bersungguh-sungguh melibatkan semua negara, tidak kiralah - saya setuju juga dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Batu tadi. Kadang-kadang kita di satu ketika memang polisi kita tidak

campur tangan dengan banyak negara atas prinsip dasar luar kita, tetapi kalau ia tidak kita lakukan, tentu masalah ini tidak boleh selesai.

■1730

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Lenggong. Boleh sambung esok ya.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Menteri, ada usul. Sila Menteri.

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 16(3)

Menteri Luar Negeri [Dato' Sri Anifah bin Haji Aman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih. Sila.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

**Kesilapan dan Keciciran Keputusan
Peperiksaan Pertengahan Tahun 2014**

5.30 ptg.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih. Kesilapan dan kecaciran keputusan peperiksaan pertengahan tahun 2014 kepada anak murid bernama Suresh a/l Mohanavari. Bapa dia Mohanavari ada di Dewan hari ini. Terdapat kesalahan dan kecaciran slip keputusan peperiksaan pertengahan tahun Tingkatan 2 untuk tahun 2014 bagi seorang pelajar yang bernama Suresh a/l Mohanavari yang belajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Methodist Tanjung Malim. Untuk makluman, keputusan peperiksaan pertengahan tahun 2014 menunjukkan bahawa Suresh tidak menduduki peperiksaan untuk mata pelajaran Kemahiran Hidup. Ini adalah tidak betul. Ibu bapa Suresh telah melaporkan hal ini kepada pihak sekolah dengan serta-merta namun pihak sekolah tidak dapat membetulkan kesilapan tersebut dengan segera. Ini secara langsung

bukan sahaja mempengaruhi keputusan peperiksaan dan kedudukan dalam kelas Suresh pada peperiksaan pertengahan tahun 2014, ini juga telah mempengaruhi keputusan Suresh dalam peperiksaan penggal terakhir dan kedudukan dalam tingkatan. Ini disebabkan oleh keputusan penggal terakhir termasuk dan meliputi keputusan peperiksaan seluruh tahunan.

Ibu bapa Suresh telah menerima sepucuk surat daripada pihak sekolah yang bertarikh 12 Februari 2015 terhadap aduan di atas. Pihak sekolah mengatakan bahawa masalah kelewatan mencetak semula dan kesilapan tersebut adalah kerana guru mata pelajaran Kemahiran Hidup, Hasbullah bin Yahaya telah berpindah ke sekolah baru di negeri Kedah sebelum keputusan peperiksaan tersebut dikumpul semula dalam sistem SAPS server komputer. Macam mana kesilapan ini boleh dibenarkan tanpa tindakan?

Kedua, masalah sistem SAPS server telah ditutup secara *online* untuk dikemas kini pada masa itu. Oleh itu, slip keputusan tergendala untuk proses percetakan semula. Ketiga, sistem SAPS hanya boleh dibuka oleh guru mata pelajaran Kemahiran Hidup, Hasbullah di mana pin kod hanya diketahuinya. Perkara ini telah menyusahkan perasaan Encik Mohanavari.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:
Menyinggung.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini seumpama, "*Kaca terhempas di atas batu*". Saya berpendapat bahawa alasan yang diberikan oleh pihak sekolah tidak munasabah dan tidak masuk akal langsung. Ini memang mustahil di mana hanya seorang guru yang diberi kuasa mutlak untuk menggunakan sistem SAPS dan menyalurkan semua butir dan keputusan peperiksaan pelajar. Saya percaya perkara begini telah berlaku di serantau negara ini secara tidak habis-habisan kerana saya sendiri telah mendapat banyak laporan mengenai perkara ini.

Masalah ini tidak seharusnya dipandang ringan oleh kerajaan. Semoga Yang Berhormat Menteri Pendidikan dapat menitikberatkan dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap isu ini. Terima kasih.

5.34 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:
Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin merakamkan penghargaan kepada Ahli Yang Berhormat atas keprihatinan Yang Berhormat Ipoh Barat terhadap isu kesilapan dan

keciciran keputusan peperiksaan pertengahan tahun 2014 seorang murid Tingkatan 2 SMK Methodist Tanjung Malim, Perak.

Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia, pihak Kementerian Pendidikan telah menjalankan siasatan menyeluruh dan hasil siasatan menunjukkan bahawa telah wujud masalah yang berpunca daripada faktor manusia dan masalah komunikasi dalaman. Masalah ini sebenarnya telah pun diambil tindakan dari awal lagi oleh pihak sekolah sejurus selepas bapa kepada murid berkenaan memaklumkan kepada pihak sekolah. Perkara tersebut juga telah dibangkitkan dalam Mesyuarat Agung PIBG sekolah berkenaan pada 28 Februari 2015. Pihak sekolah juga telah membuat penjelasan dalam mesyuarat tersebut mengenai semua tindakan yang telah diambil oleh pihak sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah markah bagi mata pelajaran Kemahiran Hidup yang tidak dimasukkan daripada SAPS juga telah dapat diselesaikan dan slip baru telah dikeluarkan. Pihak sekolah juga telah mengutus surat bertarikh 12 Februari 2015 untuk menjelaskan perkara tersebut kepada pihak pengadu.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai makluman semua Ahli Yang Berhormat, Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah (SAPS) merupakan aplikasi yang dibangunkan bagi menjalankan fungsi sebagai pusat pengumpul, penyimpanan dan menganalisa data peperiksaan dalaman setiap sekolah di seluruh Malaysia dan sistem ini berfungsi secara dalam talian atau *online* dengan izin, yang boleh dicapai oleh pihak tertentu seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah.

Tujuan pembangunan sistem ini adalah untuk menambah baik cara pengumpulan data peperiksaan dalaman dari semua sekolah dan pengumpulan data berpusat ini memberi kemudahan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah serta sekolah sendiri untuk membuat analisis ataupun mengenal pasti kekuatan atau kelemahan sesuatu mata pelajaran bagi tujuan penambahbaikan.

SAPS juga dilengkapi dengan kemudahan cetakan slip peperiksaan dalaman yang boleh diakses oleh ibu bapa atau penjaga berdasarkan nombor kad pengenalan murid berkenaan. Sejak dilancarkan mulai tahun 2010 SAPS telah banyak mengalami penambahbaikan hasil daripada maklum balas pelbagai pihak terutama guru-guru kelas dan guru-guru mata pelajaran.

Kementerian Pendidikan Malaysia berhasrat SAPS dapat membantu pihak sekolah mengurus dan mentadbir peperiksaan dalaman dengan lebih mudah berbanding secara konvensional. Pengoperasian utama SAPS adalah di peringkat sekolah. Oleh yang

demikian, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengeluarkan surat siaran mengenai tatacara pelaksanaan SAPS. Malahan serta taklimat berkaitan dengan pengendalian SAPS di semua peringkat telah disebar luas dengan kerjasama daripada pihak Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah.

Melalui portal SAPS itu sendiri telah tersedia pelbagai maklumat penting termasuk takwim cadangan pelaksanaan peperiksaan dalaman dan tarikh-tarikh penting berkaitan dengan operasi SAPS pada tahun semasa. Sistem berkenaan juga menyediakan talian bantuan bagi menyelesaikan masalah teknikal berkaitan yang dihadapi oleh pihak sekolah. Semua pihak yang terlibat mengendalikan peperiksaan dalaman di peringkat sekolah seharusnya akur dengan ketetapan dan tatacara yang disediakan bagi mengelakkan masalah berbangkit.

■1740

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah ini merupakan masalah terpencil dan Kementerian Pendidikan Malaysia akan mengambil langkah-langkah yang perlu bagi memastikan masalah seperti ini tidak berulang di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia sangat menghargai perkara sedemikian diselesaikan secara harmoni bagi mengekalkan hubungan baik semua pihak terutamanya pihak sekolah, ibu bapa dan murid berkenaan. Sekian, terima kasih.

Peruntukan Bagi Membina Infrastruktur Hub Transshipment ASEAN

5.41 ptg.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Ucapan penungguhan meminta Kerajaan Persekutuan supaya memberi peruntukan membina infrastruktur menjadikan Kota Kinabalu sebagai *hub transshipment* ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, kos sara hidup di Sabah sememangnya sudah diertikan jauh lebih tinggi berbanding dengan lain-lain tempat di Malaysia. Selain daripada menjadi bebanan rakyat Sabah, kos sara hidup ini juga menjadi salah satu faktor penghalang utama pelbagai usaha kerajaan untuk menarik pelbagai jenis pelabur ke negeri Sabah. Pada ketika ini bebanan kos sara hidup ini sangat dirasai oleh rakyat dan lagi dalam keadaan sekarang apabila harga komoditi utama seperti getah, kelapa sawit dan minyak petroleum merudum. Setelah sekian lama Dasar Kabotaj dipersalahkan sebagai faktor utama kenapa kos sara hidup di Sabah adalah jauh lebih tinggi berbanding dengan kos sara hidup di Semenanjung dan rakyat Sabah merasakan mereka telah menjadi mangsa

kepada pelaksanaan Dasar Kabotaj hanya kerana kerajaan mahu membina industri perkapalan tempatan.

Malah tidak keterlaluan kalau kita katakan bahawa kerajaan telah mengorbankan pembangunan dan kemajuan negeri Sabah hanya semata-mata untuk mempertahankan kepentingan industri perkapalan tempatan. Perbezaan harga barangan seperti minuman, kain dan kasut, jentera berat dan peralatan pengangkutan seperti lori dan bas, peralatan komunikasi seperti telefon bimbit, bahan-bahan binaan seperti besi keluli, batu-bata dan sebagainya, bahan-bahan cetak, surat-surat khabar dan majalah, contohnya *medium fuel oil* (MFO) di Sabah ialah RM2.30 seliter berbanding dengan RM2.17 seliter di Semenanjung. Manakala besi keluli mikron 60 ataupun *high tensile deform bars* 16mm hingga 25mm atau 5/8 inci di Sabah harganya ialah RM2,292.50 berbanding dengan hanya RM2,168.86 di Semenanjung.

Rakyat Sabah juga amat terasa dengan perbezaan harga akhbar perdana seperti *The Star* iaitu RM1.40 di Sabah berbanding RM1.20 di Semenanjung Malaysia. Dasar Kabotaj pada prinsipnya menyatakan bahawa perkapalan antarabangsa yang berlayar dari Tokyo, Taipei, Hong Kong dan sebagainya tidak dibenarkan untuk melabuh dan mengangkut ataupun menghantar barang-barang daripada Kota Kinabalu. Walaupun dasar ini sudah dirasionalisasikan untuk membenarkan perkapalan antarabangsa untuk melabuh dan mengangkut barang-barang dari Kota Kinabalu tetapi bilangan kapal-kapal antarabangsa yang berbuat demikian sangat terhad atas faktor *efficiency* dan juga boleh barangan yang terlibat.

Efficiency berkait rapat dengan prasarana dan peralatan digunakan di Pelabuhan Sepanggar, Kota Kinabalu. *Volume* barangan yang perlu diangkut juga masih rendah terutama sekali barang-barang buatan daripada kilang-kilang daripada Sabah. Pengeluar barangan daripada negara-negara jiran seperti Vietnam, *Cambodia*, *Philippines*, Kalimantan, Indonesia dan sebagainya dan mengangkut barangan mereka ke Pelabuhan Sepanggar Kota Kinabalu untuk dihantar ke destinasi pasaran antarabangsa seperti negara China, India, Eropah, Amerika, Jepun dan sebagainya. Dengan cara ini masalah *volume* dapat diatasi. Tentu sekali untuk menarik syarikat-syarikat negara jiran menghantar barangan mereka ke Kota Kinabalu. Maka adalah amat kritikal supaya prasarana dan peralatan Pelabuhan Sepanggar dipertingkatkan.

Untuk tujuan ini sekurang-kurangnya sebanyak RM2 bilion diperlukan untuk memulakan kerja-kerja menjadi Kota Kinabalu sebagai *transshipment hub*. Adalah tepat pada masanya Kerajaan Persekutuan mengambil inisiatif ini pada ketika di mana Malaysia diberi kepercayaan sebagai Pengerusi ASEAN sekali gus melaksanakan apa

yang dikatakan sebagai ASEAN *Economic Community*. Masa juga bertepatan dari kerajaan untuk memberi satu suntikan kemajuan untuk satu peruntukan khas pembangunan demi membayar balik pengorbanan negeri Sabah memikul bebanan kesan pelaksanaan Dasar Kabotaj.

Oleh itu, Tuaran meminta supaya Kerajaan Persekutuan memberi peruntukan sekurang-kurangnya RM2 bilion untuk membina dan mempertingkatkan lagi prasarana dan peralatan Pelabuhan Sepanggar, Kota Kinabalu sekali gus menjadikan Kota Kinabalu sebagai *transshipment hub* ASEAN. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat.

5.45 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]:
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan mengambil maklum permintaan Yang Berhormat Tuaran supaya Kerajaan Persekutuan memberi peruntukan untuk projek pembesaran Pelabuhan Sepanggar. Seperti Yang Berhormat Tuaran sedia maklum, pelabuhan-pelabuhan di Sabah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sabah seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun Kementerian Pengangkutan bersedia bekerjasama dengan pihak Kerajaan Negeri Sabah dalam usaha membangunkan Pelabuhan Sepanggar. Kenyataan Yang Berhormat Tuaran bahawa Kerajaan Persekutuan memberi suntikan peruntukan khas bagi Pelabuhan Sepanggar demi membayar balik pengorbanan negeri Sabah memikul bebanan pelaksanaan Dasar Kabotaj adalah tidak adil.

Kementerian Pengangkutan ingin memberi penjelasan mengenai Dasar Kabotaj serta amalannya. Untuk makluman Yang Berhormat Tuaran, Dasar Kabotaj adalah satu dasar yang menetapkan bahawa perkhidmatan perkapalan domestik di dalam perairan sesebuah negara dikhaskan hanya untuk kapal-kapal negara sahaja. Ia untuk tujuan membangunkan kapasiti dan keupayaan perkapalan tempatan.

Kedua, mengurangkan kebergantungan negara kepada kapal-kapal asing yang menyebabkan pengaliran keluar wang negara dalam bentuk tambang kapal dan insurans. Ketiga, strategi keselamatan di mana kerajaan boleh menggunakan kapal-kapal domestik sewaktu berlaku sebarang krisis, kecemasan ataupun semasa peperangan.

Dasar Kabotaj turut diamalkan di negara-negara maju dan sedang membangun seperti Amerika Syarikat, Kanada, Jepun, Filipina dan Indonesia. Dasar Kabotaj juga diiktiraf oleh *World Trade Organization*, dengan izin sebagai bidang strategik dan

berkepentingan bagi sesebuah negara dan dikecualikan dalam mana-mana rundingan antarabangsa. Kebanyakan negara yang mengguna pakai Dasar Kabotaj melaksanakan dasar tersebut dengan agak ketat seperti di Amerika Syarikat di mana hanya kapal yang dibina dan diselenggarakan dibenarkan beroperasi di sektor domestik perairan Amerika Syarikat serta dianggotai oleh anak-anak kapal daripada kalangan warganegara Amerika Syarikat. Manakala negara seperti Jepun, Indonesia dan Thailand hanya membenarkan kapal-kapal yang berdaftar di negara mereka sendiri sahaja yang beroperasi di sektor domestik.

Namun Dasar Kabotaj yang diamalkan di Malaysia adalah agak liberal di mana pengecualian telah diberi kepada kapal-kapal asing untuk turut beroperasi di sektor domestik sekiranya kapal-kapal Malaysia tidak dapat memenuhi permintaan kerja yang ditawarkan. Selain itu, kerajaan juga memberi kelonggaran kepada pelaksanaan Dasar Kabotaj bagi aktiviti *containerized transshipment cargo*, dengan izin untuk sektor-sektor tertentu termasuk ke dan dari Pelabuhan Sepanggar.

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan Yang Berhormat Tuaran bahawa Dasar Kabotaj menghalang kapal asing dari Tokyo, Taipei, Hong Kong dan Seoul singgah ke Kota Kinabalu adalah tidak benar.

■1750

Dasar Kabotaj sebenarnya tidak menghalang perkhidmatan perkapalan antarabangsa sama sekali di mana kapal-kapal asing bebas untuk mengunjungi mana-mana pelabuhan di Malaysia tanpa sebarang sekatan untuk mengangkut terus kargo eksport ataupun import.

Harga fret perkapalan domestik yang tinggi didakwa sebagai punca kepada harga barangan keperluan harian yang tinggi di Sabah. Secara amnya, harga *freight* kapal yang tinggi bagi sektor Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak adalah disebabkan oleh ketidakseimbangan perdagangan yang ketara. Bagi setiap dua kontena berisi yang diangkut dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak, hanya sebuah sahaja kontena berisi yang diangkut semula ke Semenanjung Malaysia manakala sebuah lagi adalah kosong. Keadaan ini menyebabkan syarikat perkapalan terpaksa mengambil kira kos pengendalian kontena yang kosong yang terpaksa dibawa semula ke Semenanjung. Ketidakseimbangan ini adalah berpunca dari kurangnya kargo dari Sabah dan Sarawak untuk dieksport keluar dan ini menyebabkan *volume* import menjadi lebih besar daripada *volume* eksport.

Fenomena harga *freight* kapal yang tinggi bagi pengangkutan barangan dari Semenanjung ke Sabah ini adalah tidak unik kepada Malaysia semata-mata. Fenomena

ini berlaku bagi mana-mana sektor perdagangan di dunia yang mengalami senario yang sama iaitu aliran perdagangan yang tidak seimbang seperti contoh di Pasifik dan di Eropah dengan sektor Timur Jawa.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah diperjelaskan beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini, penentuan harga sesuatu barangan adalah tertakluk kepada keseluruhan kos rantaian bekalan termasuk kos pengeluaran, kos pengangkutan kapal, kos pelabuhan, kos logistik daratan dan kos perkhidmatan ejen penghantar. Dengan demikian, dakwaan bahawa Dasar Kabotaj adalah faktor utama kepada kos sara hidup yang tinggi di Sabah adalah tidak berasas sama sekali.

Seperti yang telah diakui oleh Yang Berhormat Tuaran, bilangan kapal antarabangsa yang terhad di Pelabuhan Sepanggar disebabkan oleh faktor kecekapan pelabuhan dan kekurangan *volume* kargo adalah tepat. Pada amnya, untuk menarik kapal antarabangsa untuk singgah di sesebuah pelabuhan, ianya harus:

- (i) mempunyai kapasiti dari segi kemudahan untuk menampung beberapa kapal;
- (ii) memberi perkhidmatan yang cekap dan boleh diharap;
- (iii) mempunyai kawasan industri yang boleh menjana kargo; dan
- (iv) mempunyai penghubung darat yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan dimaklumkan bahawa satu kajian bagi membangunkan strategi dan pelan perancangan bagi menjadikan Pelabuhan Sepanggar sebagai hab *transshipment* yang dijalankan oleh pihak Kerajaan Negeri Sabah baru selesai. Kementerian Pengangkutan difahamkan bahawa laporan kajian ini akan dibentangkan kepada pihak berkuasa Kerajaan Negeri Sabah terlebih dahulu sebelum sebarang tindakan susulan diambil. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pengangkutan boleh membantu meneliti laporan kajian dan bersedia bekerjasama dengan pihak Kerajaan Negeri Sabah dalam usaha membangunkan Pelabuhan Sepanggar.

Dengan demikian, sebarang peruntukan bagi tujuan peningkatan prasarana di Pelabuhan Sepanggar hanya boleh ditentukan apabila laporan kajian dibincangkan bersama oleh Kerajaan Negeri Sabah dan Kementerian Pengangkutan kelak. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya terima kasih. Baiklah Yang Berhormat, Dewan bersidang semula pada jam 10.00 pagi pada hari Rabu, 20 Mei 2015.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.54 petang]